

SABAH DAN SARAWAK

PUSTAKA BUANA
No. 142, Jalan Choo Lip Kung,
Taman Taynton View,
56000 Cheras,
Kuala Lumpur.
Tel: 03-8945 8505
Fax: 03-8945 8510

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubahsuai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penerbit.

© PUSTAKA BUANA
Cetakan Pertama 2004

ISBN SIRI 983-2642-18-3
ISBN 983-2642-25-6

M
959.52
PUT

Dicetak oleh:
Percetakan Tatt Sdn. Bhd. (270731-D)

M
1146078

01 SEP 2004
Perpustakaan Negara
Malaysia

**SIRI GEMILANG
TANAH NUSA**

SABAH DAN SARAWAK

PUTERI FAHSYAR

SABAH

Yang Dipertua Negeri - TYT Tun Datuk Seri Panglima
Haji Sakaran bin Dandai, SMN, PSM, SPDK, SSAP,
PGDK, ADK, JP

Tarikh Pelantikan: 1 Januari 1995

Ketua Menteri - YAB Datuk Chong Kah Kiat, PGDK,
JSM, JP

Tarikh Pelantikan: 16 Mac 2001

Keluasan - 73 620 km persegi

Ibu Negeri - Kota Kinabalu

Bahagian - 5 (Bahagian Pantai Barat, Kudat,
Pedalaman, Sandakan dan Tawau)

Daerah - 23 (Beaufort, Beluran, Keningau,
Kinabatangan, Kota Belud, Kota Marudu, Kuala
Penyu, Kunak, Lahad Datu, Papar, Penampang,
Ranau, Semporna, Sipitang, Tambunan, Tenom,
Tuaran, Sandakan, Tawau, Sandakan, Kudat,
Nabawan, Pitas)

Daerah Kecil - 10 (Banggi, Kemabong, Matunggong,
Membakut, Menumbok, Putatan, Paitan, Sook,
Tamparuli, Telupid)

Penduduk - 2 716 800

Komposisi Kaum

• Melayu: 165 700

• Kadazandusun: 431 800

• Bajau: 290 600

• Murut: 71 400

• Bumiputera lain: 351 500

• Cina: 252 200

• Lain-lain: 242 400

Kadar Dalam Negara Kasar

(KDNK Mengikut Sektor - RM juta)

• Pertanian dan Penternakan: RM 31 880

• Perhutanan dan Pembalakan: RM 2 764

• Perikanan: RM 2 205

• Perlombongan dan Kuari: RM 9 235

• Pembuatan/Perkilangan: RM 1 1077

• Bekalan Elektrik, Gas dan Air: RM 1 387

• Pembinaan: RM 2 396

• Jualan Borong dan Runcit: RM 10 444

• Restoran dan Hotel: RM 1 331

• Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi:
RM 6 046

• Kewangan, Insuran, Hartanah dan Perkhidmatan
Perniagaan: RM 6 128

KDNK Perkapita - RM 3 556

Sepintas Lalu

Sabah, negeri yang kedua terbesar di Malaysia, terletak di utara pulau Borneo, pulau ketiga terbesar di dunia. Sabah meliputi kawasan seluas 73,620 kilometer persegi dengan pantai sepanjang 14,400 kilometer dengan Laut China Selatan terletak di pantai barat, Laut Sulu di sebelah timur laut dan Laut Celebes di sebelah selatan. Dengan gelaran Negeri Di Bawah Bayu, Sabah tidak sahaja kaya dengan keindahan semula jadi tetapi ia juga kaya dengan warisan budaya penduduknya. Sabah kaya dengan berbagai-bagai jenis tumbuhan. Bunga terbesar di dunia *Rafflesia* dengan kuntumnya berukuran tiga meter garis pusat ditemui di Sabah. Banyak spesies anggerik atau orkid, peruk kera dan *rhododendron* yang didapati tumbuh di Sabah.

Bentuk muka bumi Sabah adalah satu kawasan berbukit-bukau. Kawasannya yang bergunung-ganang disilangi dengan sungai-sungai yang mengalir melalui lembah-lembah menerusi dataran tanah yang subur. Banyak gua ditemui di hutan-hutannya. Gunung Kinabalu yang tertinggi di Asia Tenggara tersergam indah dengan ketinggian 4,101 meter. Hutan-hutan yang subur menghijau menjadi tempat lindungan bagi hidupan liar seperti badak sumbu Sumatra, orang utan, gajah, pelanduk, monyet, tupai terbang, rusa dan burung. Sabah juga dirahmati dengan penduduk berbilang kaum. Masyarakat aslinya terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 kumpulan menggunakan lebih daripada 50 bahasa dan tidak kurang daripada 80 dialek.

Kumpulan etnik yang utama adalah: Kadazandusun (merupakan satu pertiga dari jumlah penduduk Sabah), Murut, Paitan, dan Bajau. Kumpulan penduduk asli yang lain termasuk Bonggi, Iranun, Ida' dan Brunei. Sebagai tambahan, kaum Cina merupakan kumpulan penduduk bukan asli yang terbesar. Dengan itu, Sabah adalah kaya dengan penduduk berbagai-bagai kaum dengan latar belakang kebudayaan masing-masing.

Berdasarkan kepada jumpaan arkeologi, Sabah telah diduduki oleh penghuni sekurang-kurangnya 28,000 tahun yang lalu. Islam sampai di Sabah menjelang akhir abad ke-5 dan ke-16 melalui pedagang Arab dan India dan juga hasil dari pengembangan kerajaan Kesultanan Melayu Brunei. Orang-orang Eropah datang ke Sabah dua abad kemudiannya. Dalam 1775, Syarikat Hindia-Timur British membuka tempat perdagangan di Pulau Balemangan.

Bagaimanapun, Sabah telah ditadbir dengan jayanya oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British dari 1881 hingga 1942 apabila tentera Jepun menduduki negeri ini. Selepas kehancuran akibat peperangan, Sabah jadi jajahan British sehingga 31 Ogos 1963 apabila ia mencapai pemerintahan sendiri dari pihak British. Pada 16 September 1963, Sabah bersama Sarawak, Singapura dan Tanah Melayu menjadi Persekutuan Malaysia.

Sejarah Ringkas

Sabah yang sebelumnya dikenali sebagai Borneo Utara dipercayai telah pun diduduki oleh manusia lebih kurang 27 000 tahun dahulu. Masyarakat Sabah hidup dengan mengamalkan sistem politik puak dan cuma pada kurun ke-16, barulah wujudnya satu sistem politik yang nyata. Ini terjadi apabila Kerajaan Brunei menguasai pantai barat Sabah pada abad ke-16 dan Kesultanan Sulu menguasai pantai timur Sabah (dari Teluk Marudu ke Sungai Sebuku) pada kurun ke-17 dan 18.

Kedatangan British ke Sabah bermula setelah Syarikat Hindia Timur British buat pertama kalinya menduduki Pulau Balambangan. Pada tahun 1764, pihak British berjaya memaksa Sultan Sulu menyerahkan kekuasaannya ke atas kawasan-kawasan di Sabah. Apabila pertikaian dalam menentukan pengganti Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin II berlaku, British berjaya meletakkan Raja Muda Hashim sebagai pengganti Sultan Brunei. Pihak British kemudiannya berusaha agar mereka diberikan konsesi di Sabah dengan menghantar Kapten Mundy untuk menyerang Brunei pada Julai 1864. Pihak British berjaya memperolehi Pulau Labuan dalam satu perjanjian yang ditandatangani pada 25 November 1846.

Dalam pada itu, Kerajaan Brunei telah menandatangani satu perjanjian pada tahun 1850 yang membolehkan Amerika Syarikat menghantar wakil American Trading Company ke Sabah. Wakil syarikat tersebut, Charles Lee Moses yang tiba di Sabah pada tahun 1865 telah mendapat kebenaran daripada Sultan Brunei untuk memajak kawasan di barat Sabah selama 10 tahun. Pada tahun 1870, William Cowie dan Baron Overback berjaya memujuk Sultan Sulu menyerahkan konsesi di Sandakan. Pada tahun 1875, pihak British bersama-sama Baron Overback, William Cowie, Torrey dan Alfred Dent berunding dengan American Trading Company yang gagal untuk membangunkan sebuah lagi perniagaan di

Kimanis, agar menjual kawasan konsesi mereka.

Menjelang tahun 1878, pihak British berjaya menguasai Sabah setelah Sultan Brunei dan Sulu menyerahkan semua kawasan mereka di Sabah kepada British. Pada tahun 1879, pihak British mewujudkan pusat pentadbirannya di Sandakan, Tempasuk dan Papar. Pada 1 November 1881, kuasa British telah mendapat pengiktirafan rasmi daripada Kerajaan British di England. Parlimen British telah mengurniakan 'Piagam Diraja' kepada syarikat tersebut yang membolehkan syarikat tersebut mentadbir Sabah. Dalam tahun tersebut Kompeni Berpiagam Sabah telah ditubuhkan di London dan syarikat ini mentadbir Sabah dengan melantik W.H. Treacher sebagai Gabenor Sabah pertama.

Pada tahun 1888, Sabah telah menjadi negeri naungan British dan mengamalkan pemerintahan ala-British. Pada tahun 1912, Majlis Mesyuarat Undang-undang Negeri telah ditubuhkan dan Sabah telah dibahagikan kepada beberapa residensi. Selepas pendudukan Jepun, Sabah telah diletakkan di bawah pentadbiran BMA (British Military Administration) sehingga tahun 1946. Namun kerugian akibat peperangan menyebabkan syarikat tersebut mendapati agak susah untuk memulihkan ekonomi Sabah. Pada 26 Jun 1946, syarikat tersebut telah mengadakan perjanjian menyerahkan Sabah kepada British dan pada 15 Julai 1946, Sabah secara rasminya menjadi jajahan takluk British. Sir Edward Twinning dilantik sebagi Gabenor Sabah yang pertama. Pada 17 Ogos 1950, Sabah telah menerima satu perlembagaan baru, iaitu Gabenor Sabah akan dibantu oleh Majlis Eksekutif dan Perundangan untuk mentadbir Sabah.

Pada 27 Mei 1961, cadangan gagasan Malaysia di antara Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei telah diumumkan. Pada awalnya, pemimpin parti politik Sabah dan Sarawak tidak bersetuju dengan gabungan ini kerana takut kuasa hal-ehwal dalam negeri akan dikuasai oleh kerajaan di Semenanjung. Untuk memberikan penerangan yang sebenar, Tunku Abdul Rahman telah mengadakan lawatan ke Sabah dan Sarawak pada Jun 1961. Pihak British pula menjemput pemimpin-pemimpin politik Sarawak menyertai Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) di Singapura yang telah menghasilkan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (MSCC) yang berfungsi sebagai badan yang menerangkan kepada orang ramai tentang Malaysia.

Hasil pemergian Tunku ke London pada

Oktober 1961, Suruhanjaya Cobbold telah dirubuhkan pada tahun 1962. Suruhanjaya ini telah melawat Sabah dan Sarawak dari Februari hingga April 1962 yang bertujuan untuk mengetahui pandangan penduduk di situ. Hasil daripada laporan suruhanjaya tersebut yang diterbitkan pada 1 Ogos 1962 mengesahkan lebih 70 % rakyat Sabah dan Sarawak bersetuju dengan gagasan itu. Hal ini mendorong pihak British untuk mengisytiharkan penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963.

Dalam pada masa yang sama, Indonesia dan Filipina menentang hebat gagasan ini yang akhirnya membawa kepada pelancaran konfrontasi oleh Indonesia. Penentangan ini telah membawa kepada campur tangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang membuat tinjauan ke Sarawak dan Sabah. Suruhanjaya ini melaporkan bahawa rata-rata penduduk Sabah dan Sarawak bersetuju menyertai Malaysia. Laporan ini yang dikenali sebagai Laporan Michael Mare telah diumumkan secara rasminya pada 14 September 1963. Walaupun mendapat tentangan daripada pihak Indonesia dan Filipina, penubuhan Malaysia telah diisytiharkan secara rasmi pada 16 September 1963 dan Sabah masih kekal di bawah Malaysia sehingga kini.

Sabah terkenal dengan Gunung Kinabalu yang merupakan gunung yang tertinggi di Asia Tenggara dan juga kuda padinya. Di samping keistimewaan tersebut, terdapat pelbagai tempat menarik yang lain yang menjadi daya tarikan pelancong.

Tempat-tempat Menarik:

Bandar, Infrastruktur dan Rekreasi

- ✦ Pekan Semporna
- ✦ Muzium Agop Batu Tulug
- ✦ Kampung Kasigui
- ✦ Bangunan Yayasan Sabah
- ✦ Pengkalan Polis Merin
- ✦ Bandar Kudat
- ✦ Taman Tunku Abdul Rahman
- ✦ Rumah Panjang Rungus
- ✦ Tamu Kota Belud
- ✦ Masjid Negeri
- ✦ Muzium Negeri
- ✦ Pasar Filipina
- ✦ Kompleks Sukan Likas
- ✦ Pusat Rafflesia
- ✦ Kota Belud

Alam Semula Jadi

- ✦ Gunung Kinabalu
- ✦ Air Panas Poring
- ✦ Sungai Kinabatangan/Sukau/Gua Gomantong
- ✦ Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok
- ✦ Lembah Danum
- ✦ Berakin Redah Jeram (Whitewater Rafting)- Sungai Papar, Sungai Kiulu, Sungai Padas
- ✦ Bukit Signal

Pantai dan Pulau

- ✦ Pulau Berhala
- ✦ Pantai Bak-Bak
- ✦ Pulau Layang-Layang
- ✦ Pantai Likas
- ✦ Pulau Mabul
- ✦ Pulau Gaya
- ✦ Pulau Penyu, Selingan
- ✦ Pulau Sipadan
- ✦ Pantai Tanjung Aru

Sabah Moden

Kesultanan Brunei

Pada waktu sebelum abad ke-6, kawasan yang kini dikenali sebagai Sabah, Brunei dan Sarawak adalah berpusat pada kerajaan Brunei dan kerajaan Brunei juga merupakan pusat perdagangan dengan China. Wilayah ini sebaliknya dipengaruhi oleh dua kuasa besar pada waktu itu, iaitu Sri Vijaya di Sumatra dan kemudian Majapahit di Jawa. Bagaimanapun, pada awal abad ke-15, Empayar Melaka di bawah pemerintahan Parameswara telah menyebarkan pengaruhnya dan seterusnya mengambil alih perdagangan Brunei. Perubahan ini menyebabkan agama Islam tersebar di wilayah Brunei oleh pedagang-pedagangnya pada akhir abad ke-15. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 telah menyebabkan Sultan Brunei mengambil alih kepimpinan Islam dari Melaka. Semasa pemerintahan Sultan Bolkiah, kerajaan Brunei telah memperluaskan pengaruhnya ke utara sehingga ke Luzon dan Sulu serta di sebelah selatan dan barat Borneo. Kecuali dari Eropah, pendatang asing yang berurusan dengan Sabah (Borneo Utara) tidak meninggalkan sebarang rekod bertulis tentang kegiatan mereka di kawasan ini. Penduduk tempatan juga tidak memiliki sebarang rekod bertulis kecuali sejarah dan tradisi lisan mereka. Pada 600 tahun Masihi, orang-orang Cina telah datang untuk membuat perdagangan dan hubungan diplomatik

dengan Borneo Utara. Rekod Sejarah Brunei (Brunei Annals) telah merakamkan tentang penempatan mereka di kawasan Kinabatangan. Bukti-bukti Arkeologi iaitu seramik yang ditemui di Borneo Utara menunjukkan bahawa orang-orang Cina ada menjalankan perdagangan secara bertukar barang, antara seramik orang-orang Cina dengan rempah ratus dari penduduk tempatan.

Kedatangan Pendatang Eropah

1521

Pigafetta, seorang penulis sejarah Ferdinand Magellan tiba di Brunei dan telah disambut secara besar-besaran.

1526

Orang Portugis yang diketuai oleh Menezes melawat Brunei.

1577

Kuasa Sepanyol telah menakluk Filipina dan juga menyerang Brunei. Kesultanan Sulu juga ditakluk oleh Sepanyol.

1609

Belanda telah mendirikan pangkalan dagangan di Batavia (Jakarta), Jawa.

1658

Sultan Brunei telah menghadiahkan kawasan timur laut Borneo kepada Sultan Sulu sebagai penghargaan baginda terhadap Sultan Sulu dalam menyelesaikan perang saudara di antara Sultan Abdul Mubin dengan Pengeran Mohidin. Persengketaan dalaman kerajaan Brunei merupakan satu faktor yang menyebabkan kejatuhan empayar tersebut.

1665

Kapten Cowley telah melawat Borneo dan beliau merupakan orang Inggeris pertama yang melakukan lawatan ke Borneo.

Balembangan

Dalam tahun 1761, Alexander Dalrymple seorang pegawai dari Syarikat Hindia-Timur British di Madras, India telah membuat satu perjanjian dengan Sultan Sulu yang membenarkan beliau membuka satu pangkalan perdagangan di kawasan Borneo Utara. Beliau telah memilih Pulau Balembangan kira-kira 20 batu dari utara bandar Kudat. Pada tahun 1763, Dalrymple telah mengibarkan bendera British di Balembangan dan menamakan pulau itu 'Felicia'.

Kemudian seorang pegawai iaitu John Herbert dihantar untuk mendirikan penempatan di Felicia (Balembangan). Namun begitu penempatan ini menghadapi masalah sejak ia dimulakan. Kepincangan urusan pentadbiran, rompakan di laut dan kemusnahan kebakaran telah membawa kehancuran kepada pangkalan dagangan ini pada akhir 1775. Satu usaha untuk menyusun semula pangkalan ini telah dilakukan pada 1803 oleh General Gabenor India, Lord Arthur Wellesley melalui pegawainya Robert J. Farquhar, Residen di Amboina. Dalam usaha ini Felicia telah dijadikan stesen ketenteraan tetapi usaha tersebut gagal dan stesen ini ditinggalkan pada November 1805. Perhatian British kemudian beralih kepada kawasan lain di gugusan pulau Melayu.

Labuan

Minat British terhadap Borneo Utara dihidupkan semula selepas tempoh 40 tahun khususnya Labuan, sebuah pulau yang terletak di sebelah barat laut Borneo. Pada 1844, James Brooke berunding dengan Sultan Brunei tentang penyerahan pulau Labuan untuk digunakan oleh British sebagai tempat melombong batu arang di samping menjadikan satu pangkalan untuk membenteras kegiatan lanun serta meningkatkan perdagangan. Pada 18 Disember 1846, satu perjanjian telah ditandatangani yang menyebabkan pulau Labuan dan pulau-pulau kecil yang berhampiran diserahkan buat selamanya oleh Sultan Brunei kepada pihak British. Brooke telah menjadi Gabenor Labuan yang pertama dan Konsul Besar di Borneo. William Napier dilantik menjadi Timbalan Gabenor, Hugh Low sebagai Setiausaha Kolonial dan Spencer St. John sebagai setiausaha sult kepada Brooke. Labuan tidak mampu berkembang seperti mini Singapura atau Pulau Pinang, seperti yang diharapkan oleh pengasasnya. Iklim yang tidak memuaskan, serangan malaria dan kekurangan kemudahan asas telah menjadi faktor penghalang kepada pembangunan pulau tersebut. Rentetan sejarah Labuan boleh dilihat daripada pelbagai perubahan pentadbirannya. Pada tahun 1890, Labuan telah diletakkan di bawah pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British. Pada 1907, ia diletakkan di bawah kerajaan Negeri-negeri Selat.

Selepas Perang Dunia Kedua, Labuan menjadi sebahagian daripada jajahan Borneo Utara. Kemudian pada 16 April 1984, Labuan telah menja

di sebahagian daripada Wilayah Persekutuan Malaysia, Syarikat Perdagangan Amerika (American Trading Company) dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (The British North Borneo Chartered Company). Selepas kekecewaan British terhadap Labuan, minat British terhadap Borneo Utara pudar sehinggalah ke tahun 1881 apabila sebuah syarikat perdagangan, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British mula mentadbir Borneo Utara. Walau bagaimanapun kehadiran mereka telahpun didahului oleh pengaruh dan minat Amerika buat seketika.

Pada 1865, seorang konsul Amerika di Brunei, Claude Lee Moses telah berjaya menyewa Borneo Utara dari Sultan Brunei untuk tempoh 10 tahun. Kemudian beliau menjualnya kepada Syarikat Perdagangan Amerika (American Trading Company) yang dimiliki oleh J.W. Torrey, T.B. Harris dan beberapa orang pedagang Cina. Torrey memilih Kimanis, satu kawasan di barat daya Borneo Utara sebagai pangkalannya dan memulakan pembinaan penempatan lalu dinamakan 'Ellena'. Usaha mencari bantuan kewangan bagi membiayai pembangunan penempatan tersebut gagal lalu ditinggalkan. Dengan hampir menjelangnya tamat tempoh sewaan wilayah tersebut, Torrey berhasil menjual haknya kepada konsul Austria di Hong Kong iaitu Baron Von Overbeck. Overbeck berjaya memperbaharui tempoh sewaan tersebut untuk 10 tahun dari Tumonggong Brunei. Selain itu, Overbeck berhasil mendapatkan bantuan kewangan dari Dent bersaudara (Dent brothers - Alfred and Edward) bagi menampung perbelanjaan rancangan yang dirancang untuk Borneo Utara. Beliau bersama Count Montgelas, dari Kedutaan Austro-Hungarian di London dan A.B. Mitford, seorang ahli politik kemudiannya telah memberi hak-hak mereka kepada Alfred Dent.

Pada tahun 1888, Borneo Utara telah menjadi negeri naungan British di mana kerajaan British akan melindungi Borneo Utara di bawah pengaruh British. Pemerintahan Syarikat ini terhadap Borneo Utara telah memberi banyak pembangunan di kawasan ini. Borneo Utara diperintah melalui satu sistem secara haintiki (tidak langsung). Pada amnya pentadbiran berjalan dengan aman, namun begitu terdapat juga beberapa penentangan kecil. Penentangan yang serius termasuklah Perang Mat Salleh dari tahun 1894-1900 diikuti oleh penentangan Rundum yang dilakukan oleh suku Murut dalam tahun 1915. Pihak

BNBCC berupaya memerintah Borneo Utara sehingga 1942, selama 60 tahun apabila Perang Dunia Kedua tercetus. Tentera Jepun mendarat di Labuan pada 1 Januari dan menduduki Borneo Utara sehingga ia dibebaskan oleh askar dari '9th Division Australian Imperial Forces (A.I.F)' pada tahun 1945. Selepas Perang Dunia Kedua, Borneo Utara telah ditadbir oleh Pentadbiran Ketenteraan British (British Military Administration) sehingga 15 Julai 1946 apabila kerajaan sivil disambung semula.

Crown Colony

Pada 15 Julai 1946, Borneo Utara diletakkan di bawah jajahan British kerana BNBCC tidak mampu membina semula kemusnahan Borneo Utara selepas Perang Dunia Kedua. Kemusnahan teruk yang dialami oleh bandar Sandakan telah menyebabkan Jesselton dipilih sebagai ibu negeri selepas era Perang Dunia Kedua dan status ini kekal ke hari ini. Sistem pentadbiran penjajahan selepas perang adalah sama dengan sistem pentadbiran pada era BNBCC. Pembinaan semula dan pembangunan negeri Borneo Utara menjadi fokus utama para pentadbir.

Kemerdekaan

Pada amnya keadaan negeri Borneo Utara adalah aman dan tenang sehingga tahun 1960-an apabila wujudnya kesedaran politik. Keinginan kemerdekaan seperti yang dicapai oleh negara lain telah sampai ke Borneo Utara. Penyebaran semangat ini bermula dengan pengumuman yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaya, Tunku Abdul Rahman pada tahun 1961 berkaitan dengan pembentukan Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada Malaya, Borneo Utara, Sarawak, Brunei dan Singapura. Malaysia telah wujud dengan rasminya, tanpa Brunei, pada 16 September 1963 dan nama Borneo Utara telah ditukar kepada Sabah. Terlebih dahulu dari itu, Borneo Utara telah mencapai kemerdekaan dari British pada 31 Ogos 1963. Bagaimanapun pada tahun 1965, Singapura keluar daripada Persekutuan Malaysia. Penglibatan negeri Sabah dalam Persekutuan ini banyak membawa perubahan dari aspek pentadbiran, politik, sosial dan sebagainya. Sabah terus mengalami pembangunan yang pesat dan seterusnya memasuki era baru yang lagi mencabar sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia.

Bibliografi:

Warisan Sabah: Pengenalan Ringkas Sejarah dan Warisan Sabah. Jabatan Muzium Sabah, Kota Kinabalu. 1992.

Beluran

Klagan adalah merupakan Pusat Pentadbiran Daerah Labuk Sugut yang pertama, disebabkan kawasan tersebut seringkali dilanda banjir, pada tahun 1945. Pemerintah British telah memindahkan Pusat Pentadbiran ke Kaki Bukit yang dipanggil Buludan oleh masyarakat tempatan. Pada mulanya nama daerah ini adalah Daerah Labuk Sugut Buludan, yang bererti bukit dalam bahasa Dusun Labuk, Sungai dan Tidong. Ia merujuk kepada bukit yang merupakan 'land mark' pekan ini. Pertukaran nama terjadi akibat daripada salah sebutan dan ejaan dalam surat-menyurat oleh warga Inggeris yang tidak fasih menyebut perkataan dalam bahasa tempatan menyebabkan Buludan bertukar kepada Beluran dan kekal sehingga kini.

Kedudukan Geografi

Daerah Beluran terletak di Timur Laut Negeri Sabah, dan berkongsi sempadan dengan Sandakan, Kinabatangan, Ranau, Pitas, Kota Merudu dan Filipina.

Bentuk Muka Bumi

Daerah ini sebahagian besarnya terdiri daripada tanah rata yang sesuai untuk pertanian, sebahagiannya tanah landai dan berbukit-bukau sementara di kawasan pantai merupakan hutan bakau.

Perhubungan

Rangkaian jalan raya telah dinaik taraf ke jalan aspal dan buat masa ini masih dalam penyelenggaraan dan pembaikan. Selain jalan raya terdapat beberapa batang sungai utama yang merupakan nadi perhubungan serta banyak mempengaruhi sistem penempatan penduduk seperti berikut:-

- i. Sungai Labuk
- ii. Sungai Sapi
- iii. Sungai Tongod
- iv. Sungai Sugut
- v. Sungai Lingkabau
- iv. Sungai Paitan
- vii. Sungai Tangkarason

Keluasan

Luas kawasan Daerah Beluran adalah 7,717 kilometer persegi atau 2,979 batu persegi atau 841,895.7 hektar (2,062,091 ekar) dan kedua terbesar di Sabah selepas Daerah Tongod.

Penduduk dan Suku Kaum

Jumlah keseluruhan ialah 74,000 orang. Suku kaum utama yang tinggal di daerah ini ialah Dusun-Kadazan, Sungai, Tidong, Bajau, Sulukvi, Rungus, Berunai, Dumpas, Cina dan lain-lain.

Kampung dan Mukim

Terdapat 11 buah mukim dan 131 buah kampung di daerah ini.

Labuk Beluran - 4 buah mukim dan 46 buah kampung

Telupid - 2 buah mukim dan 16 buah kampung

Sugut - 5 buah mukim dan 69 buah kampung

Ekonomi

Pertanian merupakan penyumbang dan aktiviti utama daerah ini di samping perikanan. Kelapa sawit merupakan tanaman utama. Tanaman lain ialah getah, koko, rotan, buah-buahan, padi dan sebagainya. Mengikut rekod Jabatan Pertanian Beluran, pada masa ini daerah ini mempunyai lebih kurang 188 buah estate dengan keluasan 160,386.11 hektar. Bilangan pekebun-pekebun kecil juga amat menggalakkan.

Binatang

Majlis Daerah Binatang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1956 di bawah perbekalan-perbekalan dalam Perintah Kuasa Tempatan (Majlis Daerah Binatang), 1955 seiringan dengan 15 orang Ketua Masyarakat (Kaum) secara tradisional yang dilantik oleh Gabenor Kerajaan Koloni pada masa itu. Mereka telah membentuk keanggotaan/keahlian Majlis di bawah pengerusi yang dilantik berdasarkan jawatan Pegawai Daerah. Kumpulan pertama 15 orang konselor Majlis telah dipilih secara undi sulit yang pada dasarnya bersifat percubaan atas pengundian oleh pembayar-pembayar cukai rumah yang dewasa di kawasan tempatan. Pemilihan ini telah menggantikan ahli-ahli Majlis yang telah dilantik dan Pengerusi yang berkhidmat sebelum itu berkuatkuasa pada 1.1.1960. Kemudiannya, 14 orang yang bertanding menggunakan parti-parti politik dan seorang bebas telah di-

pilih dalam Pilihanraya Umum, yang mana pemilihan ini telah mendahului kemerdekaan Sarawak melalui penyertaannya dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963.

Pemilihan ini telah dilaksanakan secara undi sulit dan pengundiannya oleh orang-orang dewasa secara umumnya. Ahli-ahli baru yang dipilih melalui pemilihan ini telah mengambil alih tempat Ahli-ahli Majlis terdahulu berkuatkuasa pada 1.7.1963. Pada permulaannya, Majlis Daerah Binatang telah menye-
wa tingkat bawah sebuah rumah kedai persendirian sebagai tempat Pejabat Am bagi pengurusannya. Dan secara terus menerus telah menggunakan bilik mesyuarat Dewan Perdagangan China Binatang (Binatang Chinese Chamber of Commerce) untuk tempat mengadakan Mesyuarat Agung dan Komite Tetap Majlis. Alaman ini telah berakhir apabila bangunan Pejabat Majlis telah siap dibina pada awal tahun 1960.

Majlis pada ketika itu bergantung kepada hasil pendapatan yang setakat tertentu kepada pungutan cukai ke atas harta (cukai yang dikenakan ke atas nilai bagi semua harta benda yang terletak di dalam Pekan Binatang kecuali Kampung Melayu), cukai mengikut adat kebiasaan (iaitu cukai kepala dikenakan \$1.00 ke atas setiap orang lelaki Melayu atau Melanau yang dewasa; dan cukai pintu sebanyak \$1.00 dikenakan ke atas setiap bilik bagi rumah panjang Iban) dan cukai SES penyamaan (iaitu cukai sebanyak \$1.00 dikenakan ke atas setiap lelaki dewasa yang bukan bumiputra). Majlis banyak bergantung dan meng-
hazapkan geran daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, cukai mengikut adat kebiasaan dan cukai SES penyamaan (*equalisation less*) telah dihentikan apabila cukai dikenakan ke atas apa sahaja premis di dalam kawasan pada 1.1.1957.

Kerajaan Sarawak juga telah memulangkan kepada Majlis hasil kerajaan termasuk cukai yang dipungut oleh Majlis bagi pihak kerajaan dari lesen-
sen peniaga getah dan juga Senjata Api serta peluru. Sebenarnya, cukai mengikut adat kebiasaan yang dipungut oleh Majlis adalah juga merupakan hasil serupa yang dipulangkan kepada Majlis. Pada awal lag, Majlis telah mengambil alih daripada Lembaga Perbandaran Binatang (Binatang Municipal Board) yang tidak berfungsi itu fungsi-fungsinya yang lepas bagi semua perkhidmatan rutin harian seperti penjaga-
an am, pungutan sampah-sarap, lampu jalan, penyelenggaraan jalan raya, memadam api, menga-

wal perdagangan yang berbahaya, berbahaya, tempat hiburan, kedai makan, kedai kopi, pembuatan air minuman berkarbonik, penyimpanan petrol, penjaja, kenderaan bukan bermotor, anjing, bangunan premis dan peruntukan bagi market, tandas awam dan rumah penyembelihan binatang. Majlis juga telah mengambil alih daripada Pegawai Daerah beberapa fungsinya seperti perlesenan untuk kedai kampung, kedai terpencil, pemeriksaan timbang dan sukat. Juga mengambil alih juga pendidikan sekolah rendah Iban daripada Kuasa Tempatan Dayak Rejang Bawah (Lower Rejang Dayak Local Authority).

Serentak dengan itu juga, Majlis mula menye-
diakan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak. Majlis juga mengambil alih tanggungjawab penguru-
san sekolah-sekolah rendah dan membantu Sekolah-sekolah Rendah Bantuan Kerajaan. Kemudiannya, tanggungjawab perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak telah diserahkan kepada Jabatan Pendidikan pada 1.1.1973. Tanggungjawab perkhid-
matan kesihatan ibu dan kanak-kanak telah disera-
hkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan pada 1.1.1979. Unit Pemadam Api Majlis pula telah diserahkan kepada Jabatan perkhidmatan Bomba Malaysia pada 15.5.1981. Lembaga Perbandaran Binatang (Binatang Municipal Board) dan Kuasa Tempatan Dayak Rejang Bawah (Lower Rejang Dayak Local Authority) adalah dua agensi Kuasa Tempatan awal bagi Majlis Daerah Binatang pada masa itu. Lembaga Perbandaran Binatang telah ditubuhkan dalam tahun 1934 di bawah Ordinan Perbandaran bagi Pekan Binatang dengan wakil-
wakilnya yang dicalonkan dengan cara tidak rasmi dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Fungsi Lembaga tersebut telah dihentikan semasa pemerin-
tahan serta pendudukan Jepun di Sarawak dan kemudiannya, dipulihkan semula seperti sedia kala selepas peperangan. Manakala Kuasa Tempatan Dayak Rejang Bawah telah ditubuhkan dalam tahun 1950 di bawah perintah (Perlembagaan) Kuasa Tempatan bagi Daerah Binatang dan Daerah Sarikei.

Tawau

Tidak banyak yang diketahui mengenai sejarah awal Tawau terutama sebelum tahun-tahun 1890-an. Walaupun demikian setelah kesulitan Sulu menye-
rahkan kawasan di persekitaran Tawau yang wujud masakini kepada pihak Inggeris dengan terme-
terainya perjanjian yang ditandatangani pada

22.1.1878, Tawau menjadi sebahagian daripada kawasan jajahan orang-orang Inggeris iaitu melalui Syarikat (Berpiagam) Borneo Utara. Mengikut catatan *The North Borneo Annual Volume* (1955-1965) menyatakan sistem pentadbiran bermula pada tahun 1898, iaitu berikutan langkah-langkah pihak Syarikat (Berpiagam) Borneo Utara membuka sebuah penempatan di Tawau dan seterusnya mengadakan asas-asas Pentadbiran Kerajaan Tempatan di situ.

Oleh kerana Tawau berkongsi sempadan dengan Indonesia, pihak pemerintahan Inggeris telah mengambil langkah-langkah untuk menetapkan sempadan agar perselisihan faham dengan kekuasaan Belanda yang memerintah Indonesia pada masa tersebut tidak timbul. Ini disebabkan sempadan asal bagi kawasan yang telah diserahkan kepada pihak Inggeris oleh kedua-dua Sultan Brunei dan Sultan Sulu ialah di bawah Sungai Sibuco berdekatan dengan Tarakan (Indonesia) yang mana kawasan tersebut termasuk di bawah pemerintahan Belanda yang ketika itu telah sedia ada menghuni di kawasan tersebut. Berikutan dengan itu satu Suruhanjaya Sempadan telah ditubuhkan pada tahun 1912 yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari United Kingdom dan Belanda. Sebuah Laporan Bersama telah disediakan berserta dengan peta dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya masing-masing di Tawau pada 17 Februari 1913. Kemudian mengikut protokol di antara United Kingdom dan Belanda yang telah ditandatangani di London pada 28 September 1915, kedua-dua kerajaan mengesahkan laporan bersama dan peta tersebut.

Penghijrahan pekerja-pekerja luar yang datangnya dari negara jiran Indonesia dan Filipina adalah faktor utama menyebabkan kepesatan pertumbuhan penduduk Daerah Tawau. Penghijrahan pekerja-pekerja luar ini memang telah lama bermula sejak zaman sebelum Sabah merdeka. Daerah Tawau yang pada masa itu merupakan sebuah daerah pengeluar pisang lanut (*manila hemp*) yang terbesar di Borneo Utara (nama lain Sabah) banyak mengimport pekerja dari luar terutamanya dari negara Indonesia untuk menampung keperluan tenaga pekerjaanya. Apabila perusahaan tersebut dihentikan pada akhir 1960-an ramai di antara pekerja-pekerja tersebut menetap di Tawau.

Penduduk daerah Tawau adalah terdiri daripada pelbagai suku kaum seperti Melayu, Bajau, Cina,

Bugis, Kokos, Tidung, Suluk, Jawa, Timor, Buton, Banjar, Iban, Toraja, Kadazan, Bisaya dan lain-lain. Daerah Tawau pada dasarnya merupakan sebuah daerah pertanian dengan 160,000 hektar tanahnya sesuai untuk kegiatan pertanian hinggalah ia digelar sebagai 'Bumi Peladang'. Daerah Tawau mempunyai topografi yang berbeza-beza, bergunung-gunang di bahagian tengah dan barat manakala di bahagian timur daerah ini adalah mendatar. Tanah-tanah yang berpotensi dan juga telah dibangunkan dengan pelbagai jenis tanaman terdapat di kawasan tanah rendah dan tanah lurah di kawasan Merotai Kecil, Sungai Kalumpang dan Kalabakan.

Tanah berasal dari gunung berapi terdapat di kawasan Tiger, Table dan Bukit Quin, manakala tanah pesisiran terdapat di sepanjang Sungai Merotai hingga ke Sungai Kalumpang. Iklim daerah Tawau panas dan lembap dengan suhu maksima adalah 31.5° dan suhu minimum adalah 22.9°. Purata hujan tahunan adalah diantara 1,800 hingga 2,500mm. Walau bagaimanapun beberapa tahun kebelakangan ini hujan yang turun tidak menentu dibandingkan pada masa yang lalu membuatkan ramalan agak sukar dibuat. Dianggarkan lebih 55% daripada penduduk daerah Tawau terlibat dengan perusahaan pertanian samada secara langsung atau sepenuh masa.

Kedudukan stesen penyelidikan koko, Bukit Quin Tawau sebagai stesen terunggul pengeluar biji benih koko bermutu tinggi dan terbaik di negeri Sabah dan Malaysia amnya menguatkan kenyataan ini. Syarikat perladangan gergasi seperti Golden Hope, Taiko Pertanian dan Sime Darby masing-masing mempunyai ladang di daerah ini. Berikut adalah jumlah keluasan tanah yang telah dibangunkan untuk tujuan pertanian.

Jenis Tanaman	Keluasan Tanah
Koko	34,570 hektar
Kelapa Sawit	76,706 hektar
Getah	6,790 hektar
Kelapa	5,338 hektar
Kopi	1,603 hektar
Lain-lain	562 hektar
Jumlah	127,252 hektar

Selain itu, seluas 36,233 hektar tanah juga telah ditanam dengan pokok kayu lembut (kayu kertas) yang cepat membesar di kawasan Brumas, Kalabakan dan Luasong oleh Syarikat Sabah Softwood

Sendirian Berhad, iaitu sebuah syarikat usahasama di antara pihak Yayasan Sabah dengan sebuah syarikat swasta The North Borneo Timber Berhad. Projek ini merupakan projek 'Tanam Semula Hutan' yang dulunya merupakan kawasan pembalakan. Kedudukan Tawau yang strategik telah menjadikannya sebuah daerah yang cepat membangun. Pengusaha-pengusaha bank, insuran, pembalakan, pertanian, perikanan dan lain-lain perniagaan yang ada hubungan dengan perusahaan tersebut telah datang ke Tawau dan menjadikan bandar ini sebagai pusat operasi mereka untuk kawasan pantai timur Sabah.

Sehubungan itu, banyak bangunan-bangunan baru dibina bagaikan cendawan tumbuh di musim hujan mempesatkan lagi pertumbuhan pembangunan di daerah ini. Sebagai contoh, pada masa ini lebih daripada 30 buah bank dan institusi kewangan sedang beroperasi di Bandar Tawau. Untuk mengimbangi pembangunan yang pesat ini, kerajaan persekutuan dan juga Kerajaan Negeri telah membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk pembangunan infrastruktur di daerah ini. Kemudahan-kemudahan umum seperti Padang Stadium dan Padang Bandaran, Dewan Masyarakat, pusat-pusat rekreasi, tandas-tandas awam, pasar awam, tempat-tempat beribadat dan sebagainya telah dibina untuk untuk kegunaan dan kesesakan.

Pembangunan - Kemudahan Infrastruktur:

Bekalan Elektrik

Kemampuan bekalan elektrik untuk Bandar Tawau ialah 120 megawatt, sementara peak loadnya ialah 122 megawatt. Walau bagaimanapun, bekalan elektrik ini bukan sahaja terdapat di kawasan bandar sahaja malah juga di luar bandar. Pada masa ini terdapat tujuh buah stesen elektrik luar bandar telah pun disediakan dan kerajaan juga sedang merancang untuk membina empat buah lagi projek yang sama pada masa hadapan.

Bekalan Air

Pengeluaran air bertapis (*treated water*) sehari ialah sebanyak 73.5 mega liter, sementara bilangan sambungan meter ialah sebanyak 26,000 sambungan dengan jumlah permintaan sebanyak 73 mega liter sehari. Ini bermakna bekalan air ialah sebanyak sepanjang 90 batu.

Jalan Raya

Terdapat 309.02 batu jalan raya di daerah Tawau. 49.02 batu adalah di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan, sementara 260 batu lagi di bawah jagaan Kerajaan Negeri. Setakat ini Kerajaan Persekutuan telah menurap 36.59 batu dan Kerajaan Negeri pula menurap sepanjang 90 batu.

Lapangan Terbang

Pada masa ini Lapangan Terbang Tawau mampu mengendalikan pesawat-pesawat jenis Boeing 737 dan juga telah dilengkapi dengan alat-alat pendaratan pada waktu malam. Dalam tahun 1997, lapangan terbang ini mengendalikan seramai 398,839 penumpang. Di samping itu sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa yang terletak di Kilometer 30 Jalan Apas sedang dalam pembinaan di daerah Tawau ini menggantikan lapangan terbang yang sedia ada, dengan keupayaan untuk mengendalikan penumpang yang lebih tinggi dari lapangan terbang masa kini.

Pelabuhan Tawau

Pelabuhan Tawau telah mengalami berbagai perubahan dan yang terakhir sekali ialah projek pembesaran pelabuhan yang bernilai lebih RM60 juta ringgit. Ini juga adalah salah satu antara pelbagai projek kerajaan Negeri yang terbesar di daerah ini. Projek ini siap dibina dalam tahun 1982. Ianya juga menjadikan Pelabuhan Tawau yang ketiga terpenting di Sabah.

Pasar Besar Tawau

Pasar Besar ini merupakan pasar yang terbesar di Sabah, bagaimanapun ramai yang beranggapan ia adalah yang terbesar di negara ini. Pasar ini mempunyai 1,073 gerai. Konsep bangunan pasar tersebut mempunyai ciri-ciri khas bertingkat tiga dengan aras lantai yang berperingkat di dalamnya.

Pendidikan

Pada masa ini daerah Tawau mempunyai 63 buah sekolah dengan bilangan murid seramai 36,751 orang. 47 buah daripada sekolah ini adalah Sekolah Rendah sementara 16 buah lagi adalah Sekolah Menengah dan sebuah Sekolah Menengah Teknik. Jumlah bilik darjah ialah sebanyak 888 buah dan guru-guru yang berkhidmat pula ialah seramai 1,416 orang. Pada masa ini juga Jabatan Pendidikan Tawau sedang dalam proses perancangan untuk membina 6 buah lagi sekolah untuk mengimbangi pertumbuhan

penuntut-penuntut sekolah di daerah ini yang dianggarkan lebih 10% setahun.

Perubatan dan Kesihatan

Untuk kemudahan penduduk daerah ini mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan, kerajaan telah membina sebuah hospital yang diberi nama Hospital Besar Tawau. Di kawasan luar bandar, kerajaan telah menyediakan sebanyak 8 buah klinik desa untuk ibu-ibu dan kanak-kanak mendapatkan rawatan dan 3 buah Pusat Kesihatan Kecil. Kerajaan juga menyediakan Klinik Bergerak untuk melawat kampung-kampung dan pada masa ini sebanyak 14 buah kampung sedang menerima perkhidmatan ini. Selain daripada itu, kerajaan juga menjalankan Rancangan Kesihatan Alam Sekitar Kebangsaan dengan memberikan bantuan alat-alat untuk membina tandas kampung dan pam air.

Masjid Daerah Tawau

Sebuah masjid yang boleh menampung 16,000 jemaah yang turut menyediakan bangunan pejabat dan kemudahan perpustakaan, bilik kuliah dan dewan persidangan kini sedang dalam pembinaan. Ianya merupakan masjid yang terbesar di Sabah yang bercirikan keluasan ruang untuk menunaikan solat memandangkan masyarakat Islam di Tawau adalah yang terbesar di negeri Sabah.

Taman Bukit Tawau

Taman Bukit Tawau seluas 27,972 hektar adalah antara kawasan peranginan di daerah Tawau yang mempunyai pelbagai hidupan semulajadi termasuk hutan tebal. Kawasan diliputi hutan tebal di Taman Bukit Tawau mampu menarik minat pencinta alam samada untuk menjalankan kajian dan penyelidikan atau sekadar datang berkunjung. Pokok tinggi serta rendang yang menutupi kawasan itu memberikan laluan kepada pokok kecil hidup subur dan menjadikan kawasan itu lebih nyaman dengan udara bersih. Selain mempunyai hutan tebal yang mampu memberi ketenangan, pengunjung yang datang juga pasti terpesona dengan keindahan air terjun semula jadi. Tidak jauh daripada kawasan air terjun itu, ada pula kolam air panas semulajadi yang mempunyai pemandangan indah dan membolehkan pengunjung merehatkan otot serta tulang apabila berendam di dalamnya.

Bagi aktiviti lasak pula, Taman Bukit Tawau turut menyediakan kemudahan untuk menerokai, belajar dan mengenali dengan lebih dekat lagi flora

dan fauna yang terdapat di sana. Manakala bagi aktiviti mencabar, pengunjung berpeluang mendaki Gunung Bombalai dengan ketinggian 530 meter dan menantikan panorama indah daerah Tawau serta laut Sulawesi. Antara kemudahan penginapan yang disediakan di Taman Bukit Tawau ialah dua blok asrama dikenali sebagai Agathis Hostel A&B yang boleh menampung 80 orang dan juga sebuah chalet. Kemudahan kawasan perkhemahan yang boleh menampung 500 hingga 1,000 peserta turut disediakan. Dua bilik khas juga disediakan bagi pengembara yang tidak bertujuan untuk menginap. Untuk ke sana pengunjung boleh menghubungkan pusat pentadbiran yang letaknya 24 kilometer dari bandar Tawau atau dengan menaiki kenderaan sendiri.

Balung River Plantation

Terletak lebih kurang 45 km dari bandar Tawau dengan keluasan 2,000 ekar dan ianya bersebelahan dengan Hutan Simpan Taman Bukit Tawau yang dibahagikan oleh Sungai Balung. Tanaman seperti pokok kelapa sawit, pokok kayu manis dan buah-buah tempatan hidup subur dengan baja semulajadi daripada tanah lava. Pemandangan yang menghirau ini memberi kedamaian dan ketenangan kepada para pengunjung. Bagi pengunjung yang ingin menginap di estet ini, pihak Balung River Plantation telah menyediakan 3 buah bilik untuk kemudahan pengunjungnya. Chalet chalet ini mempunyai keunikannya yang tersendiri dimana ianya dibina daripada batu-batu sungai dan juga kayu tempatan yang diperolehi sendiri di kawasan persekitaran. Kedinginan pada waktu malam lebih terasa walaupun penghawa dingin ditutup kerana batu-batu sungai ini menyerap haba diutin. Pelbagai pilihan chalet boleh disewa oleh pengunjung mengikut kadar harga yang berpatutan.

Pihak pengurusan estet juga turut menyediakan restoran untuk para pengunjungnya menikmati selera. Pelbagai pilihan menu boleh didapati dan yang lebih menyelerakan restoran ini juga turut menyediakan masakan sayur-sayuran tempatan seperti rebung, jantung pisang dan minuman jus (markis) buah-buahan tempatan segar yang ditanam sendiri di estet ini. Bagi pengunjung yang gemarkan aktiviti lasak pula, Balung River Plantation turut menyediakan kemudahan seperti 'mountain biking' dengan kadar sewa RM5.00 seorang dan 'jungle trekking'. Manakala pengunjung yang ingin melihat persekitaran estet bolehlah mengikuti aktiviti 'biking trail around the estate'.

Hutan Rekreasi Bukit Gemok

Terletak lebih kurang 11 km dari bandar Tawau dan mempunyai pelbagai kemudahan untuk para pengunjung, antaranya ialah pondok rehat dalam kawasan taman, pusat penerangan, kemudahan memasak dan BBQ, bekalan air dan lampu, taman permainan kanak-kanak, kemudahan tandas awam dan sebagainya. Turut menjadi perancangan untuk dibina ialah chalet, air terjun buatan, tapak perkhemahan yang serba lengkap, mini zoo, cafeteria, taman orkid dan aboretum. Namun begitu, apa yang paling menarik yang terdapat di pusat rekreasi ini ialah jambatan gantung (*canopy walkway*) sepanjang 231 meter yang dikenali sebagai Titian Silara Subkey. Dari jambatan gantung tersebut, para pengunjung akan dapat menikmati pemandangan keindahan alam semula jadi dan dapat melihat beberapa tempat di Tawau.

Suku Kaum Tidung

Masyarakat Tidung kebanyakannya bermastautin di daerah-daerah Tawau, Sandakan dan Labuk. Sebahagian besar masyarakat Tidung beragama Islam dan bahasa atau loghat pertuturan mereka berbeza menurut tempat atau daerah. Menurut cerita legendarinya, orang-orang Tidung berasal dari keturunan Raja Empat Mata iaitu seorang raja yang kejam dan bengis tetapi perkasa dan berani. Satu daripada kekejamannya ialah membunuh orang-orang yang tidak bersalah dengan menjadikan mereka umpan kepada buaya dan jerung. Adik perempuan raja tersebut seorang yang pengasih. Dia amat kasihan dan sedih melihat hamba rakyat diperlakukan demikian lalu ia mencari ikhtiar untuk membunuh abangnya.

Suatu hari, adik perempuan raja tersebut mengerahkan hamba rakyat untuk membuat sebuah lungun (keranda). Bila Raja Empat Mata bertanya apa gunanya lungun tersebut, adiknya mengatakan bahawa lungun itu digunakan untuk mengembara ke dunia di dasar laut. Mendengar keterangan adiknya, Raja Empat Mata berasa iri hati lalu berkata, 'Aku sebagai raja sepatutnya akulah yang pergi dahulu.' Adiknya tidak boleh berbuat apa-apa lalu mengalah dan Raja Empat Mata terus memasuki lungun tersebut. Kemudian lungun itu pun dihanyutkan dan ditenggelamkanlah di tengah laut mengikut perintah Raja Empat Mata. Ketika tiba di tengah laut, lungun yang sengaja dilubangkan itu mula dimasuki air. Raja Empat Mata menyedari penipuan yang telah dibuat

ke atasnya. Lalu ia menjerit-jerit untuk meminta penutup lungun itu dibuka tetapi tidak seorang pun yang berani membukanya kerana dilarang oleh adik perempuannya.

Raja Empat Mata berusaha untuk membuka tutup lungun itu dengan segenap tenaga dan kekuatan yang ada padanya tetapi ia tidak berdaya berbuat begitu kerana tutup lungun itu terlalu kuat penutupnya. Makin lama makin banyakkah air masuk ke dalam lungun itu dan akhirnya Raja Empat Mata putus asa, ia tidak berdaya lagi untuk menyelamatkan dirinya. Sebelum lungun tersebut tenggelam, Raja Empat Mata telah menyumpah bangsanya - Tidung; tidak akan beraja selama-lamanya. Selepas itu lungun itu pun tenggelam dan Raja Empat Mata pun mangkat di situ. Tidak lama kemudian dari dalam laut di mana lungun Raja Empat Mata itu tenggelam, timbulah sebuah pulau. Orang-orang Tidung menamakan pulau tersebut Pulau Si Lungun. Sehingga sekarang Pulau Si Lungun masih terdapat di daerah Semporna.

Pakaian Tradisi

Baju Perempuan

Baju perempuan suku kaum Tidung dinamakan Antar Kesuma, diperbuat dari tenunan asli. Berlengan pendek dan hiasan hujung lengan dinamakan tangkup udang.
Gelang tawa - hiasan lengan
Baju kuning - warna-warna raja
Hiasan Kepala - Mahkota - 'Jemung' dipakai di kepala
Dada Burung - Sebagai hiasan dada
Selendang - Sebagai hiasan

Baju Lelaki

Sengal - Sebagai hiasan
Baju Teluk Belanga - Jenis panjang tangan sebarang warna
Pending - Sebagai tali pinggang
Kain sampin
Seluar Panjang

Suku Kaum Kokos

Suku kaum kokos (Cocos) merupakan satu lagi kaum yang menjadi penghuni negeri Sabah. Mereka merupakan suku kaum yang mendatang atau didatangkan oleh Kerajaan Inggeris ketika negeri Sabah masih di dalam penjajahan Inggeris dulu. Menurut sejarahnya,

orang-orang Kokos adalah berasal dari Kepulauan Kokos (Cocos Islands) yang terdapat di kepulauan Krismas terletak di perantara Australia dengan Sri Lanka. Perkataan 'Cocos' atau 'Cocos Island' adalah berasal daripada perkataan 'Coconut Island' yang beerti Pulau Kelapa dan perkataan 'Cocos' adalah berasal dari ringkasan perkataan 'Coconuts' = Cocos. Pulau tersebut dinamakan Cocos atau Coconut Island adalah disebabkan pulau-pulau yang termasuk di dalam lingkungan kepulauan Cocos ini semuanya dipenuhi dengan tanaman pokok-pokok kelapa.

Sejarahnya bermula kira-kira 150 tahun dahulu iaitu pada tahun 1827, seorang Inggeris keturunan Scots-Scottish- bernama Captain John Clunies-Ross telah datang ke pulau Jawa yang ketika itu berpusat di Batavia, untuk mencari buruh bagi memetik buah-buah kelapa yang dimilikinya di pulau tersebut. Kebanyakan pekerja yang dipilihnya adalah terdiri daripada orang-orang yang terdapat di persekitaran Kota Batavia ketika itu yang terdiri daripada orang-orang Jawa, Ambon, Bugis, Madura, Banten dan sebagainya. Orang-orang tersebut adalah terdiri daripada orang-orang yang terdapat di kepulauan Nusantara. Sebaik sahaja pengumpulan orang-orang tersebut dibuat yang tentunya dengan janji-janji yang menggembirakan, maka belayarlah sebuah kapal layar dari pulau Jawa menuju ke pulau Cocos yang letaknya di bahagian Lautan Pasifik.

Pada tahun 1886, seluruh kepulauan Cocos telah diserahkan kepada milik keluarga ketiga keturunan Clunies-Ross yang ketika itu bernama George Clunies-Ross oleh Queen Victoria, Ratu Mahkota British ketika itu dengan pajakan selama 999 tahun. Pada tahun 1903, tiga buah pulau tersebut telah diserahkan kepada pentadbiran Inggeris yang berpusat di Singapura, tetapi pentadbiran tersebut telah dipindahkan ke Pulau Ceylon (Sri Lanka) apabila Singapura telah ditakluki oleh Jepun dalam peperangan dunia kedua.

Suku Kaum Banjar

Suku Kaum Banjar berasal dari daerah Banjar Masin di Kepulauan Kalimantan Indonesia. Tradisi Banjar serta adat istiadatnya telah mengalami proses asimilasi daripada Jawa dan Dayak. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya berlaku pertembungan adat tradisional ketiga-tiga kaum tersebut.

Kesenian dan Alat Permainan

Salah satunya adalah dari segi permainan dan hiburan suku kaum Banjar, ditemui sama dengan permainan Dayak kini, seperti Katombong dan Balian.

Adat Perkahwinan

Dari segi adat perkahwinan pula, berbeza sedikit dari adat perkahwinan di Jawa. Di mana upacara merenjer air ke atas pasangan yang baru berkahwin dilaksanakan oleh pegawai agama dan keluarga. Turut menyerikan suasana perkahwinan masyarakat Banjar ialah satu permainan yang disanjung tinggi iaitu 'Orung-Orung Batang'. Keseluruhannya, unsur-unsur ini adalah diadaptasi suku kaum Dayak dan Jawa.

Sandakan

Terletak di kedudukan 5° 30' Utara sehingga ke 6° 17' ke Utara, manakala di kedudukan garis bujur adalah 117° 37' Timur sehinggalah 118° 21' Timur. Sandakan merupakan bandar di negara Malaysia yang paling ke timur dari aspek garis lintang dan bandar yang terletak paling ke timur bagi negeri Sabah. Bandar Sandakan juga terletak kira-kira 1,900 kilometer dari Kuala Lumpur, ibu kota Malaysia dan hanya kira-kira 28 kilometer dari sempadan negara Filipina. Bandar Sandakan telah wujud sebagai sebuah residensi semenjak tahun 1948.

Asal Usul

Mengikut catatan Sejarah, nama Sandakan berasal daripada perkataan Sulu iaitu 'SANDAK' bererti 'pajak gada'. Jadi pengertian keseluruhannya adalah 'bandar yang dipajak gada'. Keluasan bandar - 46 batu persegi atau 12,000 ha. Separa bandar - 56 batu persegi atau 14,500 ha. Luar bandar dan laut - 773 batu persegi atau 200,124 ha. Bandar Sandakan mempunyai banyak keistimewaan dari pelbagai aspek. Antaranya adalah sejarah, kebudayaan, alam semula jadi dan ekonomi.

Sejarah

Catatan sejarah mengenai bandar ini bermula pada abad ke-15 hinggalah kini. Bandar ini pernah dikuasai oleh Kesultanan Sulu dan di buka oleh suku kaum Taosug (Suluk), pedagang dari Austria, Jerman dan Scotland. Ia menjadi bandar di bawah kuasa British sejak tahun 1879 hingga 1969 sebelum Sabah menyertai Malaysia. Zaman pemerintahan Jepun

pada tahun 1942-1945 telah meninggalkan banyak peristiwa pahit di kalangan penduduk Sandakan terutamanya golongan peniaga bangsa Cina. Bandar Sandakan merupakan bandar yang cukup unik dengan tinggalan sejarahnya yang masih dikekalkan sehingga kini.

Kebudayaan

Bandar Sandakan sememangnya unik kerana ia terdiri daripada pelbagai kaum justeru itu menghasilkan pelbagai kebudayaan mengikut kebudayaan suku kaum masing-masing. Antara kaum yang telah lama menetap di Bandar Sandakan adalah kaum Cina, Suluk, 'Bajau Simunul', Bisaya dan suku kaum Sungai dan beberapa suku kaum yang lain.

Alam Semula Jadi

Sandakan memang kaya dengan alam semulajadinya yang mendapat tarikan pelancong luar negara dan pelancong tempatan. Perkataan 'SAN' juga bererti 'Sea, Adventure, dan Nature' yang menarik ramai pelancong ke Sandakan. Oleh itu Sandakan memang mempunyai banyak tempat-tempat yang menarik boleh dilawati di Sandakan.

Ekonomi

Bandar Sandakan merupakan bandar yang kaya dengan pelbagai sumber sejak awal abad ke 18 lagi. Keistimewaan dan kekayaan sumbernya telah menarik ramai pelabur asing untuk menjalankan perniagaan. Kayu balak merupakan hasil yang telah banyak membawa keuntungan kepada pelabur asing. Selepas perniagaan balak merosot timbul kelapa sawit yang merupakan ekonomi utama Sandakan. Selain dari itu perikanan, pelancongan dan sarang burung juga merupakan kegiatan ekonomi penting Sandakan.

Sejarah Silam

Legenda Sandakan bermula beberapa tahun sebelum Pryer. Kampung German yang dijadikan oleh Kaptein William Schuck berbangsa Jerman sebagai pangkalan perniagaan merupakan penempatan pertama, walaupun pada masa tersebut sudah ada beberapa orang Sulu yang menetap di sekitar laut berdekatan. Apabila Kaptein William Schuck mendapat sebuah pulau di kesultanan Sulu, maka William Clarke Cowie, seorang pedagang dan pelaut dari Scotland, telah menggantikannya. Penempatan ini menjadi pusat perniagaan senjata yang tidak berjaya.

Beliau akhirnya mencari rakan niaga dari Kesultanan Sulu dan meninggalkan Kampung German.

Pada masa yang sama Baron de Overbeck telah berjaya mendapatkan konsesi sebahagian wilayah Sandakan setelah bertemu dengan Sultan Sulu yang bernama Sultan Jamal Ui Alam. Keluasan ini bermula dari Sungai Sibuco (Sg. Sibuga) sehingga wilayah Sungai Padasan kira-kira 20,000 batu persegi. Menurut perjanjian tersebut, Baron de Overbeck akan membayar sebanyak \$5,000 setiap tahun. Serentak itu juga, Baron de Overbeck diisytiharkan sebagai Dato Bendahara serta Raja Sandakan berkuatkuasa pada 1878. Untuk mentadbir wilayah yang dimilikinya, de Overbeck telah menyerahkan pentadbiran dan pengurusan kawasan-kawasan ini kepada beberapa pegawai Inggeris yang dipercayainya. Antara orang yang dipercayainya ialah William Burgess Pryer. Bandar Sandakan mula berkembang apabila ia ditadbir oleh William B. Pryer pada 21 Jun 1879.

Apabila Pryer tiba di Kampung German dalam 1878, tugas pentadbirannya yang pertama adalah memperkenalkan satu undang-undang yang dikenali sebagai undang-undang cukai perdagangan bagi mengelakkan berlakunya eksploitasi perdagangan yang berlebihan. Rundingan terpaksa di buat bersama dengan pemimpin suku di kawasan tersebut. Akhirnya satu persetujuan di capai, cukai perdagangan telah diperkenalkan untuk keseragaman. Pembaharuan ini mendapat sokongan dan bantahan dari beberapa suku kaum, walau bagaimanapun Pryer berjaya mengatasi masalah ini walaupun berlakunya Peristiwa Timbong di mana Emaum Jelanee yang mengetahui suku kaum Bajau Laut telah menyerang Pulau Timbong. Bantahan ini berlaku kerana ia menyekat kebebasan berdagang. Beberapa masalah seperti masalah lanun menyerang juga dapat diatasi oleh Pryer. Kemajuan, kestabilan perdagangan dan keamanan di bandar baru ini telah menarik minat pedagang asing seperti pedagang Cina serta suku kaum di Kepulauan Filipina.

Pryer juga berusaha memperkembangkan kekuasaannya sehingga ke kawasan Kinabatangan. Kawasan ini penting kerana hasil hutan dan hasil sarang burung di Gua Gomantong merupakan bahan mentah yang terkenal. Dalam kepesatan pembangunan Kampung German akhirnya telah terbakar akibat kecuaihan seorang penduduk Kampung bernama 'Sabtu'. Kebakaran tersebut telah memusnahkan seluruh kampung termasuk rumah Pryer sendiri.

Keadaan ini telah menyebabkan Pryer dan penduduk Kampung berpindah ke satu kawasan baru yang terletak di muara teluk pada 18 Jun 1879. Kawasan ini dikenali sebagai Buli Sim-Sim (Booly Sim-Sim).

Pryer telah menamakan tempat ini 'Elopura' yang bermaksud 'Bandar yang Indah'. Pryer menebang pokok yang pertama apabila menjalankan kerja-kerja pembersihan sepenuhnya kerana Buli Sim-Sim ketika itu merupakan kawasan hutan yang dipenuhi dengan pokok-pokok bakau. Menjelang tahun 1881, Elopura telah berkembang menjadi sebuah pekan yang di bina sebahagiannya di atas air. Jambatan-jambatan yang tidak berapa teguh diperbuat daripada nibong berfungsi sebagai jalan raya. Pada tahun 1882 terdapat lebih kurang 57 buah rumah dengan penduduk seramai 696 orang dan jumlah ini kemudian meningkat dari tahun ke tahun dengan komposisi komuniti Bajau, Cina, Sulu dan lain-lain. Terdapat seramai 30 orang Eropah, 3000 orang-orang Cina dan 3,000 pelbagai Cina. Oleh itu, William B. Pryer merupakan orang penting dalam merintis pembangunan awal bandar Sandakan dengan penyediaan asas-asas polisi pentadbiran untuk diteruskan oleh pemimpin lain. Beliau meletakkan jawatan pada tahun 1890 dan secara langsung tidak lagi menjadi pengerusi British North Borneo Development.

Tempat Menarik:

Pulau Berhala

Pulau Berhala terletak di luar pintu masuk Teluk Sandakan berdepan dengan perkampungan Sim-Sim. Antara yang unik di pulau ini adalah dua buah bukit batupasir yang bercantum dengan ketinggian 600 kaki. Di atas bukit terdapat rumah api. Kawasan curam bukit tersebut adalah hutan simpanan di mana terdapat banyak tumbuhan tempatan yang hanya boleh didapati di kawasan pinggir laut yang menjadi rumpuan ahli botani. Terdapat sebuah kampung di bahagian barat pulau yang bersambung dengan tanah lapang ke pantai yang dilengkapi dengan kemudahan perkelahan. Di hujung bahagian Selatan pulau ini terdiri daripada tebing karang yang curam berwarna kemerah-merahan. Terdapat beberapa gua di tebing karang ini. Sebelum Perang Dunia Ke-2 Pulau Berhala pernah digunakan sebagai penempatan pesakit kusta, manakala semasa Perang Dunia ke-2 pula Orang Jepun menggunakan Pulau Berhala sebagai 'Pusat Tahanan Perang'. Puan Agnes Keith meru-

pakan salah seorang daripada tahanan perang di antara bulan Mei 1942 hingga January 1943 sebelum dipindahkan ke Kuching, Sarawak. Pada masa ini Pulau Berhala merupakan salah sebuah tempat perkelahan yang terkenal.

Pulau Penyu

Di seberang Pulau Libaran, 40 kilometer dari Timur-Utara Sandakan dan berhampiran dengan Sempadan Malaysia dan Filipina, terdapat sekelompok pulau-pulau yang terdiri daripada tiga pulau kecil yang berhampiran iaitu Pulau Selingan, Pulau Gulisan dan Pulau Bakkungan Kecil. Pulau-pulau ini merupakan pulau-pulau yang terutama di timur-selatan Asia di mana penyu-penyu mendarat dan bertelur di pantai-pantai. Penyu-penyu ini biasanya bertelur pada waktu malam selepas pukul 8 bila air surut. Pada masa itu anda boleh menyaksikan penyu-penyu yang mendarat mengorek lubang di pantai dan bertelur ke dalamnya. Penyu-penyu yang bertelur di pulau-pulau ini ialah 83% 'Green Turtles' dan 17% 'Hawksbill Turtles'.

Kebanyakan Green turtles bertelur di Pulau Selingan manakala kebanyakan Hawksbill Turtles bertelur di Pulau Gulisan, kerana terdapat terumbu karang yang luas di kawasan ini. Manakala sebahagian kecil dari kedua-dua jenis penyu ini bertelur di Pulau Bakkungan Kecil. Penyu-penyu ini bertelur sepanjang tahun, tetapi kemuncak ia bertelur ialah pada bulan Julai hingga bulan Oktober bagi Green Turtles yang bertelur lebih kurang 110 biji dalam satu lubang dan Februari hingga April bagi Hawksbills Turtles yang bertelur di antara 70 hingga 180 biji telur sekali. Telur-telur ini akan diperam selama 50-60 hari sebelum ia menetas menjadi anak penyu dan berenang balik ke laut. Dalam penyelidikan, penyu-penyu betina ini akan kembali untuk bertelur selepas 20 tahun dan akan kembali bertelur selepas beberapa tahun berikutnya.

Di antara pulau-pulau penyu ini, Pulau Selingan juga merupakan salah sebuah tempat pelancongan yang menarik. Dengan menggunakan bot laju anda boleh menyaksikan keindahan pulau ini dan kejernihan lautnya yang cantik dengan beraneka jenis ikan. Pulau Selingan terdapat sebuah chalet iaitu Chalet Pulau Selingan. Ia mempunyai 15 buah bilik yang mempunyai bilik mandi. Chalet ini juga mempunyai restoran.

Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok

Pusat Pemuliharaan Orang-Utan Sepilok yang terletak 25 kilometer dari Bandar Sandakan, mempunyai keluasan 43 kilometer persegi. Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok merupakan sebuah hutan asli yang terpelihara. Orang ramai dapat melihat Orang-Utan (Wild Red Apes) di tempat asal semula jadi mereka iaitu di hutan hujan tropika ini. Tujuan utama Pusat Pemuliharaan Orang utan ini adalah untuk mendidik anak-anak orang utan yang terpisah dari ibunya untuk berdikari di dalam hutan.

Pada tahun 1957, pembalakan telah diharamkan dan pasukan simpanan telah dilantik untuk membuat penyelidikan. Dalam tahun 1963 semasa Sabah merdeka dalam Malaysia, Jabatan Perhutanan telah membentuk satu Cawangan Penjaga Binatang Perburuan (Game Branch). Pada masa itu, dipercayai bahawa orang utan ialah binatang yang susah didapati dan makin berkurangan. Musim itu juga anak-anak orang utan sangat terkenal sebagai binatang perliharan di kalangan rakyat Sabah dan di tempat lain. Anak-anak orang utan biasanya di rangkap semasa pembalakan dan pembersihan hutan. Dengan adanya Cawangan Penjaga Binatang Perburuan ini, satu undang-undang baru telah dikeluarkan iaitu 'Dilarang menangkap dan memelihara orang utan'. Oleh itu Sepilok telah dipilih sebagai sebuah pusat pemuliharaan orang utan. Pelawat-pelawat boleh ke pelantar untuk melihat orang-orang utan datang dari dalam hutan untuk mendapatkan makanan dua kali sehari mereka iaitu susu dan pisang.

Labuk Bay Proboscis Monkey Sanctuary

Labuk Bay Proboscis Monkey Sanctuary menawarkan satu lagi kawasan pemeliharaan Monyet Belanda (*Proboscis Monkey*) untuk pelancong yang ingin melihat haiwan ini secara dekat tanpa perlu pergi lebih jauh lagi. Santuari ini terletak di tengah-tengah hutan bakau di sepanjang kawasan berdekatan Kampung Samawang di Labuk Bay, Sandakan. Ia terletak sejauh 38 km dari Lapangan Terbang Sandakan dan mengambil masa lebih kurang sejam untuk sampai ke pusat ini. Separuh daripada jalan tersebut adalah jalan gravel. Bagi sesiapa yang suka melihat haiwan unik ini, ini adalah satu kemestian untuk melawat tempat ini.

Taman Buaya

Taman Buaya merupakan pusat pemeliharaan buaya berlesen yang tunggal di Sabah. Pemilik Pusat ini, merupakan keluarga yang memiliki beberapa buah

kapal ikan yang besar. Selama ini banyak anak-anak buaya telah dijualnya kepada orang awam, terutamanya nelayan yang gemar memelihara buaya. Jumlah yang didapatinya sehingga tahun 1970-an ialah 1,000 ekor buaya, ada yang telah disembelih untuk mendapatkan kulitnya yang berharga untuk diekspot, manakala isinya yang sedap (bagi sebahagian orang) di jual kepada orang tempatan. Sehingga tahun 1982 Perdagangan Persidangan Peraturan Sedunia (International Convention Regulating Trade) Kerajaan Sabah telah mengharamkan pembunuhan buaya. Dengan ini buaya telah di pelihara. Di Taman Buaya ini terdapat lebih kurang 3,000 ekor buaya pada keseluruhannya. Selain buaya, Taman ini juga memamerkan beraneka jenis binatang dan ikan-ikan tropika yang cantik dan besar. Taman Buaya ini terletak di Batu 8, Jalan Labuk, Sandakan.

Taman Perikanan Jaya

Taman Perikanan Jaya dirancang dan direka khas untuk memberi pengalaman memancing ikan-ikan segar terus dari kolam ikan yang disediakan. Ia terletak di Batu 11, di kawasan Hutan Hujan Tropika dengan keluasan 5.24 ekar. Ini merupakan tempat untuk berehat dan bergembira di samping melakukan aktiviti memancing bersama keluarga pada hujung minggu atau hari cuti. Masa pembukaan ialah dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan bayaran masuk untuk dewasa ialah RM 2.00 dan Kanak-kanak RM1.00 manakala bayaran untuk memancing ikan ialah RM 5.00 seorang termasuk bayaran tiket masuk dan sewaan peralatan memancing. Terdapat pelbagai ikan untuk dipancing, antaranya ialah ikan kurapu, ikan merah, tilapia, patin dan kuratung. Ikan-ikan yang dipancing akan dikenakan bayaran mengikut saiz dan beratnya.

Australian Memorial

Semasa Perang Dunia ke Dua, Sandakan telah di pilih oleh orang Jepun sebagai pusat khemah tahanan iaitu 'Penjara Masa Perang' untuk menahan orang-orang tahanan. Satu daripada khemah ini terletak di belakang Taman Rimba, Batu 8, Jalan Labuk. Kebanyakan orang-orang tahanan adalah terdiri daripada orang Australia. Tinggalan bangunan dan peralatan-peralatan yang lama masih boleh dijumpai di kawasan ini. Pada tahun 1986 melalui sumbangan derma dan sokongan dari keluarga-keluarga serta kawan-kawan orang-orang tahanan Australia, tempat ini telah dibersihkan dan sebuah batu peringatan telah didirikan untuk memperingatkan jasa-jasa

mereka semasa penjajahan Jepun. Dalam angkaran yang dibuat terdapat 2,000 orang tahanan Australia dan 750 orang British telah ditahan di Daerah Sandakan. Pada tahun 1944, bulan September jumlah tahanan yang tinggal ialah 1,800 orang Australia dan 600 orang British. Mereka tidak diberi makanan, dan ramai yang jatuh sakit. Dalam bulan September ini juga, walaupun sakit mereka di paksa berjalan kaki melalui hutan-rimba sehingga ke Ranau. Selama setahun perjalanan menuju ke Ranau, jumlah orang tahanan yang sebanyak 2,400 telah tinggal menjadi 6 orang saja. Perjalanan menuju ke Ranau ini dikenali sebagai 'Death March'.

Agnes Keith's House

Agnes Keith adalah seorang rakyat Amerika yang tinggal di Sandakan dari tahun 1934 hingga 1952 bersama suaminya Harry Keith, seorang konservator pengarah pertanian. Mereka tinggal di dalam sebuah rumah papan yang cantik letaknya di Jalan Istana, Bukit Merah. Rumah ini telah musnah semasa perang dunia kedua dan dibina semula oleh kerajaan mengikut reka bentuk Harry Keith. Beliau kembali bertugas selepas perang dunia kedua. Agnes Keith ialah seorang penulis yang mahir dan seorang pemerhati yang tidak berat sebelah. Beliau telah menulis tiga buah buku yang menggambarkan keadaan dan kehidupan di Sandakan pada masa itu, tajuk-tajuk buku yang dikarangnya ialah *Land Below The Wind*, *Three Came Home* dan *White Man Returns*. Buku bertajuk *Land Below The Wind* telah mempopularkan Negeri Sabah sebagai sebuah negeri di bawah bayu di peringkat antarabangsa. Rumah Agnes Keith akan dijadikan Muzium Cawangan Sandakan.

Puu Jih Shih

Kuil Puu Jih Shih merupakan kuil yang terbesar di Sandakan. Letaknya di atas sebuah bukit di Tanah Merah. Kedudukan Kuil Puu Jih Shih yang cantik dan sifatnya curam dan kemewahannya membuatnya begitu mudah ternampak di Bandar Sandakan. Pembinaan telah menggunakan US\$1 juta dan mengambil masa tiga tahun. Untuk memperengkapkan hiasan dalaman ia memerlukan lebih kurang US\$1 juta, dan akhir sekali dirasmikan pada 26 September 1987. Pintu depan kuil ini menghadap bukit yang curam. Tiga patung Buddha yang berada di atas tempat pemujaan hampir memenuhi kawasan dalam kuil ini. Setiap patung dibuat daripada kayu jati dan di balut lapisan emas serta cat emas. Ketinggian

patung ini ialah 23 kaki dengan keberatan $\frac{1}{2}$ tan. Terdapat tanglung-tanglung yang tingginya 20 kaki di buat dari Taiwan, setiap tanglung ini mempunyai lampu yang berasingan sebanyak 1,700 buah di sisi tempat pemujaan. Terdapat juga banyak tempat pemujaan yang kecil dan patung-patung buddha di setiap tepi kuil ini, kesemua tempat pemujaan dan patung-patung Buddha ini di import dari Macau. 3 tiang-tiang di kuil ini juga di buat dari Macau dan terdapat ukiran naga dari kayu jati dan lapisan emas.

Masjid Besar Sandakan

Masjid Kecil Sandakan yang pertama, dibina pada awal tahun 1880, masjid tersebut hilang dan tidak dapat dikesan lagi. Selepas perang dunia kedua, Masjid Bandar dibina di atas sebuah bukit berhampiran Old Slipway. Masjid ini kecil dan tidak dapat memuat ramai orang. Keperluan untuk mendapat sebuah masjid yang lebih besar dan tapak yang sesuai mula ketara pada tahun 1970. Sehingga tahun 1984 keperluan untuk mendapatkan sebuah masjid baru, iaitu Masjid Besar Sandakan telah menjadi kenyataan, pembinaan telah dimulakan sehingga tahun 1988, pembinaan ini siap. Walaupun Masjid Besar Sandakan ini sederhana tetapi ia kelihatan anggun dan tetap menarik perhatian dengan lokasinya yang terletak di Teluk Sandakan.

Sam Sing Kung

Kuil Sam Sing Kung merupakan salah sebuah kuil yang tertua di Sandakan. Pada tahun 1887, dengan usaha bersama Persatuan Kantonis, Teochew, Hakka dan Hainanese, Kuil Sam Sing Kung telah dibina di bahagian kaki bukit berdekatan dengan Kuil Kuan Ying. Kuil ini merupakan kuil yang terletak berdekatan dengan padang rekreasi Sandakan. Kuil Sam Sing Kung merupakan tiga orang suci dipuja di sini iaitu: 'Kwan Woon Cheung' (moyang Kwan Clar dan Buddha keadilan), Buddha Tin Hou (dipuja oleh orang-orang yang bekerja di laut seperti nelayan) dan Maharaja Min Cheong (dipuja oleh sesiapa yang ingin menduduki/lulus peperiksaan).

Ekonomi

Ekonomi Sandakan terdiri daripada pertanian perikanan, pelancongan, pembalakan dan sarang burung.

Pertanian

Kelapa Sawit telah menggantikan punca ekonomi utama Sandakan iaitu balak dari awal pembukaan Sandakan. Kelapa sawit mula di tanam secara komer

sial pada awal tahun 1980-an dan ia merupakan tanaman dan hasil pertanian utama Sandakan pada awal tahun 1990-an hinggalah sekarang. Kebanyakan hutan yang telah di tebang untuk kayu balak telah digantikan dengan tanaman kelapa sawit. Sehingga kini terdapat dua buah loji penapisan minyak kelapa sawit dan menghasilkan minyak masak dan beberapa hasil yang lain.

Perikanan

Udang kering dan ikan bilis merupakan keluaran utama di daerah ini. Sandakan juga terkenal dengan makanan laut yang segar dan adalah di antara pengeluar utama hasil tangkapan laut di negeri Sabah. Salah satu hasil ikan bilis tempatan yang terkenal adalah Ikan Bilis Goreng yang dikeluarkan oleh Syarikat Aneka. Kebanyakan ikan yang di tangkap adalah datang dari laut. Ikan juga didapati di kolam ikan air tawar yang terdapat di Sandakan

Pelancongan

Ekonomi dari segi pelancongan adalah menggalakkan dengan wujudnya pelbagai tempat-tempat menarik di kawasan Sandakan. Mengikut rekod statistik pengunjung di Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok pada tahun 2000 kira-kira 80,000 pelawat dari luar negara dan dalam negeri mengunjungi pusat ini. Jumlah ini menunjukkan ekonomi dari segi pelancongan adalah menggalakkan.

Pembalakan

Pada tahun 1940-an hingga tahun 1980-an Sandakan merupakan pengeksport kayu balak dan pengeluar kayu balak yang utama di negeri Sabah. Pada masa kini balak telah berkurangan dan kebanyakan pengusaha industri balak berhenti ataupun menukar jenis perniagaannya. Walau bagaimanapun masih lagi terdapat beberapa pengusaha yang meneruskan perniagaannya seperti pengilang papan lapis, papan lapis, kayu gergaji, balak gergaji, kepingan venir, papan cantum dan ukiran kayu.

Tenom

Daerah Tenom telah dibuka dengan rasminya pada tahun 1900an. Pegawai Daerah yang pertama bernama M.C.M. Weedon. Pembukaan Daerah Tenom oleh pihak Inggeris bermula dengan pembelian Sapong Estate dan Melalap Estate. Namun demikian, mengikut kajian Arkeologi yang dibuat oleh TR William (1962). Dr. Neville (1963) A.H Dambelton dan F. Wassey (1984) serta Ian Crawton (1989), ke atas beberapa tempat di Tenom seperti

Batu Penotal (Penotal Gorge) dan bukit bukau di Banjaran Kroker (Crocker Range) terbukti kawasan ini telah diduduki sejak pra sejarah lagi. Di kawasan ini dijumpai 'Batu Penukul' beliong, batu yang digunakan oleh orang-orang Murut untuk memburu dan membuat pakaian.

Pada mulanya nama Daerah Tenom adalah Port Birch, iaitu sempena nama Gabenor E.W Brich (1901-1904) yang bertugas di tempat ini. Namun begitu, penduduk Daerah Tenom tidak menggemari nama tersebut, mereka menamakan Daerah Tenom sebagai 'Tanam' kerana kesuburan tanahnya untuk sebarangan tanaman. Nama daerah ini dikukuhkan lagi dengan kemunculan Pahlawan Murut di Rundum, di Selatan Daerah Kecil Kemabong yang bernama Antanom atau Ontoros pada tahun 1915. Bagi mengenang jasa beliau, nama pahlawan ini telah digunakan untuk menamakan Daerah ini. Namun begitu hanya nama Tenom saja digunakan dan penduduk daerah ini lebih gemar menyebutnya 'Tanam' ekoran daripada ini nama Tenom telah diiktiraf oleh masyarakat Daerah Tenom untuk memperingati perjuangan pahlawan mereka.

Kedudukan

Kedudukan Tenom adalah dikelilingi oleh sempadan dengan Daerah Keningau, Sipitang, Beaufort dan Wilayah Kalimantan Indonesia. Keluasan Daerah Tenom kira-kira 2,238 km atau 930 batu persegi dan meliputi Daerah Kecil Kemabong. Topografi adalah bukit bukau. Hujan tropika yang lebat dan subur didapati di tanah-tanah rendah dan berbukit bukau dan amat sesuai untuk aktiviti pertanian. Dua buah sungai yang mengalir melalui daerah ini iaitu Sungai Padas dan Sungai Pagalan, merupakan sumber air kepada penduduk-penduduk Daerah Tenom dan juga sebagai penjana bekalan api Elektrik Hidro Tenom Pangi. Manakala taburan hujan di Daerah Tenom pada tahun 2000 ialah 1,937.9mm.

Penduduk

Daerah Tenom mempunyai bilangan penduduk seramai 39,240 orang mengikut banci (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2000). Bilangan ini termasuk Daerah Kecil Kemabong. Suku kaum Murut merupakan suku kaum yang terbesar iaitu 60%, diikuti oleh Cina 20%, Melayu 10%, Dusun/Kadazan 8% dan lain-lain 2%. Suku kaum Murut terbahagi kepada dua kumpulan iaitu suku Murut Timugon dan Murut Tagol Suku kaum Murut

Timugon kebanyakannya menetap di Kawasan Mukim Pekan, Mukim Melalap dan Mukim Entauban manakala kaum Murut Tagol menetap di kawasan di Mukim Sapong, Mukim Kemabong, Mukim Tomani dan Mukim Rundum.

Sosio Budaya

Daerah Tenom mempunyai kebudayaan dari berbagai kaum. Ia memberi sumbangan dan gabungan dari berbagai kaum, khususnya Murut Tagol, Murut Timugon, dan Suku Lundayeh, Melayu dan Cina. Sikap tolak ansur antara kaum juga nampak dan jelas menjadikan pegangan. Semua bentuk kebudayaan serta agama lain adalah dihormati. Di majlis-majlis perkahwinan, sambutan Hari Raya Aidilfitri/Adha, Hari Natal atau Krismas, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan atau hari Napangan Nananab dan lain lain, masyarakat dari semua kaum akan bergaul dan mengunjungi rumah saudara mara tanpa mengira keturunan dan agama demi mengeratkan tali persahabatan serta muhibbah yang telah diamalkan sejak sekian lama.

Agama

Agama Kristian dianuti oleh sebahagian daripada masyarakat Murut Lundayeh dan Kadazan atau Dusun. Agama Buddha dianuti oleh masyarakat Cina. Selain itu terdapat sebahagian daripada masyarakat Murut Lundayeh, Cina yang menganuti agama Islam, Tao, Nasrani dan ada juga yang masih Pagan. Walaupun agama yang dianuti oleh masyarakat di Tenom, sesuatu yang jelas ialah kepatuhan terhadap tanggungjawab untuk mengerjakan ibadat sembahyang di kalangan komuniti-komuniti yang mengamalkan sistem yang berbeza-beza. Semuanya ini melambangkan toleransi yang wujud di kalangan kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza itu dan jelas juga selaras seperti yang termaktub dalam Rukun Negara.

Perhubungan

Daerah Tenom boleh dihubungi dengan jalan darat melalui Jalan Kimanis - Papar dan Tambunan - Keningau atau Kemabong - Sipitang dengan jarak lebih kurang 209 kilometer. Daerah Tenom tidak mempunyai masalah tentang perhubungan jalan darat oleh kerana hampir keseluruhan kampung dalam Daerah Tenom telahpun mendapat perhubungan jalan raya, sama ada ianya dibina oleh Kerajaan melalui Pejabat Daerah, Majlis Daerah dan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pembangunan Persekutuan ataupun

syarikat-syarikat pembalakan. Selain itu terdapat juga perkhidmatan kereta api daripada Stesen Tanjung Aru, Kota Kinabalu melalui Papar - Bongawan, Membakut dan Beaufort sejauh 134 kilometer.

Ekonomi

Kedudukan ekonomi Daerah Tenom adalah bergantung kepada hasil pertanian terutama sekali pengeluaran getah yang menjadi sumber pendapatan utama penduduk Daerah Tenom. Pada masa kini pertumbuhan ekonomi di daerah ini telah meningkat dengan perwujudan pelbagai kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan terutama sekali pertumbuhan sektor perindustrian, perkilangan dan juga pelancongan.

Pertanian

Pada dasarnya Daerah Tenom mempunyai keluasan kawasan yang berpotensi untuk pertanian berjumlah 30,000 hektar. Sehingga tahun 2000 keluasan yang diusahakan berjumlah 22,000 hektar. Tanaman utama ialah getah dan diikuti oleh koko, kopi, padi sawah dan diikuti oleh tanaman buah-buahan. Stesen Penyelidikan Lagud Seberang adalah sebuah pusat penyelidikan dan kajian terhadap pelbagai tanaman seperti koko, kopi, buah-buahan dan lain lain. Selain itu pusat ini juga ada menjual pelbagai jenis benih (bibit) buah-buahan untuk dijual kepada orang ramai. Di Daerah Tenom juga terdapat beberapa agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan peladang seperti Tanah Negeri Sabah, Lembaga Industri Getah Sabah dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS).

Pentadbiran

Daerah Tenom mempunyai 7 Kawasan Mukim termasuk Daerah Kecil Kemabong dan 201 buah kampung, 116 buah Badan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Seorang Ketua Daerah, 7 orang Ketua Negeri, 27 Wakil Ketua Anak Negeri, 27 orang Ketua Kampung serta 6 Ketua Masyarakat Cina. Daerah ini mempunyai Pusat Pentadbiran yang ditempatkan di Pekan Tenom yang diketuai oleh Pegawai Daerah, Encik Amat Yusof selaku Pegawai Daerah yang ke 20 di samping Ketua Ketua Jabatan yang lain seperti Kuasa Kuasa Tempatan. Jabatan-Jabatan Negeri dan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan.

Kepesatan Pembangunan

Daerah Tenom kini bersama maju dengan daerah daerah lain di Negeri Sabah. Berbagai kemudahan asas disediakan oleh kerajaan. Di Daerah Tenom,

dulunya adalah sebuah daerah yang agak sunyi dan terpencil daripada berbagai kemudahan, kini daerah ini telah berubah wajah kepada sebuah daerah yang sama sama maju. Daerah yang membangun dengan adanya projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak merdeka seperti bangunan jabatan kerajaan, beberapa buah sekolah menengah, sekolah rendah, bangunan kedai yang baru, perumahan kos rendah, pusat kesihatan hospital, masjid, gereja, tokong dan sebagainya. Pembinaan sebuah jalan raya Tenom ke Beaufort menyeberangi Sungai Padas adalah satu satunya projek yang menjadi lambang kemegahan dan mercu tanda untuk Daerah Tenom khususnya dan seluruh masyarakat di Bahagian Pendalaman Atas amnya yang akan menikmati kemudahan jalan raya tersebut. Di samping kepesatan pembangunan yang berlaku di daerah ini, kampung-kampung dalam daerah ini turut sama menikmati kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti masjid, gereja, surau, chapel, tokong, sekolah, klinik, balairaya, rumah kebudayaan, bekalan elektrik bekalan air, jalan raya dan sebagainya. Untuk kemudahan penduduk-penduduk kampung.

Bekalan Air

Sumber Bekalan Air Tenom ialah Sungai Padas. Bekalan air bersih tidak menjadi masalah, kini terdapat dua buah Loji Penapis Air iaitu di Tenom dan Daerah Kecil Kemabong. Selain itu terdapat juga Bekalan Air Gravity oleh Jabatan Air dan Jabatan Kesihatan.

Bekalan Elektrik

Di Daerah Tenom terdapat sebuah Janakuasa Hidro Elektrik yang terdapat di Pangi. Janakuasa Hidro Elektrik ini satu-satunya merupakan Stesen Run Off River yang pertama di Sabah. Kemampuan Bekalan Elektrik ini ialah 66 megawatt. Stesen ini membekalkan tenaga ke Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang, Papar, Beaufort, Keningau dan Tenom. Kini kira kira 6,169 rumah di daerah ini telah mendapat kemudahan elektrik.

Pendidikan

Di daerah Tenom sehingga 31 Januari 2001 terdapat 50 buah sekolah iaitu 3 buah sekolah menengah kebangsaan, 2 buah sekolah menengah bantuan dan sebuah sekolah menengah swasta dan 45 buah sekolah rendah yang telah menampung seramai 11,205 orang pelajar rendah dan menengah. Bilangan ini tidak termasuk jumlah pelajar sekolah swasta. Dari

segi tenaga pengajar pula bilangan guru sekolah rendah seramai 784 orang. Manakala bilangan guru sekolah menengah 194 orang.

Perubatan dan Kesihatan

Untuk kemudahan kesihatan kepada masyarakat di Daerah Tenom, kerajaan telah menyediakan pelbagai pusat kesihatan. Sebuah hospital daerah dan pusat kesihatan telah diwujudkan di pekan Tenom. Ianya memberi khidmat perubatan dan kesihatan kepada penduduk di daerah Tenom dan daerah kecil Kemabong. Kini terdapat 3 buah pusat kesihatan dan 8 buah klinik desa dan sebuah klinik kesihatan ibu dan anak. Selain itu terdapat juga 2 buah klinik swasta dan 2 buah klinik tradisional.

Pelancongan

Tenom kaya dengan keindahan alam semulajadi seperti bukit bukau yang penuh misteri dan lengkap dengan tumbuh-tumbuhan pelbagai jenis dan hidupan liar. Sungai-sungai yang hebat dan deras seperti Sungai Padas dan Sungai Pegalan. Di Daerah Tenom terdapat beberapa tempat menarik untuk dilawati oleh para pelancong. Taman Pertanian terletak di Lagud Seberang kira-kira 8 kilometer dari Pekan Tenom. Taman ini menyajikan kekekalannya sebagai warisan hijau selama-lamanya. Taman Pertanian ini memaparkan aktiviti Kementerian Pertanian Dan Industri Pemakanan Sabah dalam Pembangunan Luar Bandar. Di sini nilai Estetika dan Sains digabungkan bagi mengimbangi zaman yang berlaku dengan masa yang akan datang, budaya dengan kemajuan serta alam sekitar. Tempat-tempat pelancongan lain yang sedia ada seperti Pusat Kebudayaan Murut di Pulong Melalap. Batu Berukir di Tomani, Air Terjun di Kg. Amboi, Kg. Chinta Mata, Kg. Baru Jumpa, Kg. Kalang dan Rekrasi Air atau White Water Rafting di Pangi. Satu lagi mercu tanda kemegahan iaitu pembinaan sebuah Tugu sebagai memperingati Pahlawan Murut bernama Antanom atau Ontoros yang berjuang bagi kaum mereka di Rundum pada tahun 1915.

Sipitang

Daerah Sipitang boleh dihubungi melalui jalan darat, laut dan udara. Jalan darat menghubungkan daerah Sipitang dengan bandar-bandar utama seperti Beaufort dan Kota Kinabalu, Tenom dan Lawas serta Negara Brunei Darussalam. Jalan laut juga penting bagi menghubungkan daerah ini dengan Wilayah Persekutuan Labuan, Lawas dan Limbang di

Sarawak dari Negara Brunei Darussalam. Manakala jalan udara hanya menghubungkan daerah Sipitang melalui Kg. Long Pasia dengan Daerah Lawas, Sarawak.

Beaufort

Beaufort merupakan nama peninggalan seorang gabenor Inggeris sewaktu penjajahan dahulu yang bernama Sir L.P. Nama Beaufort kekal hingga ke hari ini dengan wujudnya sebuah daerah dan pekan sejak awal abad ke-19 lagi. Beaufort adalah sebuah daerah yang terletak di selatan bandar Kota Kinabalu kira-kira 96 kilometer dari ibu negeri Sabah ini dengan perjalanan kenderaan melalui sebatang lebuh raya. Ia diapit oleh daerah-daerah berdekatan, iaitu daerah Sipitang di Teluk Brunei, Kuala Penyu di Teluk Kimanis dan daerah Tenom di antara Banjaran Croker. Berdasarkan kedudukan geografi, Beaufort terletak diantara Lembah Padas dan sebatang sungai yang keempat terpanjang di negeri ini iaitu Sungai Padas. Sebagai sebuah pekan dan daerah yang unik dengan deretan kedai-kedai kayu yang biasa melimpah dari Sungai Padas ketika musim tengkujuh, pekan ini juga biasa disebut sebagai pekan banjir. Jolokan yang pernah diberi untuk pekan Beaufort dalam bahasa Inggerisnya ialah *'The Small Venice of the East'*.

Sabah Dalam Sejarah

Pada waktu sebelum abad ke-6, kawasan yang kini dikenali sebagai Sabah, Brunei dan Sarawak adalah berpusat pada kerajaan Brunei dan kerajaan Brunei juga merupakan pusat perdagangan dengan China. Wilayah ini sebaliknya dipengaruhi oleh dua kuasa besar pada waktu itu, iaitu Sri Vijaya di Sumatra dan kemudian Majapahit di Jawa. Bagaimanapun, pada awal abad ke-15, Empayar Melaka di bawah pemerintahan Parameswara telah menyebarkan pengaruhnya dan seterusnya mengambil alih perdagangan Brunei. Perubahan ini menyebabkan agama Islam tersebar di wilayah Brunei oleh pedagang-pedagangnya pada akhir abad ke-15. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 telah menyebabkan Sultan Brunei mengambil alih kepimpinan Islam dari Melaka. Semasa pemerintahan Sultan Bolikiah, kerajaan Brunei telah memperluaskan pengaruhnya ke utara sehingga ke Luzon dan Sulu serta di sebelah selatan dan barat Borneo. Kecuali dari Eropah, pendatang asing yang berurusan dengan Sabah (Borneo Utara) tidak meninggalkan sebarang rekod bertulis

tentang kegiatan mereka di kawasan ini. Penduduk tempatan juga tidak memiliki sebarang rekod bertulis kecuali sejarah dan tradisi lisan mereka.

Pada tahun 600 Masihi, orang-orang Cina telah datang untuk membuat perdagangan dan hubungan diplomatik dengan Borneo Utara. Rekod Sejarah Brunei (Brunei Annals) telah merakamkan tentang penempatan mereka di kawasan Kinabatangan. Bukti-bukti Arkeologi iaitu seramik yang ditemui di Borneo Utara menunjukkan bahawa orang-orang Cina ada menjalankan perdagangan secara bertukar barang, antara seramik orang-orang Cina dengan rempah ratus dari penduduk tempatan.

Sejarah Sistem Kerajaan Negeri Sabah

Pada suatu masa dahulu, Sabah dan Sarawak adalah sebahagian daripada wilayah Kesultanan Brunei. Sejak tahun 1704, wilayah yang membentuk negeri Sabah sekarang telah dikuasai oleh Sultan Sulu. Sabah kemudiannya diperintah oleh Syarikat Borneo Utara British daripada tahun 1881. Pada tahun 1888 British telah mengumumkan naungannya ke atas Brunei, Sarawak serta Borneo Utara (Sabah) dan Gabenor Negeri-negeri Selat telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi bagi negeri-negeri Borneo ini. British memperkenalkan beberapa perubahan kepada sistem pentadbiran di Sabah, menjelang tahun 1910. Beberapa jabatan telah dibentuk seperti Jabatan Pelajaran, Kesihatan, Perjudian serta Majlis Penasihat Hal-ehwal Penduduk Tempatan. Ini disusuli dengan pembentukan sebuah Majlis Perundangan pada tahun 1912.

Pada tahun 1935, Sabah dibahagikan kepada empat buah residensi yang terdiri daripada Tawau, sandakan, Pantai Barat dan Pedalaman. Setiap residensi ini mempunyai seorang Residen British dan ia mengandungi 17 daerah kesemuanya. Untuk melicinkan jentera pentadbiran di Sabah, pihak British menubuhkan sebuah Persidangan Pegawai Pentadbiran yang di anggotai oleh para Residen dan Pegawai Daerah. Persidangan ini bertujuan membincangkan masalah berkenaan pentadbiran dalam negeri. Majlis Penasihat Kaum Bumiputera juga dibentuk bagi memberi panduan untuk mentadbir kaum bumiputera dan secara tidak langsung, ia memerintah penduduk tempatan. Apabila berakhirnya pemerintahan Jepun, Sabah diletakkan di bawah kuasa kerajaan British secara langsung, iaitu pada bulan Jun 1946.

Parti-parti politik mula muncul di Sabah sebaik

sahaja YTM Tunku Abdul Rahman menyuarakan cadangan berkenaan penubuhan Malaysia pada tahun 1961. Parti-parti politik ini berorientasi pro-Malaysia dan anti-Malaysia. Kaum Kadazan menubuhkan parti politik yang pertama di Sabah, iaitu United National Kadazan Organization (UNKO) pada bulan Ogos 1961, di bawah pimpinan Donald Stephens. Parti ini pada mulanya bersifat anti-Malaysia dan ia bertujuan mendapat kemerdekaan untuk Sabah. Pada bulan Ogos 1961, orang Islam pula membentuk parti United Sabah Organization (USNO), di bawah pimpinan Datu' Mustapha bin Datu' Harun. Beberapa kaum peribumi, khasnya kaum Murut turut membentuk parti politik mereka yang dikenali sebagai Pasok Momogun. Pada tahun 1963, Donald Stepphens dilantik menjadi Ketua Menteri Sabah yang pertama apabila parti beliau memenangi pilihan raya umum bagi tahun tersebut.

Taman-Taman Terkenal

Sejak kebelakangan ini, pengeksploitasian komersial ke atas hutan kita serta kesannya terhadap alam semula jadi telah menarik perhatian awam. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kawasan yang luas di Sabah sebagai taman-taman dan pusat-pusat hidupan liar untuk tujuan pemeliharaan, penyelidikan biologi serta latihan, pendidikan alam semula jadi dan rekreasi hutan. Terumbu karang, gunung lumpur lahar, dan gunung tertinggi di Asia Tenggara; penyu hijau dan orang hutan; air terjun, hutan tropika, hutan lumut; dan bunga terbesar di dunia. Semua ini terdapat di Taman-taman Sabah - kawasan yang diperuntukkan untuk pemeliharaan dan perlindungan sebahagian besar komuniti tumbuh-tumbuhan serta haiwan yang terkaya di dunia. Taman-taman Sabah dikawal dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sabah, melalui Lembaga Pemegang Amanah di bawah naungan Kementerian Pelancongan dan Pembangunan Alam Sekitar Sabah. Taman-taman ini merangkumi lebih kurang 2.6% iaitu seluas 76, 115 km persegi daripada luas keseluruhan tanah negeri Sabah. Ia ditadbir untuk memberi kemudahan rekreasi serta saintifik di samping memelihara warisan semula jadi Sabah untuk tatapan generasi akan datang. Taman-taman ini terdiri daripada Taman Kinabalu, Taman Tunku Abdul Rahman, Taman Pulau Tiga, Taman Pulau-pulau Penyu, Taman Tawau Hills dan Taman Banjaran Crocker.

Taman Kinabalu

Taman Kinabalu terletak 90. km atau dua jam perjalanan dari Kota Kinabalu, ibu kota Sabah. Taman ini meliputi kawasan seluas 75,370 hektar. Pusat tumpuan Taman Kinabalu ialah Gunung Kinabalu setinggi 4,101 meter, iaitu salah satu daripada puncak yang tertinggi di Asia Tenggara. Taman dan khususnya gunung ini menarik beribu-ribu pelawat serta pendaki setiap tahun. Hutan-hutan Kinabalu merupakan yang terkaya di dunia dan mempunyai 2,000 spesies tumbuhan berbunga, tidak termasuk lumut, paku pakis dan kulat. Spesies orkid pula berjumlah lebih kurang 1,200 spesies. Kinabalu juga merupakan pusat bagi tumbuhan periuk kera yang aneh dan sebilangannya cuma terdapat di Kinabalu sahaja. Periuk kera terbesar dikenali sebagai Rajah Brooke yang boleh menampung sebanyak dua liter air.

Tumbuhan yang paling cantik di taman ini ialah Rhododendron, seperti Rhododendron Kerengas, berbentuk loceng kecil berwarna merah cerah yang dijumpai di paras bawah puncak. Sementara Rhododendron Low pula, bunganya berkelompok indah dengan warna keemasan yang menghiasi hutan di kaki gunung. Taman Kinabalu juga adalah tempat perlindungan bagi banyak jenis haiwan, burung dan serangga. Tikus pokok dan tupai merupakan haiwan yang banyak terdapat di sini tetapi tidak mudah kelihatan. Kepadatan serangga dan kekayaan tumbuh-tumbuhan menyokong kehidupan burung. Sebanyak 300 spesies burung telah direkodkan di taman ini.

Mata Air Panas Poring terletak kira-kira 43 km dari kawasan tenggara taman yang meliputi kawasan seluas 1.75 hektar dan mempunyai lima mata air panas dengan suhu di antara 49°C sehingga 60°C. Air belerang berstim boleh disalurkan ke dalam beberapa kolam. Hutan dipterokarp tanah pamah Poring adalah kaya dengan pokok buah-buahan, pemanjat dan rotan berduri. Bunga Raflesia yang parasitik juga terdapat di sini tetapi jarang kelihatan. Selain itu juga terdapat jejalan sengkup setinggi 100 kaki di atas pokok yang memberi pelawat pemandangan aerial hidupan haiwan di atas sengkup pokok.

Taman Tunku Abdul Rahman

Taman yang kedua popular selepas Kinabalu ialah Taman Tunku Abdul Rahman. Air serta pasirnya yang bersih dan keadaan kelima-lima pulau yang tidak terganggu telah lama menarik pelawat. Taman ini terletak di luar pantai ibu kota, Kota Kinabalu. Ia

meliputi kawasan seluas 4,929 hektar. Pulau-pulau yang membentuk taman ini ialah: Pulau Gaya, Pulau Sapi, Pulau Manukan, Pulau Mamutik dan Pulau Sulug. Pulau Gaya, pulau yang terbesar dan memiliki satu-satunya sisa kawasan hutan dipterokarp tanah pantai di Sabah. Sementara pulau-pulau yang lain diliputi oleh tumbuh-tumbuhan sekunder.

Pulau-pulau di taman ini adalah destinasi popular pelancong dan penduduk bandar yang datang untuk berenang, bersnorkel, menyelam atau semata-mata untuk berjemur. Hidupan laut yang kaya serta beraneka jenis merupakan salah satu daya tarikan di Taman ini. Pemandangan terumbu karang yang indah meminggiri pulau-pulau ialah tanda permulaannya keindahan dunia dalam air yang tercantik lagi menakjubkan.

Taman Pulau Tiga

Taman Pulau Tiga terletak 48 km di selatan Kota Kinabalu dan Taman Tunku Abdul Rahman. Taman yang meliputi kawasan seluas 15,864 hektar ini merupakan pusat penyelidikan marin. Daya tarikan Pulau Tiga agak aneh iaitu kewujudan lumpur gunung berapi. Sebenarnya ketiga-tiga bukit yang ditumbuhi hutan di Pulau Tiga adalah hasil daripada pengaliran lumpur gunung berapi yang membentuk pulau ini. Pada masa kini kesemua gunung berapi ini tidak aktif tetapi ia masih mengeluarkan gelembung gas dan gaganan lumpur sojuk pada setiap jam.

Taman Pulau-Pulau Penyu

Taman ini terletak tiga jam perjalanan dengan bot dan 40 km dari Sandakan di pantai timur Sabah. Ia meliputi tiga buah pulau: Selingan, Gulisan dan Bakkungan Kechil. Pada tahun 1977, pulau-pulau ini telah diwartakan sebagai Taman Pulau-pulau Penyu. Pulau-pulau ini terkenal dengan telur penyu yang telah dikumpul sejak awal dahulu. Taman ini diwujudkan sebagai langkah untuk melindungi Penyuh Hijau dan Hawkshill yang datang bertelur di pulau-pulau ini. Kini pengumpulan telur-telur penyu adalah dikawal, bagaimanapun pelawat dibenarkan untuk melihat penyu bertelur.

Taman Tawau Hill

Taman Tawau Hills terletak di selatan pantai timur Sabah dan diwartakan pada tahun 1979 untuk melindungi takungan air bagi penduduk Tawau serta Semporina. Ia meliputi seluas 27,972 hektar. Sungai Tawau mengalir melalui yaman ini dan air terjun yang indah dengan kolam renang semula jadi yang dalam

merupakan tempat popular bagi pelawat. Rintisan semula jadi menghala jauh ke dalam hutan akan membawa pelawat menuju ke Mata Air Panas, kemudian tiga jam perjalanan ke air terjun lain atau setengah jam ke atas Bukit Bombalai (530 meter) dengan pemandangan indah ladang BAL (Borneo Abaca Ltd.) ke bandar Tawau dan Laut Sulawesi.

Taman Banjaran Crocker

Banjaran Crocker merupakan tulang belakang kepada bukit-bukit yang menghijau. Banjaran ini bermula dari puncak granit Gunung Kinabalu merentang ke kawasan pantai barat Sabah hinggalah ke hutan tanah paya bersempadan dengan Sarawak. Beberapa kawasan dengan hutan dipterokarp bukit yang masih ada di pantai barat Sabah dipelihara di banjaran ini. Kawasan hutan tersebut kaya dengan pokok oak, pokok berangan dan pokok konifer seperti *agathis*. Kabus yang menutupi rabung gunung yang tertinggi memberikan keadaan yang sesuai bagi pertumbuhan hutan berlumut tebal, orkid, *rhododendron* dan periuk kera. Bunga terbesar di dunia, *Rafflesia* yang mengagumkan itu juga tumbuh di kawasan ini. Selain itu, taman ini juga kaya dengan hidupan liar seperti tupai, tikus hutan, musang dan burung-burung seperti Whitehead's spiderhunter dan Golden-naped barbet.

Monumen-Monumen Terkenal

Perang Dunia Kedua telah memusnahkan banyak tapak-tapak dan bangunan-bangunan bersejarah di Sabah. Kehebatan pengeboman oleh tentera bersekutu pada akhir peperangan telah mengakibatkan kebanyakan bandar hancur dan menjadi runtuhan batu. Akibatnya, pada hari ini bangunan yang dibina sebelum peperangan tidak banyak bilangannya dan kebanyakan bangunan-bangunan yang kelihatan hari ini adalah bangunan yang baru dibina. Tapak tapak bersejarah yang masih kekal termasuklah penempatan lama British di Pulau Balembangan, Stesen-stesen Syarikat Berpiagam, satu penempatan yang dibina oleh orang-orang Amerika di Kimanis, daerah Papar dan bangunan peninggalan sebelum peperangan di Labuan. Bagaimanapun, tempat yang lebih menarik pelawat ialah memorial peperangan di Labuan, Kundasang, Ranau, Sandakan dan Petagas. Di Kota Kinabalu, terdapat tiga bangunan peninggalan sebelum peperangan iaitu Bangunan Lama Pejabat Pos, Menara Jam Atkinson dan Bangunan Lama Kebajikan yang telah diwartakan sebagai bangunan bersejarah. Memorial Mat Salleh meru-

pakan salah satu daripada monumen yang bersejarah di Sabah.

Memorial Peperangan Kinabalu

Memorial ini terletak di Kundasang, Ranau, kira-kira 108 km dari Kota Kinabalu. Memorial ini direka dalam bentuk taman berpagar dinding dan ia dibina sempena memperingati kesemua mereka yang terbunuh dalam perjalanan maut pada Perang Dunia Kedua. Perjalanan maut ini diperintahkan oleh tentera Jepun dari bulan Januari sehingga ke April 1945. Seramai 2,500 tahanan perang (terdiri daripada 1,800 orang Australia dan 700 tentera British) diperintahkan berjalan dari Sandakan ke Ranau yang berjarak 240 km. Daripada jumlah ini hanya enam orang sahaja yang terselamat setelah terlepas dan mengharungi kawasan pergunungan dan hutan rimba yang mengerikan itu.

Taman Memorial Peperangan Sandakan

Memorial ini terletak di tapak bekas khemah tahanan perang pada Perang Dunia Kedua. Kedudukan memorial ialah 11 km dari Sandakan di Jalan Labuk. Taman memorial ini ditujukan khas untuk memperingati orang-orang Australia, British dan tentera tempatan yang telah dibunuh di khemah itu. Di sini-lah juga tempat bermulanya perjalanan maut yang terkenal kerana kokejaman pada Januari 1945. Memorial ini dibuka pada 21 November 1986 dan dijadikan taman pada tahun 1991. Kawasan taman ini meliputi seluas 13 ekar.

Memorial Peperangan Petagas

Memorial ini adalah sebuah taman yang terletak kira-kira 9 km dari Kota Kinabalu. Ia dibina untuk memperingati mereka yang terkorban semasa menentang tentera Jepun, khususnya mereka yang dibunuh secara beramai-ramai dengan penuh kekejaman pada 21 Januari 1944. Jumlah mereka yang telah dibunuh secara beramai-ramai dianggarkan 324 orang dan mereka adalah ahli kumpulan gerila yang lebih dikenali sebagai Gerila Kinabalu dan diketuai oleh Albert Kwok. Upacara memperingati memorial ini dilakukan buat pertama kali pada 21 Januari 1948 dan semenjak itu upacara ini dilakukan setiap tahun.

Bangunan Lama Pejabat Pos

Bangunan Lama Pejabat Pos terletak di Jalan Gaya, Kota Kinabalu. Bangunan ini dibina dalam tahun 1916 dan pada asalnya dijadikan rumah Pejabat Percepatan Kerajaan. Pada tahun 1936, bangunan ini telah diubah suai untuk menampung beberapa peja-

bat termasuk Pejabat Pos. Bangunan ini terselamat dalam Perang Dunia Kedua dan hanya bangunan ini sahaja yang boleh digunakan sebagai pejabat oleh beberapa Pejabat Kerajaan setelah peperangan tamat. Pada tahun 1950-an kesemua pejabat telah berpindah dari bangunan ini kecuali Pejabat Pos yang menggunakannya sehingga 1986 apabila ia berpindah ke bangunan baru. Bangunan lama ini telah diwartakan sebagai bangunan bersejarah pada 13 Julai 1988. Ia telah diubahsuai kembali kepada reka bentuk asal dan dijadikan pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancongan Sabah (Sabah Tourism Promotion Corporation).

Menara Jam Atkinson

Menara jam ini terletak di Kota Kinabalu. Ia dibina dalam tahun 1902 untuk memperingati Pegawai Daerah Kota Kinabalu (dahulunya Jesselton), Encik Francis George Atkinson yang meninggal dunia pada usia 28-tahun dalam tahun 1902 akibat 'demam Borneo' (*Borneo fever*). Pada asalnya menara jam ini diterangi pada waktu malam dan digunakan sebagai tanda tempat laluan kapal. Sepanjang masa itu menara ini telah mengalami beberapa pengubahsuaian dan pembaikan.

Memorial Mat Salleh

Memorial ini terletak di Kampung Tibabar, Tambunan, kira-kira 50 batu dari Kota Kinabalu, ibu negeri Sabah. Memorial ini menandakan tapak kubu Mat Salleh diserang dan dimusnahkan oleh Pasukan Bersenjata Borneo Utara pada 1 Februari 1900. Mat Salleh mengetuai perjuangan menentang pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British selama enam tahun dan akhirnya beliau tewas.

Tapak Arkeologi Bukit Tengkorak

Tapak ini terletak di atas sebuah bukit dengan ketinggian 600 kaki dari paras laut. Ia boleh dihubungi dengan menggunakan jalan raya dan kira-kira 5 km dari Pekan Semporna, Bahagian Pantai Timur Sabah. Tapak ini merupakan tapak neolitik yang berusia lebih kurang 4,000 tahun. Bagaimanapun, tapak ini juga amat penting kerana selain daripada menghasilkan satu industri pembuatan alat batu yang unit, iaitu jenis Micorblade Awl Industry perusahaan alat batu yang kecil dibuat daripada batu akek (*agate*) chert dan obsidian (kaca gunung berapi).

Alat-alat batu seperti ini hanya terdapat di Bukit Tengkorak dan tidak pernah ditemui di mana-mana tempat di rantau Asia Tenggara. Selain daripada alat-alat batu ini, tapak ini juga merupakan tapak

yang terbesar di Asia Tenggara pada masa itu yang membuat tembikar secara *open-fired kiln factory*.

Bangunan Chimney

Bangunan Chimney merupakan satu binaan berbentuk segi empat yang menjulang tinggi ke atas dengan ketinggian kira-kira 30 meter, diperbuat daripada batu-bata dan tidak diplaster. Ia adalah tinggalan daripada era perlombongan arang batu di Labuan yang terus kekal ke hari ini. Arang batu ditemui dan dilombong khususnya di Tanjung Kubong (Coal Point) di antara tahun 1847 hingga 1911 oleh beberapa syarikat perlombongan. Walaupun fungsi sebenar bangunan Chimney masih belum dikenal pasti, kewujudannya tetap dikait rapat dengan aktiviti perlombongan arang batu di persekitarannya. Ia masih lagi tersergam kukuh walaupun telah berusia lebih satu abad. Bersebelahan bangunan Chimney terdapat runtuhan bangunan yang dipercayai bekas rumah janakuasa untuk membekalkan kuasa kepada lombong dan terowong arang batu di kawasan berkenaan, atau berkemungkinan juga bekas sebuah pusat pengumpulan arang batu.

Sejarah Beaufort

Apabila Pangeran Shahbandar Hassan dihantar ke Wilayah Sungai Padas, beliau telah mencari sebuah tapak pusat pemerintahannya di wilayah ini. Beliau telah memilih sebuah kawasan yang tidak jauh dari Sungai Padas dan dinamakan PADAS DAMIT sempena nama Wilayah Sungai Padas dan Damit bermaksud kecil dalam bahasa Brunei menunjukkan pusat pemerintahan Wilayah Padas adalah di Padas Damit. Sebuah Kota telah dibangunkan di Padas Damit dan di situ juga letak Istana Pangeran Shahbandar.

Sebagai orang yang berkuasa di Wilayah Sungai Padas, Pangeran Syahbandar Hassan telah mengisytiharkan bahawa seluruh kawasan dan rakyat di Padas Damit hingga ke timur Sungai Padas adalah dibawah kekuasaannya, baginya ini adalah tanah bebas ia akan melindungi dan mempertahankan kedaulatannya dengan cara apa sekali pun. Chartered Company telah menidakkan pengiktirafan dakwaan Pangeran, Kompeni tetap mengatakan bahawa kawasan Padas Damit telah dipajakkan kepada mereka. Setiap penduduk yang tinggal di tebing Sungai Padas adalah rakyat Kompeni, oleh itu mereka yang berkuasa keatas penduduk di situ yang mana kebanyakannya terdiri dari suku Dusun dan Murut.

Pihak Kompeni terus menghasut rakyat di situ supaya terus membenci Pangeran Syahbandar, mereka menghantar tali barut di kalangan orang-orang tempatan dengan memberitahu rakyat bahawa sekiranya mereka menjadi rakyat Pangeran Syahbandar mereka akan dijadikan hamba abdi. Hasutan ini telah menampakkan kesan di mana ramai orang Dusun dan Murut telah mengisytiharkan mereka adalah rakyat Kompeni bukan lagi rakyat Pangeran. Kompeni bukan sahaja menghasut tetapi juga mengenakan tekanan kepada rakyat di Sungai Padas dengan memperkenalkan undang-undang baru dengan mengenakan beberapa cukai seperti cukai kepala dan cukai tanah, peraturan ini amat menyusahkan rakyat di situ di samping mengawal dan menghadkan kebebasan hidup.

Perbuatan Kompeni telah menimbulkan kebencian dan permusuhan yang dalam kepada Pangeran Syahbandar dan rakyatnya. Sebagai seorang pemimpin adil dan bijaksana, Pangeran telah mengadakan mesyuarat dengan rakyatnya mengenai pencerobohan Kompeni dan menerangkan niat jahat Kompeni yang ingin menjajah di kawasan itu. Rakyat Pangeran Syahbandar yang setia terdiri dari orang-orang suku Bisaya yang terkenal dengan ilmu batin dimana mereka kebal dengan senjata dan mempunyai tenaga luar biasa, telah memberi pengakuan bahawa mereka lebih rela mati untuk tanah air tercinta dari menjadi hamba Kompeni. Pangeran Syahbandar mempunyai keyakinan tinggi kepada orang-orangnya telah mengambil kepurusan untuk menentang atau berperang dengan Kompeni.

Pangeran Syahbandar Hassan telah mengarahkan orang-orangnya menentang hasrat kotor dan niat jahat Kompeni, dengan luapan rasa marah yang amat sangat serta semangat cintakan tanah air telah dengan berani, setiap malam mereka telah menyerang penduduk-penduduk yang belot dan menawan beberapa orang yang kononnya setia pada Kompeni, tindakan ini adalah kemuncak kemarahan dan ketidakpuasan hati terhadap penjajah Chartered Company. Kesan dari serangan-serangan ini membuatkan Kompeni merasa bimbang dan menganggap perbuatan itu sebagai mencerooboh serta mencabar pihaknya. Kompeni yang diwakili oleh Konsul Besar British di Brunei, Sir Hugh Low telah membuat bantahan kepada Sultan Hashim Jalil Ulalam berhubung dengan kekacauan dilakukan oleh Pangeran Syahbandar, mereka mendakwa bahawa

Sultan telah memperkenan kawasan Semenanjung Klias melalui pemajakan 1884.

Pangeran Syahbandar Hassan telah mengjangkakan bahawa Kompeni akan bertindak balas dengan menyerang kawasannya, beliau telah lama mengadakan persediaan pertahanan perang dengan mengarahkan orang-orangnya membina Kampung Galila, Padas Damit. Kesan Kota ini masih lagi dapat dilihat sekarang. Pangeran Syahbandar telah membina benteng-benteng pasir di tebing sungai, parit dikorek panjang benteng ini dianggarkan 1 rantai, di sekeliling benteng dicacak kayu-kayu bulat yang besar dengan tinggi 8 kaki. Kota ini digelar Kota Manggalela dibuat dengan kukuh sebagai menahan serangan Kompeni daripada memasuki Padas Damit.

Pengkalan Kompeni di Kampung Gadong, telah dipersiapkan sebagai markas untuk menyerang ke Padas Damit. Kompeni telah mengumpul senjata-senjata, peluru dan meriam 7 paun ke dalam kubu di samping bekalan makanan bagi peperangan yang lama. Barang-barang ini dibawa melalui Sungai Padas. Gabenor Kompeni di Labuan C. V Creagh telah mengarahkan satu pasukan Polis yang terdiri dari mata-mata Dayak berjumlah 100 orang untuk membuat serangan balas ke atas Kubu Manggalela yang dibina oleh Pangeran Syahbandar Hassan.

Dengan menggunakan perahu-perahu mata-mata Kompeni, mata-mata Dayak telah cuba menyerang Kota Manggalela pada bulan Januari, 1889. Oleh sebab Kota Manggalela begitu teguh binanya serta orang-orang dari suku Bisaya berperang dengan gagah berani bagi mempertahankan tanah air yang tercinta maka serbuan tersebut telah tidak memberi kesan sedikit pun. Setelah mengalami kehilangan ramai nyawa pihak Kompeni telah mengarahkan mata-matanya berundur kembali ke Gadong. Serangan itu tidak memberi apa-apa kepada Kompeni dan Kota Manggalela tidak dapat ditembusi oleh mereka biarpun mempunyai senjata-senjata yang moden pada masa itu.

Pangeran Syahbandar dan orang-orang bertambah yakin dapat mengalahkan Kompeni walau pun hanya bersenjata seperti parang, pisau, pedang, panah dan sedikit senjata api yang dirampas dari Mata-mata Dayak yang mati tidak dapat mengalah itu menawan kubu mereka. Pangeran terus menyuruh orang-orang memperbaiki dan mengukuhkan lagi benteng-benteng Kota Manggalela kerana men-

jangkakan Kompeni akan menyerang lagi.

Apabila Konsul Besar British di Brunei, Sir Hugh Low mendengar kegagalan Creagh menawan dan merobohkan Kota Manggalela, merasa amat marah beliau hairan mata-mata Kompeni yang lengkap bersenjata tewas dengan penduduk peribumi hanya menggunakan senjata kuno. Sir Hugh Low telah mengarahkan dan mengirimi 100 orang anggota Polis Sikh dari Perak, dengan membawa peralatan perang yang banyak. Pasukan Kompeni diketuai oleh Kapten R.D Beeston dibantu oleh D. Daly dengan kekuatan tambahan. Kekuatan mata-mata Kompeni dianggarkan berjumlah 225 lengkap bersenjata telah menyusur Sungai Padas bagi serangan kali kedua ke atas Kota Manggalela. Kompeni menuntut supaya Pangeran Syahbandar memberhentikan perbuatannya dan membebaskan orang-orang Kompeni yang ditawannya.

Baginda Sultan Brunei telah melakukan seperti apa yang dituntut oleh Kompeni dengan melarang dan menasihatkan Pangeran Syahbandar menghentikan perbuatannya. Sebagai rasa hormat kepada Sultan Brunei, Pangeran telah mematuhi namun begitu Pangeran Syahbandar menganggap bahawa baginda Sultan Brunei telah dipaksa oleh Kompeni untuk berbuat demikian. Apabila Kompeni mendirikan beberapa markas atau kubu di Sungai Padas terutama di Gadong, dekat dengan Padas Damit, perbuatan Kompeni telah menambahkan perasaan benci kepada Kompeni, Pangeran Syahbandar telah terpaksa tidak mematuhi nasihat serta larangan Sultan Hashim, sebaliknya beliau telah giat meningkatkan serangan-serangan ke pangkalan-pangkalan Kompeni. Kali ini serangan-serangan itu tidak lagi sembunyi-sembunyi pada waktu malam, tetapi dilakukannya terang-terang pada waktu siang. Tindakan Pangeran Syahbandar menyerang dan memusnahkan harta benda Kompeni dan penduduk-penduduk di tebing Sungai Padas telah memberi kesan dan tampan hebat kepada maruah pemerintahan Chartered Company di mana Kompeni bukan sahaja mengalami kehilangan jiwa, kerosakan dan kemusnahan harta benda juga kehilangan wang ringgit yang bukan sedikit jumlahnya.

Pihak Kompeni telah membuat keputusan untuk menyerang balas biar pun Kompeni sadar jika mereka menyerang wilayah yang di luar takluk Chartered Company adalah perbuatan menceroobok hak orang lain, tetapi atas dasar sikap penjajah bagi mereka perbuatan itu bukanlah menjadi satu kesala-

han. Namun begitu Kompeni terus mendesak melalui Sultan Hashim supaya Pangeran Syahbandar berunding dengan Inggeris. Namun begitu Pangeran Syahbandar tetap enggan menyetujui perundingan itu kerana baginya ianya hanya menguntungkan satu pihak saja, iaitu pihak Kompeni.

Seperti yang kita sedia maklum penjajah Inggeris amat terkenal strategi-strategi menggunakan diplomasi, taburan budi dan dasar pecah perintah serta kekuatan tentera untuk menundukkan lawan mereka dengan cara-cara ini. Amalan-amalan ini biasa dilakukan oleh pentadbir Inggeris bagi melemahkan penduduk-penduduk peribumi sendiri dan menguatkan kedudukan mereka di atas tanah jajahan. Orang-orang difikir berpengaruh dalam masyarakat dijadikan kawan dan sesiapa sahaja menentang dasar mereka adalah lawan dan dicap sebagai musuh yang harus ditumpaskan, istilah yang digunakan dengan mengisytiharkan penentang Kompeni sebagai perompak dan lanun yang kejam, dengan cara ini orang itu harus diburu dan ditangkap atau dibunuh. Cara ini juga telah digunakan oleh Kompeni dalam perang Padas Damit.

Apabila dasar diplomasi tidak berkesan, pihak Kompeni telah mengisytiharkan Pangeran Syahbandar dan orang-orangnya adalah perompak dan lanun yang kejam tiada belas kasihan kepada mangsa-mangsanya. Ianya bertujuan supaya rakyat di Sungai Padas takut dan tidak mahu bekerjasama bagi menentang Kompeni. Pihak Kompeni sedar kini mereka berhadapan dengan seorang pahlawan tempatan yang degil, bijak dalam strategi perang gerila juga mahir dalam ilmu peperangan. Gabenor Labuan telah didesak supaya bertindak dengan apa cara sekalipun bagi menjaga dan mengembalikan maruah British di Wilayah Padas Damit

Murut

Di Semenanjung Klias terdapat 2 puak suku kaum Murut yang tinggal di bahagian Kuala Sungai Padas di Jimpangah dikenali sebagai MURUT TIMOGUN atau Ulun Dabugus dan satu puak lagi tinggal di Limbawang, Lumadan dan Bukau dikenali sebagai MURUT PELUAN. Kedua pihak ini sering bertelingkah, di mana mereka akan menyerang antara satu sama lain jika terjumpa. Salah satu budaya suku kaum ini ialah tradisi potong kepala dimana satu puak akan berkumpul dan menyerang satu puak lain untuk mendapat kepala musuh mereka. Pada masa itu tradisi ini melambangkan kedewasaan, kegagahan

dan bila seorang lelaki Murut hendak berkahwin ia hendaklah membuktikan dengan menyerang dan memanggal kepala musuh. Senjata utama suku kaum Murut ialah Sumpitan, Pedang Panjang.

Pada tahun 1895 terjadi satu pergaduhan besar di mana Murut Timogun di Jimpangah telah menyerang perkampungan Suku Kaum Murut Peluan di Limbawang hingga mengakibatkan kematian yang banyak, juga menjadi mangsa ialah Suku Kaum Cina yang tinggal dan berniaga di Limbawang. Kompeni telah menghantar seorang Pegawai menyiasat kejadian itu dan mendapati ianya amat serius dan tradisi potong kepala amatlah mengerikan.

Gabenor Leicester P Beaufort 1895

Gabenor L.P. Beaufort telah menghantar seorang Pegawai yang tahu Hal Ehwal Tempatan di mana Pegawai tersebut telah menyelesaikan pergaduhan antara kedua puak ini dengan cara rundingan. Ketua kedua belah pihak telah dipanggil dan pihak British telah bertindak sebagai orang tengah, sikap diplomasi penjajah telah berjaya mendamaikan puak ini. L.P. Beaufort telah mengambil keputusan untuk mendirikan Pejabat Pentadbiran di Wilayah Semenanjung Klias yang diperolehi pada tahun 1894. Beliau telah memilih Lembah Padas (Padas Valley) terletak di tebing Sungai Padas di mana Pejabat Daerah dan sebuah Balai Polis telah didirikan beberapa buah deretan kedai juga dibina.

Suku kaum Murut Peluan dari Limbawang diperintahkan untuk berpindah ke kawasan Padas begitu juga segelintir peniaga Cina dan kaum yang lain kerana kepentingan Suku kaum Murut Peluan dari Limbawang diperintahkan untuk berpindah ke kawasan Padas begitu juga segelintir peniaga Cina dan kaum yang lain kerana kepentingan perniagaan. Di samping itu British juga dapat mengawal kedudukan dan pergaduhan puak di Semenanjung Klias. Pada 4hb Januari 1898 kawasan ini telah dirasmikan dan dinamakan BEAUFORT sempena mana Gabenor Chartered Company. Secara perlahan Beaufort telah berkembang menjadi satu kawasan penting di kawasan Semenanjung Klias dari segi ekonomi kerana menjadi pusat perniagaan di antara daerah-daerah Sipitang, Weston, Tenom dan Mempakul yang bertumpu ke Beaufort bagi menjalankan perniagaan.

Sumber:

Rhymie Abdul Rahman, Pejabat Daerah Beaufort.

Ekonomi Beaufort

Kegiatan ekonomi penduduk yang utama di daerah ini meliputi 70% dalam sektor pertanian, 20% bergiat dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Sementara baki adalah mereka yang terlibat dalam sektor perikanan dan perusahan ternak. Daerah Beaufort kaya dengan sumber-sumber alam terutamanya tanah pertanian. Oleh kerana itu kegiatan ekonomi penduduk di daerah ini meliputi 80% di sektor pertanian.

Kajian sumber-sumber tanah menunjukkan bahawa 64,342 hektar (sekitar 37%) daripada 173,600 hektar (37%) daripada tanah-tanah tersebut telah diusahakan dan dimajukan. Oleh kerana kegiatan ekonomi penduduk luar bandar sangat bergantung kepada sektor pertanian adalah dijangkakan perusahaan tanah-tanah pertanian terutamanya untuk tanaman kelapa sawit, buah-buahan dan tanaman kontan akan bertambah.

Pada 14 Ogos 1993, Pesta buah-buahan telah diadakan buat pertama kalinya di Daerah Beaufort selama 3 hari. Mengikut kajian sumber-sumber tanah menunjukkan bahawa 64,342 hektar tanah daripada keluasan daerah berkenaan sesuai untuk pertanian dan sehingga sekarang hanya 24,044 hektar yang sudah dimajukan. Bagaimanapun, disebabkan kegiatan ekonomi penduduk luar bandar sangat bergantung kepada sektor pertanian adalah dijangkakan perusahaan tanah pertanian terutamanya untuk tanaman kelapa sawit, buah-buahan dan tanaman kontan akan bertambah. Tanam-tanaman utama daerah Beaufort ialah getah, kelapa sawit, padi, buah-buahan, tanaman jangka panjang seperti kelapa dan tanaman kontan seperti jagung, ubi, keladi dan sayuran. Bagi penanaman buah-buahan, ia merupakan tanaman yang diminati dan diusahakan oleh petani sejak dahulu lagi sehingga menjadi pengeluar buah-buahan tempatan yang utama di Pantai Barat pedalaman. Tanaman limau manis amat diminati oleh ramai pekebun kerana kesesuaiannya ditanam di beberapa kawasan terutama di sepanjang Sungai Panaman itu. Disebabkan kualiti buah itu, Beaufort sehingga sekarang terkenal sebagai pengeluar buah limau manis terbaik di negeri ini.

Selain itu, buah durian dan rambutan yang juga tanaman buah-buahan bermusim, biasanya mengkilikan buah pada Julai hingga September manakala buah-buahan yang lain termasuk manggis, pepedak, langsung, terap, pisang, kelapa, belimbing, batu, betik, limau kasturi, limau balim, limau

kapas, mangga, belunu, bambangan, tembikai, ciku dan nanas.

Suku Kaum

Suku-suku kaum yang terdapat di daerah Beaufort ialah Bisaya, Brunei, Kadazan/Dusun dan Murut. Walaupun dari segi bilangan, masyarakat Bisaya mempunyai bilangan yang agak kecil, kehadirannya adalah lebih ketara di Daerah Beaufort. Kaum Bisaya adalah kaum yang paling ramai. Mengikut banci penduduk yang telah dibuat 10 tahun (1991) yang lalu, jumlah penduduk Bisaya di seluruh Negeri Sabah ialah seramai 30,000 orang.

Kebanyakan suku kaum Bisaya di Sabah adalah beragama Islam. Mereka kebanyakannya memeluk agama Islam sejak dahulu lagi dan biasanya adalah petani yang tinggal di hilir Sungai Padas dan Sungai Klias. Kebiasaannya dalam upacara perkahwinan, pihak pengantin diwajibkan memberi hantaran perkahwinan. Bagi penganut Islam kaum Bisaya, upacara perkahwinan mereka telah dipengaruhi oleh ugama Islam selain dari elemen pakaian tradisi mereka. Kaum Bisaya mempunyai tariannya sendiri, iaitu Tarian Bubu yang biasanya dipersembahkan semasa upacara perkahwinan, peruntungan dan jamuan masuk rumah baru. Mereka percaya kepada kuasa ghaib, oleh itu dukun atau pawang menjadi perantara komunikasi bagi mereka dengan dunia lain.

Tarian Tradisi Kaum Bisaya

Sama juga dengan suku kaum lain di Sabah, Kaum Bisaya mempunyai tarian tradisinya tersendiri. Dua daripada tarian tersebut adalah Tarian Sayau Bagarus dan Tarian Liliput

Tarian Sayau Bagarus

Tarian Sayau Bagarus adalah tarian yang menceritakan cara kaum Bisaya mendapatkan hasil sagu, iaitu sejenis makanan tempatan. Tarian tersebut menunjukkan 5 cara mereka mendapatkan sagu, iaitu menebang pokok rumbia, membuka kulit, mangarus, menginjak dan menyaring. Ceritanya proses mendapatkan sagu ini telah mengilhamkan mereka mencipta Tarian Sayau Bagarus. Tarian ini terkenal dengan iringan muzik gong, kulintang dan canang.

Tarian Liliput

Tarian Liliput pula biasa ditarikan untuk mengubati orang sakit. Maksud Liliput adalah meliputi atau mengelilingi, oleh itu tarian ini adalah tarian meliputi atau tarian mengelilingi. Kaum Bisaya percaya

bahawa sakit adalah disebabkan oleh ilmu sihir dan roh pesakit perlu ditarik balik ke badan pesakit tersebut. Tarian ini dijalankan oleh seorang bomoh dan pembantu-pembantunya dengan bergerak mengelilingi pesakit sambil membaca jamipi serapah. Setelah selesainya acara tersebut, pasangan penari akan mengelilingi pesakit sambil menari Tarian Liliput sehingga pesakit sedar atau sembuh. Penari bagi tarian ini memakai pakaian hitam dan diiringi dengan alat-alat muzik seperti gong, kulintang, gendang dan canang.

Seperti juga dengan kaum-kaum lain di Sabah, Kaum Bisaya mempunyai kraftangan mereka. Kraftangan mereka adalah berkaitan dengan kegunaan harian seperti menanam padi, mengangkat bahan-bahan harian, membuat sagu dan menangkap ikan. Antara yang terdapat di sini adalah Kalambang, Lasok dan Salihid.

1. Kalambigas adalah alat yang diletak pada leher kerbau untuk menarik rumbia atau goyodan
2. Lasok adalah alat yang digunakan untuk mengangkat repau atau barang keperluan
3. Salihid adalah alat yang digunakan untuk menangkap ikan

Kemudahan Perhubungan dan Komunikasi

Pada masa yang lalu penduduk di Daerah Beaufort menggunakan sungai sebagai kemudahan perhubungan, satu-satunya sungai yang terpenting pada waktu itu ialah Sungai Padas dan Sungai Klias. Segala hasil dan pengeluaran penduduk diangkut menggunakan perahu untuk dibawa ke pekan. Keistimewaan yang terdapat pada sungai-sungai tersebut ialah boleh menghubungkan beberapa buah Daerah. Sungai Padas boleh menghubungkan Daerah Tenom, Sipitang, Weston, Menumbok dan Labuan sementara Sungai Klias boleh menghubungkan Daerah Kuala Penyu, Menumbok dan juga Labuan. Ini memudahkan penduduk pada masa itu membawa hasil dan pengeluaran barangan ke daerah-daerah tersebut.

Selain daripada perhubungan menggunakan sungai, pembinaan landasan keretapi pada tahun 1900 oleh Chartered Company, Beaufort ke Jesselton (Kota Kinabalu), Beaufort ke Tenom dan Weston ke Beaufort telah juga memberikan kemudahan perhubungan pada masa itu. Landasan kereta api Weston ke Beaufort telah diadakan pada tahun 1963 apabila permulaan pembinaan jalan raya Beaufort ke Weston dan ke Daerah Sipitang telah siap dibina pada tahun 1963. Pada tahun 1951, orang Inggeris

mula menjadi Pegawai Daerah bagi Beaufort hingga ke tahun 1968. Bermula dari tahun 1970, penduduk Sabah telah mula menjadi Pegawai Daerah Beaufort sehingga kini.

Keningau

Daerah Keningau adalah sebuah daerah yang terletak di Bahagian Pedalaman Negeri Sabah, ia adalah daerah yang tertua dan terbesar di Bahagian Pedalaman. Lokasi daerahnya adalah: Latitude $5^{\circ}00' - 5^{\circ}40'$. Daerah Keningau boleh dihubungi menggunakan kenderaan dari ibu kota iaitu Kota Kinabalu melalui jalan darat dari Tambunan dan juga Kimanis di mana jarak jauh keduanya lebih kurang 128 kilometer. Anda boleh mendapatkan teks dari Kota Kinabalu dengan harga biasa RM20 seorang atau dengan sal mini, RM10 seorang.

Asal-usul Keningau

Menurut cerita masa dahulu, ada sebuah kampung di mana terdapat banyak pokok kayu manis yang juga dikenali sebagai 'kayu keningau' dalam bahasa tempatan. Orang-orang Inggeris menerimanya sebagai rempah dan seterusnya menjualnya sebagai pasaran antarabangsa. Setelah saudagar-saudagar asing mengenalnya, permintaannya semakin bertambah dan semakin lama 'kayu keningau' semakin masyhur di pedalaman. Untuk mudah mengenali kampung yang banyak pokok keningau, maka kampung ini dipanggil Kampung Keningau. Untuk memudahkan lagi pengenalan KENINGAU, maka nama Daerah Keningau telah pun dibubuh dalam peta. Demikian kisah asal-usul nama Keningau.

Sejarah Keningau

Percubaan awal orang Eropah untuk membuka sesebuah pentadbiran di Keningau ditentang oleh penduduk-penduduk tempatan. Ini berlaku pada bulan Mei 1896 apabila seorang pegawai syarikat beragama Borneo Utara British diserang oleh sekumpulan orang Kujau dari Sungai Pampang. Dalam pertempuran tersebut, penduduk tempatan telah dapat dikalahkan dan ketua-ketua dipenjarakan. Akibat daripada serangan ini, pihak pemerintah telah memaksa penduduk-penduduk di sekitar Keningau untuk menunjuk ketaatsetiaan mereka terhadap pihak pemerintah yang telah mendirikan temp kediaman mereka berdekatan dengan Stesen Keningau. Pada tahun-tahun kemudiannya, Keningau telah berkembang dengan pesatnyanya dan dijadikan pusat pentadbiran Residensi Pedalaman.

Penduduk Keningau

Penduduk Daerah Keningau adalah penganut berbagai agama seperti Muslim, Kristian, Budha, Pagan dan lain-lain. Mengikut banci tahun 1991, penduduknya adalah seramai 89,517 orang. Komposisi kumpulan etnik warganegara Malaysia di Keningau adalah seperti berikut: Bumiputera 83.6%, Cina 7.8%, India 1.0% dan lain-lain 7.6%.

Ekonomi Keningau

Kegiatan ekonomi daerah Keningau tertumpu besar kepada industri pembalakan di mana Keningau merupakan industri pembalakan kedua besar di Negeri Sabah selepas Sandakan. Kegiatan yang lain termasuk penanaman getah, padi dan koko. Usaha telah pun dibuat bagi mempelbagaikan pertanian di daerah ini. Dengan kerjasama penduduk kampung, Koperasi Pembangunan Desa (KPD) sedang mengusahakan tanah-ranah terbiar dengan berbagai-bagai tanaman kontan yang cepat mengeluarkan hasil seperti halia, jagung, bawang putih, lada hitam, bawang merah, pisang, kopi, *sorghum*, ubi kentang, lubis, cendawan, *broccoli* dan *strawberry*.

Meskipun dianggap sebagai daerah terpencil, tetapi Keningau merupakan daerah yang begitu cepat membangun. Bandarnya berkembang dan membangun begitu cepat dengan pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Daerah ini mempunyai stadium sukan, padang golf dengan pelbagai kelengkapan, hotel mewah dan sebagainya. Daerah ini boleh dihubungi dari Kota Kinabalu melalui jalan raya atau penerbangan kapal terbang kecil. (penerbangan kapal terbang kecil ini dapat dibuat dengan empahan dari Sabah Air).

Kesenian Keningau

Kaum Kadazan/Dusun adalah kumpulan *ethnic* yang paling ramai di Keningau, mengikut banci tahun 1991, kaum Kadazan/Dusun adalah seramai 45% dari penduduk keseluruhan. Perayaan yang dijalankan setiap tahun adalah Perayaan Pesta Menuai. Selain Perayaan Pesta Menuai, aktiviti yang semasa anda boleh dengar adalah tamu - di mana ianya adalah satu dagangan bertukar-tukaran wangian kegunaan harian. Tamu adalah bahasa temuan, tamu yang pertama di Keningau telah diadakan pada bulan Januari, 1898. Ia kemudiannya diadakan 3 bulan sekali. Tamu yang pertama telah diadakan secara besar-besaran. Seramai 47 ketua kampung di seluruh daerah Keningau telah datang

untuk merasmikan pembukaan tamu itu. Lebih 1,000 orang telah mengahdirinya dan acara-acara hiburan seperti pertunjukkan cara-cara menggunakan taligraf, sukan, pertunjukkan bunga api dan pertandingan minum tapai telah diadakan untuk memeriahkan lagi perasmian. Di Keningau, kaum peribuminya mempunyai tarian tradisional yang sikit berbeza dengan tarian tradisional yang terdapat di daerah lain.

Tempat-tempat Menarik

Perkelahan

Taman Perkelahan Bandukan (kira-kira 15 km dari pekan Keningau, di Jalan Kampung Bunsit, Bingkor) merupakan sebuah taman rekreasi dan perkelahan yang indah dan dianggap tercantik di daerah Keningau selain dari Taman Perkelahan Tindian di Jalan Apin-apin, Taman Perkelahan Agudon, Air Terjun Mandanan dan Taman Perkelahan Minansut.

Trekking

Gua Laing terletak di kawasan hutan tebal, kira-kira 20 km dari pekan Keningau. Untuk sampai ke gua tersebut, pengunjung terpaksa berjalan meredah hutan, turun dan naik bukit serta menyusur sungai selama kira-kira dua setengah jam. Gua ini kononnya berasal daripada sebuah tajau besar. Selain dari yang tersebut di atas, anda boleh juga kunjungi Batu Semah Peringatan yang terletak di depan Bangunan Urusetia Daerah Keningau.

Daerah Kuala Penyu

Legenda sebiji batu berbentuk seekor mamalia yang menyerupai penyu kini dipercayai masih wujud terbenam di Kuala Sungai Tasik Setompok yang membawa nama asal dengan sebutan 'Setompok' telah melahirkan nama sebuah daerah hingga ke hari ini sebagai daerah Kuala Penyu. Daerah ini dapat dikunjungi melalui jalan raya mahupun menaiki bot melalui jalan laut. Hanya 145 kilometer daripada Kota Kinabalu ke daerah ini perjalanan melalui jalan Beaufort dan jika perjalanan melalui Membakut/Pimping pula jaraknya kini cuma 106 kilometer, di samping menjimatkan masa perjalanan melalui Membakut/Pimping pengunjung juga berpeluang menaiki perkhidmatan feri untuk menyeberangi Teluk Setompok.

Kemudahan Asas

Hampir kesemua kampung-kampung di sekitar daerah Kuala Penyu boleh dihubungi melalui jalan raya. Sejauh 105 km jalan raya gravel (*main roads*)

adalah jalan JKR. Sejauh 106.25 km pula jalan raya di daerah ini dibina oleh Majlis Daerah. Hampir keseluruhan kampung-kampung di sekitar daerah ini kini telah menikmati bekalan elektrik. 80% kampung-kampung di daerah ini telah menikmati kemudahan bekalan air. Selain daripada Syarikat Telekom Malaysia, Syarikat CELCOM juga telah memulakan khidmat operasi mereka di daerah Kuala Penyu ini.

Kuala Penyu mempunyai sebuah bangunan perpustakaan yang dijalankan oleh empat orang kakitangan dengan koleksi buku sebanyak 22,000 buah (Bahasa Melayu, Inggeris dan Cina). Bangunan perpustakaan ini akan dinaikkan taraf ke Bangunan Perpustakaan Baru dalam RM7. Kuala Penyu mempunyai tiga buah sekolah menengah dan 26 buah sekolah rendah. Pusat kesihatan daerah Kuala Penyu mempunyai kakitangan seramai 12 orang. Purata pesakit yang dirawat di daerah ini ialah 70 orang sehari. Pusat kesihatan ini kini dalam cadangan Rancangan Malaysia ke 7 untuk dinaikkan taraf hospital. Selain pusat kesihatan, daerah ini juga mempunyai tiga buah klinik fesa, satu buah klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak yang merawat atau menerima ibu yang mengandung seramai 30 orang dalam seminggu, 60 orang kanak-kanak dalam seminggu dan melakukan kerja rawatan ibu bersalin seramai 20 orang dalam sebulan. Kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di Kuala Penyu ialah perkhidmatan pos, balas polis yang diketuai oleh seorang pegawai yang berpangkat Ketua Polis Balai dan perkhidmatan kastam.

Sejarah Kuala Penyu

Pusat pentadbiran daerah Kuala Penyu telah diwujudkan pada 30 Januari 1952 dengan ditadbir oleh seorang Penolong Pegawai Daerah di bawah kelolaan Pentadbiran Pejabat Residen Keningau ketika itu. Semasa zaman pemerintahan British, sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua, pusat pentadbiran daerah ini berpusat di Mempakul.

Sandakan

Terletak di kedudukan 5° 30' Utara sehingga ke 6° 17' ke Utara, manakala di kedudukan garis bujur adalah 117° 37' Timur sehinggalah 118° 21' Timur. Sandakan merupakan bandar di negara Malaysia yang paling ke timur dari aspek garis lintang dan bandar yang terletak paling ke timur bagi negeri Sabah. Bandar Sandakan juga terletak kira-kira 1,900 kilometer dari Kuala Lumpur, ibu kota Malaysia dan

hanya kira-kira 28 kilometer dari sempadan negara Filipina. Bandar Sandakan telah wujud sebagai sebuah residensi semenjak tahun 1948. Mengikut catatan Sejarah, nama Sandakan berasal daripada perkataan Sulu iaitu 'SANDAK' bererti 'pajak gada'. Jadi pengertian keseluruhannya adalah 'bandar yang di pajak gada'.

Kawasan di bawah bidang kuasa Daerah Sandakan: Bandar - 46 batu persegi atau 12,000 ha. Separa bandar - 56 batu persegi atau 14,500 ha. Luar bandar dan laut - 773 batu persegi atau 200,124 ha. Bandar Sandakan mempunyai banyak keistimewaan-nya dari pelbagai aspek. Antaranya adalah sejarah, kebudayaan, alam semula jadi dan ekonomi.

Catatan sejarah mengenai bandar ini bermula pada abad ke-15 hinggalah kini. Bandar ini pernah dikuasai oleh Kesultanan Sulu dan di buka oleh suku kaum Taosug (Suluk), pedagang dari Austria, Jerman dan Scotland. Ia menjadi bandar di bawah kuasa British sejak tahun 1879 hingga 1969 sebelum Sabah menyertai Malaysia. Zaman pemerintahan Jepun pada tahun 1942-1945 telah meninggalkan banyak peristiwa pahit di kalangan penduduk Sandakan terutamanya golongan peniaga bangsa Cina. Bandar Sandakan merupakan bandar yang cukup unik dengan tinggalan sejarahnya yang masih dikekalkan sehingga kini.

Kebudayaan

Bandar Sandakan sememangnya unik kerana ia terdiri daripada pelbagai kaum justeru itu menghasilkan pelbagai kebudayaan mengikut kebudayaan suku kaum masing-masing. Antara kaum yang telah lama menetap di Bandar Sandakan adalah kaum Cina, Suluk, 'Bajau Simunul', Bisaya dan suku kaum Sungai dan beberapa suku kaum yang lain.

Alam Semula Jadi

Sandakan memang kaya dengan alam semulajadinya yang mendapat tarikan pelancong luar negara dan pelancong tempatan. Perkataan 'SAN' juga bererti 'Sea, Adventure, dan Nature' yang menarik ramai pelancong ke Sandakan. Oleh itu Sandakan memang mempunyai banyak tempat-tempat yang menarik boleh dilawati di Sandakan.

Ekonomi

Bandar Sandakan merupakan bandar yang kaya dengan pelbagai sumber sejak awal abad ke 18 lagi. Keistimewaan dan kekayaan sumbernya telah menarik ramai pelabur asing untuk menjalankan pe-

niagaan. Kayu balak merupakan hasil yang telah banyak membawa keuntungan kepada pelabur asing. Selepas perniagaan balak merosot timbul kelapa sawit yang merupakan ekonomi utama Sandakan. Selain dari itu perikanan, pelancongan dan sarang burung juga merupakan kegiatan ekonomi penting Sandakan.

TEMPAT MENARIK:

Pulau Berhala

Pulau Berhala terletak di luar pintu masuk Teluk Sandakan berdepan dengan perkampungan Sim-Sim. Antara yang unik di pulau ini adalah dua buah bukit batu pasir yang bercantum dengan ketinggian 600 kaki. Di atas bukit terdapat rumah api. Kawasan curam bukit tersebut adalah Hutan Simpanan di mana terdapat banyak tumbuhan tempatan yang hanya boleh didapati di kawasan pinggir laur yang menjadi tumpuan ahli botani. Terdapat sebuah kampung di bahagian barat pulau yang bersambung dengan tanah lapang ke pantai yang dilengkapi dengan kemudahan perkelahan.

Di hujung bahagian selatan pulau ini terdiri daripada tebing karang yang curam berwarna kemerah-merahan. Terdapat beberapa gua di tebing karang ini. Sebelum Perang Dunia Kedua Pulau Berhala pernah digunakan sebagai penempatan pesakit kusta, manakala semasa Perang Dunia Kedua pula orang Jepun menggunakan Pulau Berhala sebagai 'Pusat Tahanan Perang'. Puan Agnes Keith merupakan salah seorang daripada tahanan perang di antara bulan Mei 1942 hingga Januari 1943 sebelum dipindahkan ke Kuching, Sarawak. Pada masa ini Pulau Berhala merupakan salah sebuah tempat perkelahan yang terkenal.

Pulau Selingan, Pulau Gulisan dan Pulau Bakkungan Kecil

Di seberang Pulau Libaran, 40 kilometer dari Timur-Utra Sandakan dan berhampiran dengan sempadan Malaysia dan Filipina, terdapat sekelompok pulau-pulau yang terdiri daripada tiga pulau kecil yang berhampiran iaitu Pulau Selingan, Pulau Gulisan dan Pulau Bakkungan Kecil. Pulau-pulau ini merupakan pulau-pulau yang terutama di timur-selatan Asia di mana penyu-penyu mendarat dan bertelur di pantainya. Penyu-penyu ini biasanya bertelur pada waktu malam selepas pukul 8 bila air surut. Pada masa itu anda boleh menyaksikan penyu-penyu yang menentang mengorek lubang di pantai dan bertelur ke dalamnya. Penyu-penyu yang bertelur di pulau-pulau

ini ialah 83% 'Green Turtles' dan 17% 'Hawksbill Turtles'.

Kebanyakan 'Green turtles' bertelur di Pulau Selingan manakala kebanyakan 'Hawksbill Turtles' bertelur di Pulau Gulisan, kerana terdapat terumbu karang yang luas di kawasan ini. Manakala sebahagian kecil dari kedua-dua jenis penyu ini bertelur di Pulau Bakkungan Kecil. Penyu-penyu ini bertelur sepanjang tahun, tetapi kemuncak ia bertelur ialah pada bulan Julai hingga bulan Oktober bagi 'Green turtles' yang bertelur lebih kurang 110 biji dalam satu lubang dan Februari hingga April bagi 'Hawksbills Turtles' yang bertelur di antara 70 hingga 180 biji telur sekali. Telur-telur ini akan diperam selama 50-60 hari sebelum ia menetas menjadi anak penyu dan berenang balik ke laut. Dalam penyelidikan, penyu-penyu betina ini akan kembali bertelur selepas beberapa tahun berikutnya.

Di antara pulau-pulau penyu ini, Pulau Selingan juga merupakan salah sebuah tempat pelancongan yang menarik. Dengan menggunakan bot laju anda boleh menyaksikan keindahan pulau ini dan kejernihan lautnya yang cantik dengan beraneka jenis ikan. Pulau Selingan terdapat sebuah chalet iaitu Chalet Pulau Selingan. Ia mempunyai 15 buah bilik yang mempunyai bilik mandi. Chalet ini juga mempunyai restoran.

Pertanian

Kelapa Sawit telah menggantikan punca ekonomi utama Sandakan iaitu balak dari awal pembukaan Sandakan. Kelapa sawit mula ditanam secara komersil pada awal tahun 1980-an dan ia merupakan tanaman dan hasil pertanian utama Sandakan pada awal tahun 1990-an hinggalah sekarang. Kebanyakan hutan yang telah ditebang untuk kayu balak telah digantikan dengan tanaman kelapa sawit. Sehingga kini terdapat dua buah loji penapisan minyak kelapa sawit dan menghasilkan minyak masak dan beberapa hasil yang lain.

Perikanan

Udang kering dan ikan bilis merupakan keluaran utama di daerah ini. Sandakan juga terkenal dengan makanan laut yang segar dan adalah di antara pengeluaran utama hasil tangkapan laut di negeri Sabah. Salah satu hasil ikan bilis tempatan yang terkenal adalah Ikan Bilis Goreng yang dikeluarkan oleh Syarikat Aneka. Kebanyakan ikan yang ditangkap adalah datang dari laut. Ikan juga didapati di kolam ikan air tawar yang terdapat di Sandakan.

<i>Jumlah Ikan Air Tawar di Sandakan</i>		
Tahun	Bilangan	Hektar
1998	788	108,322

Sumber:

Buku Perangkaan Bulanan Sabah 1999

Sandakan memang terkenal dengan hasil perikanan yang agak murah di negeri Sabah. Harga-gara pasaran hasil laut ini adalah berbeza mengikut musim. Harga yang biasa dijual di pasar Sandakan adalah seperti berikut:

Ikan Bilis - RM 18.00 Sekilo
 Udang kering - RM 13.00 Sekilo
 Ikan masin - RM 33.00 Sekilo
 (Harga berubah mengikut musim)

Pelancongan

Ekonomi dari segi pelancongan adalah menggalakkan dengan wujudnya pelbagai tempat-tempat menarik di kawasan Sandakan. Mengikut rekod statistik pengunjung di Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok pada tahun 2000, kira-kira 80,000 pelawat dari luar negara dan dalam negeri mengunjungi pusat ini. Jumlah ini menunjukkan ekonomi dari segi pelancongan adalah menggalakkan.

Pembalakan

Pada tahun 1940-an hingga tahun 1980-an Sandakan merupakan pengeksploitasi kayu balak dan pengeluaran kayu balak yang utama di negeri Sabah. Pada masa kini balak telah berkurangan dan kebanyakan pengusahaan industri balak berhenti ataupun menukar jenis perniagaannya. Walau bagaimanapun masih lagi terdapat beberapa pengusaha yang meneruskan perniagaannya seperti pengilang papan lapis, papan lapis, kayu gergaji, balak gergaji, kepingan venir, papan cantum dan ukiran kayu.

Sejarah Awal Sandakan

Legenda Sandakan bermula beberapa tahun sebelum Pryer. Kampung German yang dijadikan oleh Kaptain William Schuck berbangsa Jerman sebagai pangkalan perniagaan merupakan penempatan pertama, walaupun pada masa tersebut sudah ada beberapa orang Sulu yang menetap di sekitar laut berdekatan. Apabila Kaptain William Schuck mendapat sebuah pulau di Kesultanan Sulu, maka William Clarke Cowie, seorang pedagang dan pelaut dari Scotland, telah mengantikkannya. Penempatan ini

menjadi pusat perniagaan senjata yang tidak berjaya. Beliau akhirnya mencari rakan niaga dari Kesultanan Sulu dan meninggalkan Kampung German.

Pada masa yang sama Baron de Overbeck telah berjaya mendapatkan konsesi sebahagian wilayah Sandakan setelah bertemu dengan Sultan Sulu yang bernama Sultan Jamal Ui Alam. Keluasan ini bermula dari Sungai Sibuco (Sg. Sibuga) sehingga wilayah Sungai Padasan kira-kira 20,000 baru persegi. Menurut perjanjian tersebut, Baron de Overbeck akan membayar sebanyak \$5,000 setiap tahun. Serentak itu juga, Baron de Overbeck diisytiharkan sebagai Dato Bendahara serta Raja Sandakan berkuatkuasa pada 1878.

Untuk mentadbir wilayah yang dimilikinya, de Overbeck telah menyerahkan pentadbiran dan pengurusan kawasan-kawasan ini kepada beberapa pegawai Inggeris yang dipercayainya. Antara orang yang dipercayainya ialah William Burgess Pryer. Bandar Sandakan mula berkembang apabila ia ditadbir oleh William B. Pryer pada 21 Jun 1879. Apabila Pryer tiba di Kampung German dalam tahun 1878, tugas pentadbirannya yang pertama adalah memperkenalkan satu undang-undang yang dikenali sebagai undang-undang cukai perdagangan bagi mengelakkan berlakunya eksploitasi perdagangan yang berlebihan. Rundingan terpaksa dibuat bersama dengan pemimpin suku di kawasan tersebut. Akhirnya satu persetujuan dicapai, cukai perdagangan telah diperkenalkan untuk keseragaman. Pembaharuan ini mendapat sokongan dan bantahan dari beberapa suku kaum, walau bagaimanapun Pryer berjaya mengatasi masalah ini walaupun berlakunya Peristiwa Timbong di mana Emaum Jelancee yang mengetuai suku kaum Bajau Laut telah menyerang Pulau Timbong. Bantahan ini berlaku kerana ia menyekat kebebasan berdagang.

Beberapa masalah seperti masalah lanun menyerang juga dapat diatasi oleh Pryer. Kemajuan, kestabilan perdagangan dan keamanan di bandar baru ini telah menarik minat pedagang asing seperti pedagang Cina serta suku kaum di Kepulauan Filipina. Pryer juga berusaha memperkembangkan kekuasaannya sehingga ke kawasan Kinabatangan. Kawasan ini penting kerana hasil hutan dan hasil sarang burung di Gua Gomantong merupakan bahan mentah yang terkenal. Dalam kepesatan pembangunan Kampung German akhirnya telah berlaku akibat kecuai seorang penduduk Kampung bernama 'Sabru'. Kebakaran tersebut telah memusnahkan

seluruh kampung termasuk rumah Pryer sendiri. Keadaan ini telah menyebabkan Pryer dan penduduk Kampung berpindah ke satu kawasan baru yang terletak di muara teluk pada 18 Jun 1879. Kawasan ini dikenali sebagai Buli Sim-Sim (Booly Sim-Sim).

Pryer telah menamakan tempat ini 'Elopura' yang bermaksud 'Bandar Yang Indah'. Pryer menebang pokok yang pertama apabila menjalankan kerja-kerja pembersihan sepenuhnya kerana Buli Sim-Sim ketika itu merupakan kawasan hutan yang dipenuhi dengan pokok-pokok bakau. Menjelang tahun 1881, Elopura telah berkembang menjadi sebuah pekan yang dibina berkemagiannya di atas air. Jambatan-jambatan yang tidak berapa teguh diperbuat daripada nibong berfungsi sebagai jalan raya. Pada tahun 1882 terdapat lebih kurang 57 buah rumah dengan penduduk seramai 696 orang dan jumlah ini kemudian meningkat dari tahun ke tahun dengan komposisi komuniti Bajau, Cina, Sulu dan lain-lain. Terdapat seramai 30 orang Eropah, 3,000 orang-orang Cina dan 3,000 pelbagai bangsa. Oleh itu, William B. Pryer merupakan orang penting dalam merintis pembangunan awal bandar Sandakan dengan penyediaan asas-asas polisi pentadbiran yang diteruskan oleh pemimpin lain. Beliau meletakkan jawatan pada tahun 1890 dan secara langsung tidak lagi menjadi pengerusi 'British North Borneo Development Corporation'.

Tawau

Bermula daripada hanya sebuah perkampungan kecil nelayan dengan 200 orang penduduk pada tahun 1898, Tawau kini merupakan bandar ketiga terbesar di Sabah selepas Kota Kinabalu dan Sandakan. Bandar ini dihubungkan dengan ibu negeri melalui jalan raya sejauh 500 km, lalu udara (lapangan terbang) dan laut (pelabuhan Tawau). Daerah Tawau meliputi kawasan seluas 6,125 km persegi atau 612,506 hektar. Ia berkongsi sempadan dengan Kalimantan, Indonesia di selatan serta dikelilingi Laut Sulu di Timur dan Laut Sulawesi di selatan. Tawau mempunyai 10 mukim dan 81 kampung yang terhimpun dalam empat kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah iaitu Balung, Merotai, Sri Tanjung dan Kalabakan.

Tidak banyak yang diketahui mengenai sejarah awal Tawau terutama sebelum tahun-tahun 1890-an. Walaupun demikian setelah Kesultanan Sulu menyerahkan kawasan di persekitaran Tawau yang wujud masa kini kepada pihak Inggeris dengan terme-

terainya perjanjian yang ditandatangani pada 22.1.1878, Tawau menjadi sebahagian daripada kawasan jajahan orang-orang Inggeris iaitu melalui Syarikat (Berpiagam) Borneo Utara. Mengikut catatan The North Borneo Annual Volume (1955-1965) menyatakan sistem pentadbiran bermula pada tahun 1898, iaitu berikutan langkah-langkah pihak Syarikat (Berpiagam) Borneo Utara membuka sebuah penempatan di Tawau dan seterusnya mengadakan asas-asas Pentadbiran Kerajaan Tempatan di situ.

Oleh kerana Tawau berkongsi sempadan dengan Indonesia, pihak pemerintahan Inggeris telah mengambil langkah-langkah untuk menetapkan sempadan agar perselisihan faham dengan kekuasaan Belanda yang memerintah Indonesia pada masa tersebut tidak timbul. Ini disebabkan sempadan asal bagi kawasan yang telah diserahkan kepada pihak Inggeris oleh kedua-dua Sultan Brunei dan Sultan Sulu ialah di bawah Sungai Sibucu berdekatan dengan Tarakan (Indonesia) yang mana kawasan tersebut termasuk di bawah pemerintahan Belanda yang ketika itu telah sedia ada menghuni di kawasan tersebut.

Berikutan dengan itu satu Suruhanjaya Sempadan telah dirubuhkan pada tahun 1912 yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari United Kingdom dan Belanda. Sebuah Laporan Bersama telah disediakan berserta dengan peta dan ditandatangani oleh pesuruhjaya masing-masing di Tawau pada 17 Februari 1913. Kemudian mengikut protokol di antara United Kingdom dan Belanda yang telah ditandatangani di London pada 28 September 1915, kedua-dua kerajaan mengesahkan laporan bersama dan peta tersebut.

Daerah Tawau pada dasarnya merupakan sebuah daerah pertanian dengan 160,000 hektar tanahnya sesuai untuk kegiatan pertanian hinggalah ia digelar sebagai 'Bumi Peladang'. Daerah Tawau mempunyai topografi yang berbeza-beza, bergunungan-galang di bahagian tengah dan barat manakala di bahagian timur daerah ini adalah mendatar. Tanah-tanah yang berpotensi dan juga telah dibangunkan dengan pelbagai jenis tanaman terdapat di kawasan tanah rendah dan tanah lurah di kawasan Merotai Kecil, Sungai Kalumpang dan Kalabakan. Tanah berasal dari gunung berapi terdapat di kawasan Tiger, Table dan Bukit Quin, manakala tanah pesisiran terdapat di sepanjang Sungai Merotai hingga ke Sungai Kalumpang. Iklim daerah Tawau panas dan lembap dengan suhu maksima adalah

31.5° dan suhu minimum adalah 22.9°. Purata hujan tahunan adalah di antara 1,800 hingga 2,500 mm.

Walaupun bagaimanapun beberapa tahun kebelakangan ini hujan yang turun tidak menentu dibandingkan pada masa yang lalu membuatkan ramalan agak sukar dibuat. Dianggarkan lebih 55% daripada penduduk daerah Tawau terlibat dengan perusahaan pertanian sama ada secara langsung atau sepenuh masa. Kedudukan stesen penyelidikan koko, Bukit Quin Tawau sebagai stesen terunggul pengeluaran biji benih koko bermutu tinggi dan terbaik di negeri Sabah dan Malaysia amnya menguatkan kenyataan ini. Syarikat perladangan gergasi seperti Golden Hope, Taiko Pertanian dan Sime Darby masing-masing mempunyai ladang di daerah ini. Berikut adalah jumlah keluasan tanah yang telah dibangunkan untuk tujuan pertanian.

<i>Jenis Tanaman</i>	<i>Keluasan Tanah</i>
Koko	34,570 hektar
Kelapa Sawit	76,706 hektar
Getah	6,790 hektar
Kelapa	5,338 hektar
Kopi	1,603 hektar
Buah-Buahan	1,683 hektar
Lain-lain	562 hektar
Jumlah	127,252 hektar

Selain itu, seluas 36,233 hektar tanah juga telah ditanam dengan pokok kayu lembut (kayu kertas) yang cepat membesar di kawasan Brumas, Kalabakan dan Luasong oleh Syarikat Sabah Softwood Sendirian Berhad, iaitu sebuah syarikat usaha sama di antara pihak Yayasan Sabah dengan sebuah syarikat swasta The North Borneo Timber Berhad. Projek ini merupakan projek "Tanam Semula Hutan" yang dulunya merupakan kawasan pembalakan.

Kedudukan Tawau yang strategik telah menjadikannya sebuah daerah yang cepat membangun. Pengusaha-pengusaha bank, insuran, pembalakan, pertanian, perikanan dan lain-lain perniagaan yang ada hubungan dengan perusahaan tersebut telah datang ke Tawau dan menjadikan bandar ini sebagai pusat operasi mereka untuk kawasan pantai timur Sabah. Sehubungan itu, banyak bangunan-bangunan baru dibina bagaikan cendawan tumbuh pada musim hujan mempesatkan lagi pertumbuhan pembangunan di daerah ini.

Sebagai contoh, pada masa ini lebih daripada 30

buah bank dan institusi kewangan sedang ber-operasi di bandar Tawau. Untuk mengimbangi pembangunan yang pesat ini, Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri telah membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk pembangunan infrastruktur di daerah ini. Kemudahan-kemudahan umum seperti Padang Stadium dan Padang Bandaran, Dewan Masyarakat, pusat-pusat rekreasi, tandas-tandas awam, pasar awam, tempat-tempat beribadat dan sebagainya telah dibina untuk untuk kegunaan dan keselesaan.

Sumber:

Buku Cendera Kenangan sempena Perayaan Tawau 100 tahun (1898-1998), 6 hb hingga 13 Februari 1999)

Tempat-tempat Menarik:

Taman Bukit Tawau

Taman Bukit Tawau seluas 27,972 hektar adalah antara kawasan peranginan di daerah Tawau yang mempunyai pelbagai hidupan semula jadi termasuk hutan tebal. Kawasan diliputi hutan tebal di Taman Bukit Tawau mampu menarik minat pencinta alam sama ada untuk menjalankan kajian dan penyelidikan atau sekadar datang berkunjung.

Pokok tinggi serta rendah yang menutupi kawasan itu memberikan laluan kepada pokok kecil hidup subur dan menjadikan kawasan itu lebih nyaman dengan udara bersih. Selain mempunyai hutan tebal yang mampu memberi ketenangan, pengunjung yang datang juga pasti terpesona dengan keindahan air terjun semula jadi. Tidak jauh daripada kawasan air terjun itu, ada pula kolam air panas semula jadi yang mempunyai pemandangan indah dan membolehkan pengunjung merehatkan otot serta tulang apabila berendam di dalamnya.

Bagi aktiviti lasak pula, Taman Bukit Tawau turut menyediakan kemudahan untuk menerokai, belajar dan mengenali dengan lebih dekat lagi flora dan fauna yang terdapat di sana. Manakala bagi aktiviti mencabar, pengunjung berpeluang mendaki Gunung Bombalai dengan ketinggian 530 meter dan menjanjikan panorama indah daerah Tawau serta Lautan Sulawesi. Antara kemudahan penginapan yang disediakan di Taman Bukit Tawau ialah dua blok asrama dikenali sebagai Agathis Hostel A&B yang boleh menampung 80 orang dan juga sebuah chalet. Kemudahan kawasan perkhemahan yang boleh menampung 500 hingga 1,000 peserta turut disediakan. Dua bilik khas juga disediakan bagi pengembara yang tidak bertujuan untuk menginap. Untuk ke sana pengun-

jung boleh menghubungi pusat pentadbiran yang letaknya 24 kilometer dari bandar Tawau atau dengan menaiki kenderaan sendiri.

Balung River Plantation

Balung River Plantation ini terletak lebih kurang 45 km dari bandar Tawau dengan keluasan 2,000 ekar dan ianya bersebelahan dengan Hutan Simpan Taman Bukit Tawau yang dibahagikan oleh Sungai Balung. Tanaman seperti koko, kelapa sawit, pokok kayu manis dan buah-buah tempatan hidup subur dengan baja semula jadi daripada tanah lava. Pemandangan yang menghijau ini memberi kedamaian dan ketenangan kepada para pengunjung.

Bagi pengunjung yang ingin menginap di estet ini, pihak Balung River Plantation telah menyediakan 31 buah bilik untuk kemudahan pengunjungnya. Chalet-chalet ini mempunyai keunikannya yang tersendiri di mana ianya dibina daripada batu-batu sungai dan juga kayu tempatan yang diperolehi sendiri di kawasan persekitaran. Kedinginan pada waktu malam lebih terasa walaupun penghawa dingin ditutup kerana batu-batu sungai ini menyerap hawa dingin. Pelbagai pilihan chalet boleh disewa oleh pengunjung mengikut kadar harga yang berpatutan: Chalet 2 - (4 bilik) - RM280.00
Chalet 3 - (3 bilik) - RM200.00
Chalet 20 - Bilik VIP - RM165.00, Bilik 'Large' - RM125.00 dan Bilik Standard - RM85.00

Pihak pengurusan juga turut menyediakan restoran untuk para pengunjungnya menjamu selera. Pelbagai pilihan menu boleh didapati dan yang lebih menyelerakan restoran ini juga turut menghadirkan masakan sayur-sayuran tempatan seperti rebung, jantung pisang dan minuman jus (markisa) buah-buahan tempatan segar yang ditanam sendiri di estet ini. Makanan dihidang secara buffet dengan harga RM10.00 seorang sementara sarapan pagi RM3.00 seorang.

Bagi pengunjung yang gemarkan aktiviti lasak pula, Balung River Plantation turut menyediakan kemudahan seperti 'mountain biking' dengan kadar sewanya RM5.00 seorang dan 'jungle trekking'. Manakala pengunjung yang ingin melihat persekitaran estet bolehlah mengikuti aktiviti 'Hiking trails around the area'. Kemudahan lain yang turut disediakan termasuklah 'bird watching', kolam renang semula jadi, meja snooker dan ruang karaoke yang juga bilik persidangan untuk 60 orang.

Sumber:

Risalah Balung River Plantation & En. Osman Ab. Lassim

Hutan Rekreasi Bukit Gemok Tawau

Terletak lebih kurang 11 km dari bandar Tawau dan mempunyai pelbagai kemudahan untuk para pengunjung, antaranya ialah pondok rehat dalam kawasan taman, pusat penerangan, kemudahan memasak dan BBQ, bekalan air dan lampu, taman permainan kanak-kanak, kemudahan tandas awam dan sebagainya. Turut menjadi perancangan untuk dibina ialah chalet, air terjun buatan, tapak perkhemahan yang serba lengkap, mini zoo, kafeteria, taman orkid dan aboretum. Namun begitu, apa yang paling menarik yang terdapat di pusat rekreasi ini ialah jambatan gantung (*canopy walkway*) sepanjang 231 meter yang dikenali sebagai Titian Silara Subkey. Dari jambatan gantung tersebut, para pengunjung akan dapat menikmati pemandangan keindahan alam semula jadi dan dapat melihat beberapa tempat di Tawau.

Sumber:

Artikel Akhbar Utusan Borneo, 26 Mei 2000 - *Hutan Rekreasi Bukit Gemok Tawau Usaha Jadikan Sebuah Pusat Tarikan Pelancongan.*

Sungai Padas

Aktiviti yang boleh dilakukan di Sungai Padas adalah menyusuri arus deras Sungai Padas menerusi kegiatan yang lebih dikenali sebagai *White Water Rafting*. Ia telah diiktiraf sebagai kawasan aktiviti white water rafting gred III di dunia oleh kerana ia mempunyai kelebaran lebih dari 50 m dan berbatu-batu berbahaya. Untuk pemandangan Sungai Padas yang menakjubkan, anda boleh menaiki kereta api dari Beaufort ke Tenom.

Pekan Weston

Jika bertujuan untuk makan angin, Pekan Kecil Weston mungkin tidak menjanjikan sesuatu yang istimewa, selain daripada suasana dan pemandangan sekitarnya yang agak sunyi tetapi menarik. Di sini cuma terdapat beberapa buah jeti nelayan, satu baris kedai, balai raya, surau, bangunan sekolah menengah dan rendah dan sebuah panggung wayang yang sudah lama tidak berfungsi. Rumah-rumahnya yang kebanyakan dibina di pinggir laut Teluk Padas, banyak melambangkan kehidupan dan kegigihan orang-orang nelayan, di mana bot-bot kelihatan di bawah rumah dan atas-atas pukuk berjutaan di sana sini.

Kuala Penyu

Daerah Kuala Penyu mempunyai keluasan kurang lebih 175 batu persegi (45,324.82 hektar) terletak di kawasan pedalaman negeri Sabah. Ia terletak di penghujung barat laut Bahagian Pedalaman, bersempatan dengan daerah Beaufort ke arah barat Laut China Selatan dan di seberangi selat ke arah penghujung barat daya adalah Wilayah Persekutuan Labuan. Jarak jauh daerah ini dari Kota Kinabalu ialah 130 km, dari Beaufort 45km, Menumbok 45 km dan Membakut 30 km. Ia boleh dihubungi dengan bot laju ke Wilayah Persekutuan Labuan melalui Menumbok. Hampir kesemua kampung-kampung di daerah ini dihubungi dengan jalan raya.

Daerah Kuala Penyu mempunyai keluasan 45,326 hektar atau 112,000 ekar. Daripada jumlah keluasan ini 23,070 hektar atau 57,000 ekar atau 51% tanahnya adalah sesuai untuk diusahakan pembangu-

nan aktiviti pertanian. Dari segi geografi, sebilangan besar daerah ini adalah berbukit bukau terutama sekali di persisiran pantai dan berpaya air tawar di kawasan persempadanan dengan Daerah Beaufort. Rangkaian jalan raya merupakan jalan utama kepada sistem perhubungan ke kampung-kampung di daerah ini.

Iklim

Keadaan cuaca daerah ini agak kering. Cuaca panas biasanya bermula pada bulan Januari hingga bulan April manakala musim hujan biasanya bermula pada bulan Mei hingga Disember. Purata suhu ialah di antara 70 - 80 F. Purata curahan hujan bulanan ialah 178mm, manakala jumlah curahan hujan setahun ialah diantara 1582.4mm hingga 3024.6 mm.

Sumber:

Pesta Rumbia ke-10 Daerah Kuala Penyu, 1999.
Profile Daerah 'Kuala Penyu'.

<i>Nama Kampung/Pekan</i>	<i>Jumlah Penduduk</i>
Kampung Binsulok	1802,260
Kampung Purun	36253
Kampung Purun Hulu	27225
Kampung Kitang	36300
Kampung Palu-Palu	88718
Kampung Tenambak	104484
Kampung Kiaru	65372
Kampung Jangkir	35238
Kampung Binturu	89279
Kampung Tedong/Badungan	69281
Pekan Kuala Penyu	153802
Kampung Sungai Labuan	58394
Kampung Kabunau	34220
Kampung Menumpang	66825
Kampung Temporong	40300
Kampung Kiambor	60458
Kampung Rimbaan	104755
Kampung Bundu Batu	478500
Kampung Janang	36276
Kampung Kabatung	49310
Kampung Bundu Tarah	1301,048
Kampung Tagilong	55345
Kampung Kayu	172419
Kampung Gorowot	86500
Kampung Menunggang	84610
Kampung Melampai	66220
Kampung Parit	32300

<i>Nama Kampung/Pekan</i>	<i>Jumlah Penduduk</i>
Kampung Seliko	30260
Kampung Kekapor	45280
Kampung Kerukan	67550
Kampung Banitan	32280
Kampung Berangkok	62394
Kampung kepayan Skim	32245
Kampung Mansud	30334
Kampung Gimba	36178
Kampung Batu Linting	67384
Kampung Kepampun	30210
Kampung Kilugus	60360
Kampung Siaun	43260
Kampung Matadan	28246
Kampung Sinapokan	31155
Kampung Jungkun/Manggis	30260
Kampung Melikai	48282
Kampung Tanjung Aru	46227
Kampung Jagus	30167
Kampung Sangkabok	45340
Kampung Lambidan	66355
Kampung Sarap/Siampak	28163
Kampung Bukit Nuri	46283
Kampung Peringan	29150
Kampung Mempakul	37229
Kampung Menumbok	1801,027
Pekan Menumbok	1321,040
Kampung Gulung-Gulungan	41253

Bilangan penduduk yang bermastautin di daerah ini adalah lebih kurang 24,000 orang penduduk tetap dan terdiri daripada masyarakat keturunan berbilang kaum yang hidup aman dan harmoni. Suku kaum Kadazan dan keturunan Tatana, Bisaya, Brunei dan Bajau serta lain-lain.

Sumber:

Profile Daerah 'Kuala Penyu'.

Penduduk Kuala Penyu

Daerah Kuala Penyu mempunyai penduduk seramai 22,614 orang (mengikut perangkaan tahun 1993). Jumlah bilangan keluarga adalah lebih kurang 3,769 keluarga yang terdiri daripada suku kaum Kadazan (Tatana), Brunei, Bisaya, Kedayan, Bajau, Cina dan lain-lain.

Ekonomi Kuala Penyu

Pertanian, penternakan, perikanan dan sedikit sektor perniagaan dan perindustrian kecil adalah nadi kehidupan sosio-ekonomi penduduknya dalam meniti liku-liku arus pembangunan. Dalam kedudukan itu sejumlah 75% daripada penduduk daerah ini secara langsung kepada kehidupan bertani dan menjadi nelayan. Industri pelancongan memainkan peranan penting di dalam menarik ramai pelancong tempatan mahupun dari luar negeri berkunjung ke daerah ini. Selain daripada Taman Negara Pulau Tiga, Taman Peranginan Sawangan dan Pulau Ular yang telah pun diketahui umum, terdapat juga tempat yang mempunyai daya tarikan tersendiri dan berpotensi dijadikan Taman Peranginan seperti Pantai Berbatu (Rocky Beach) di Kampung Kiambor, Pantai Batu Luang dan Pantai Temputung.

Kesenian dan Kebudayaan Kuala Penyu

Adat istiadat suku kaum Kadazan Tatana daerah Kuala Penyu Adat adalah satu adat turun temurun tidak boleh direka-reka oleh masyarakat. Mestilah berterusan tidak putus-putus dari satu keturunan hingga kepada keturunan yang lain, dihormati dan diamalkan oleh suku kaum mempunyai adat. Ketua adat mempunyai kuasa mengenakan hukuman ke atas sesiapa yang melanggar adat. Di sini dipaparkan sebahagian daripada adat istiadat suku kaum Tatana Daerah Kuala Penyu yang mana dipetik dari Titian Adat Istiadat Suku Kaum Kadazan Tatana Kuala Penyu.

Adat Istiadat Perkahwinan

Adat perkahwinan adalah mengikut tradisi dengan syarat-syarat seperti berikut:

Apabila seorang teruna ingin berkahwin maka dari pilihan itu adalah juga perlu dipersetujui oleh kedua-kedua ibu bapa lelaki sebab merekalah yang akan mengatur segala persediaan perkahwinan anak mereka.

Pertunangan

Dalam pertunangan biasanya seorang tua digunakan sebagai orang tengah dinamakan 'SUSURUAN' bagi pihak lelaki datang ke rumah perempuan biasanya dalam hari yang baik pada hari Selasa, Khamis atau Sabtu. Pihak perempuan diberi masa untuk berunding dan masa bila 'SUSURUAN' kembali ditentukan sama ada pinangan pihak lelaki diterima atau tidak. Jika pinangan diterima maka 'SUSURUAN' dijemput minum dan makan oleh keluarga pihak perempuan. Jika pinangan ditolak maka makan dan minum tidak dilayankan.

Tarikh Pertunangan

Tarikh pertunangan ditetapkan mengikut persetujuan kedua-dua pihak. Mereka memilih hari yang baik untuk bertunang, seperti hari-hari yang bukan bilangan ganjil dan juga dalam bulan yang baik. Perbelanjaan bertunang adalah memandangkan kedudukan keturunan si perempuan jika dia anak perempuan tua (sulung) dari orang yang berkemampuan maka pertunangan dilangsungkan dengan upacara penuh istiadat. Jika keturunan ibu perempuan ada permintaan kerbau waktu bertunang maka anaknya mesti menuntut sama. Permintaan pertunangan adalah seperti:

- ★ Seekor kerbau atau babi
- ★ Kain sepasang
- ★ Sebetuk cincin emas
- ★ Gelang emas
- ★ Wang belanja dapur (kadar mengikut berapa yang patut)
- ★ Wang talak sebanyak RM500.00 (lima ratus ringgit) dibayar

Perbelanjaan pertunangan ditanggung oleh lelaki, setelah pasangan bertunang mereka tidak boleh membuat hubungan sebelum berkahwin. Si perempuan tidak boleh sesuka hati pergi ke mana-mana kecuali diizinkan oleh tunangnya sekiranya perempuan ingkar dari pertunangan mereka, maka dia didenda mengembalikan semua perbelanjaan

waktu bertunang, jika lelaki ingkar maka belanja pertunangan dikira hangus.

Kotoliban/Sepangadak

Sekiranya satu keluarga mempunyai ramai anak perempuan dan yang muda berkahwin dahulu dari kakaknya maka kakak itu diberi 'KOTOLIBAN' seperti berikut:

- Dundung/sigar
- Sira/baju
- Gonob/sarung
- Cincin emas sebertuk

Perbelanjaan Kahwin

Perbelanjaan perkahwinan diputuskan dalam perundingan permintaan waktu bertunang segala perbelanjaan mengikut persetujuan sama ada perkahwinan dilangsung secara penuh istiadat ataupun secara sederhana, jika pihak perempuan dari golongan orang berkemampuan maka keluarganya memotong seekor kerbau sebagai menambah kerbau pemberian, keluarganya memotong seekor kerbau sebagai menambah kerbau pemberian ini dipanggil 'BALUN' perbelanjaan perkahwinan tersebut ialah:

- Seekor kerbau besar 'RINAMPUNG'
- Satu pikul babi
- Gelang emas atau rantai emas
- Inapung RM500.00 (lima ratus ringgit)
- Wang belanja dapur wang hangus mengikut keadaan upacara perkahwinan

Perkahwinan

Perkahwinan dengan penuh istiadat bagi orang Kadazan Tatana yang beragama Katholik adalah berbeza daripada adat 'MOGINUM KAHWIN'. 'MOGINUM KAHWIN' dinamakan 'BEMASAK' mereka menyediakan KOLUPIS' dan berbagai macam jenis makanan termasuk memotong kerbau 'RINAMPUNG' serta memasak sebahagian dari daging kerbau untuk dihidang pada malam moginum.

Surat Kahwin

Oleh kerana berbagai kemahuan yang ada sekarang maka dalam hal surat kahwin adalah dibuat di hadapan pendaftaran perkahwinan. Selain dari itu surat kahwin boleh diatur dan dibuat dalam perkahwinan di kampung, asalkan ketua kampung dan pihak berkenaan ada hadir menyaksikan upacara perkahwinan itu. Mereka boleh menjadi saksi apabila mendaftar perkahwinan tersebut di pendaftar perkahwinan.

Suami Meninggal

Sekiranya suami meninggal dunia dan berian habis dijelaskan, pihak waris perempuan tidak boleh menuntut balik apa pun waris kerana belum ada pencarian mereka berdua. Jika berian belum habis dijelaskan maka bakinya tidak boleh dituntut oleh pihak waris perempuan.

Isteri Meninggal

Sekiranya isteri meninggal, sebarang berian tidak boleh dituntut balik oleh pihak lelaki walaupun belum mempunyai anak. Kalau mereka mempunyai anak, maka pencarian mereka berdua adalah hak dan dituntut oleh anak mereka. Jika anak mereka masih kecil maka si isteri yang menuntut bagi pihak anak mereka.

Kahwin Nialap

'NIALAP' adalah beriti seorang lelaki dan perempuan, atas suka sama suka berikutan pulang untuk tujuan berkumpul sebagai suami isteri tanpa bertunang. Mereka dikahwinkan dengan cepat dan ringkas. Perbelanjaannya adalah seperti berikut:

- Seekor kerbau
- Seekor babi
- Perbelanjaan untuk dapur yang sederhana.

Kahwin Inuli

Kahwin 'INULI' adalah si lelaki pulang ke rumah si perempuan sama ada dia diterima atau tidak terpulang kepada si perempuan untuk mengambil keputusan.

Adat Basal

Adat basal adalah satu adat yang mempunyai tujuan untuk kebaikan dan kebersihan daerah/negeri. Perkara ini dilangsungkan secara besar-besaran. Ini memakan masa seminggu dan menggunakan belanja yang sangat besar. Apabila ada perkara ganjil berlaku di daerah/negeri, hujan pun tidak turun tentu buah-buahan dan tanaman tidak sempurna maka daerah/negeri itu perlu dibersihkan, supaya hidup manusia dan alam sekeliling pun bersih. Keadaan kampung dalam negeri/daerah akan aman dan damai. Tujuan adat basal adalah untuk memulihkan rezek rakyat, kedamaian/keamanan seluruh masyarakat. Bangunan tempat basal diadakan adalah tujuh bersambung dengan bendera didirikan. Ketua adat adalah ketua kampung dibantu oleh bomoh-bomoh dan orang ramai, seterusnya membuat banyak tugas untuk persediaan. Ketua kampung berhubung dengan mengutip derma dari satu-satu kampung dan dibaz

tu oleh Mahkamah Anak Negeri. Perbelanjaan untuk pesta tujuh hari itu adalah seperti berikut:

- Beras unruk tapai dan nasi pulut - 10 karung
- Kerbau tujuh ekor
- Kambing seekor warna hitam
- Ayam hitam sunsang buluh seekor
- Kunyit untuk mewarnakan beras kuning

- Kain putih tujuh ela untuk dibuat bendera
- Kayu cempedak
- Sebatang pokok pinang
- Kelapa tua untuk membuat nasi pulut dan santan daging kerbau.
- Pasangan gong untuk digunakan ialah: 1 pasang sipir (taas) dan 1 gendang

Sumber:

Perayaan Pesta Rumbia Ke VII Daerah Kuala Penyu, bertempat di Pantai Sawangan 29 Julai 1996. Halaman 28-31

Tempat Rekreasi:

Taman Pulau Tiga

Pulau Tiga, pada mulanya merupakan Hutan Simpan, bagaimanapun, kawasan tersebut telah diwartakan sebagai Taman Negara Sabah, pada tahun 1978. Taman Negara Pulau Tiga (sekarang dikenali Taman Pulau Tiga) meliputi keluasan 39,000 (15, 864 hektar). Pulau Tiga sendiri, mempunyai keluasan 1,500 ekar (607 hektar), manakala selebihnya adalah meliputi kawasan laut bunga karang termasuklah dua pulau kecil yang dikenali sebagai Pulau Kalampunian Besar dan Kalampunian Damit (Pulau Ular).

Taman Pulau Tiga, terletak di kawasan Telok Kumanis, kira-kira 50 kilometer dari Kota Kinabalu. Pekan Kuala Penyu adalah merupakan pekan dan daratan yang terdekat dengan Taman Pulau Tiga, iaitu kira-kira 16 kilometer. Para pengunjung boleh datang ke taman tersebut dengan menaiki bot dari Kuala Penyu. Biasanya perjalanan dengan bot memakan masa lebih kurang 45 minit. Para pelawat dari Kota Kinabalu atau Wilayah Persekutuan Labuan, boleh menggunakan *speed boat* (bot laju) dan biasanya memakan masa 90 minit. Selain daripada keunikan alam semula jadi yang masih belum tercemar, seperti hutan dara, tumbuhan bakau (*mangrove*), pantai-pantai yang berkeluasan, di Taman Pulau Tiga memberi peluang kepada para pelawat untuk melihat lebih kurang 10 spesies burung, termasuklah burung tambun

(*megapodius freycinet*) yang merupakan endemik spesies, di kepulauan Borneo. Selain daripada burung-burung, Taman Pulau Tiga juga turut dihuni oleh beberapa jenis binatang liar seperti monyet (*macaca fascicularis*), biawak (*eguana*) dan berpuluh ribu ekor keluang (*flying fox*). Manakala di Pulau Kalampunian Damit (Pulau Ular), para pelawat dapat menyaksikan beratus-ratus ekor ular laut (*laticuda calubrina*) yang menjadi penghuni tetap di pulau tersebut.

Pulau Ular (*Snake Island*) sejak kebelakangan ini telah menjadi tumpuan para pelawat dari luar negara. Para pelawat yang berminat dengan hidupan laut (*marine life*) pasti akan merasai satu kepuasan apabila menyaksikan beraneka jenis hidupan laut, termasuklah bunga karang, yang terdapat di Taman Pulau Tiga, dan adalah dipercayai terumbu karang ini di antara yang tercantik di dunia. Turut menjadi daya tarikan kepada para pelawat, ialah beberapa kawasan 'Gunung Berapi Lumpur' (*Mud Volcano*) dan juga sarang-sarang burung tambun yang terdapat di persisiran pantai

Pembangunan Kraf Sabah

Pusat Pembangunan Kraf Sabah telah beroperasi pada tahun 1978. Pusat ini pada asalnya adalah sebuah pusat latihan kemahiran asas membuat tenunan dastar di Kota Belud. Seterusnya pusat ini berperanan membangun dan mempromosi industri kraftangan di Sabah. Pusat Pembangunan Kraf Sabah beroperasi di dua (2) buah premis yang berasingan iaitu di Inanam dan Kota Belud.

Kraftangan Etnik Sabah

Sabah atau dikenali juga sebagai Negeri di Bawah Bayu mempunyai lebih 30 suku kaum etnik dan mempunyai lebih 50 dialek bahasa. Dengan kepelbagaian etnik yang kebanyakan tinggal dalam alam semula jadi telah mengindahkan lagi sumbangan kepada alam penciptaan kraftangan. Tamadun manusia menunjukkan penghasilan kraftangan bermula daripada ciptaan barangan kegunaan harian. Ada yang berpendapat pada zaman dahulu manusia mempunyai masa lapang yang terluang dan dengan masa tersebut mereka mengisi masa dengan menghasilkan barangan untuk kegunaan harian mereka dan seterusnya menjadi satu budaya dalam penghidupan seharian mereka.

Penghidupan mereka yang sebahagian daripada penghuni alam semula jadi menjadikan mereka kreatif menghasilkan rekaan. Bahan mentah yang

mudah diperolehi dapat membantu berbagai produk dan kegunaan dapat dihasilkan. Penciptaan produk-produk untuk kegunaan harian sedikit demi sedikit dan daya pengamatan kepada alam semula jadi telah mengolahkan berbagai motif, warna, teknik anyaman, gubahan dan penggunaan bahan mentah.

Penghasilan kepelbagaian kraftangan adalah disebabkan penggunaannya begitu penting dalam mempengaruhi budaya dan adat resam etnik berkenaan. Penggunaan produk kraftangan begitu penting dalam upacara majlis perkahwinan, ritual dan juga adat adat etnik berkenaan. Contohnya Etnik Bajau Palaau di daerah Semporna menghasilkan ukiran kayu di badan perahu dan juga pada nisan. Kaum Kadazandusun menghasilkan kraftangan seperti anyaman buluh dan rotan untuk kegunaan pertanian seperti wakid, berait, sikutan - untuk mengangkat hasil-hasil pertanian dari ladang, serauang atau topi untuk melindungi dari panas. Tikar lampit daripada rotan sebagai alas tempat duduk. Etnik Irranun terkenal dengan hasil tenunan yang digunakan sebagai tajuk, selimut, pakaian tradisional, tempat duduk orang yang diraikan dan sebagainya.

Reka corak atau motif, penggunaan bahan kraftangan sesuatu etnik banyak dihasilkan dan diilham dari kehidupan seharian mereka. Contoh Tenunan Etnik Irranun di daerah Kota Belud menggunakan motif alam semula jadi dan haiwan seperti pucuk ubi, bunga kapas, bagadat (beradat), kuda, ayam, anunen, kalingawan, unsud, samping kundur (bunga tembikai), pinagapat, tuara, tialali, lingu dan sunding. Etnik Kadazan Dusun juga menggunakan motif alam semulajadi dan haiwan seperti kera (motif genggam kera), ketam, ular (kelalai upoh/ular), kelawar (motif diku kelawar) bunga selindang, sungai (kelalai arus/sungai), minongkwat (sejenis bunga). Kepelbagaian perolehan bahan mentah di persekitaran etnik mempengaruhi penghasilan produk kraftangan dalam kegunaan harian mereka. Contohnya daun nipah, pandan dan mengkuang yang hidup di persekitaran pantai digunakan oleh etnik Bajau, Berunei, Binadan dalam menghasilkan produk kegunaan harian mereka seperti tikar, tudung saji dan topi. Antara peranan yang dimainkan oleh kerajaan terhadap industri kraf Sabah ialah:

- Mempertingkatkan pengeluaran kraf dan memperkukuhkan pasaran produk kraf tempatan
- Menambahkan bekalan tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan industri kraf

- Memelihara dan mengekalkan warisan seni pertukangan tradisional sebagai industri budaya negara
- Membantu usahawan kraf (Skim Inkubator) dengan menyediakan tempat/bengkel serta menyalurkan tempahan produk kraf yang berpotensi bagi tujuan komersial.

Program Penyelidikan dan Pembangunan

Menghasilkan rekaan produk kraf dari pelbagai bahan dengan gabungan unsur-unsur rekaan etnik dan moden bagi menepati kehendak pelanggan dan pasaran. Ini adalah kerana terdapat kepelbagaian bahan mentah yang terdapat di Sabah yang belum diterokai sepenuhnya.

Galakan Dagangan

Program ini memberi peluang kepada usahawan kraf untuk menyertai pameran dan promosi yang di selaraskan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sabah bagi membolehkan mereka membuat promosi dan menjual produk keluaran mereka.

Pemuliharaan Kraf

Mengenal pasti kaedah pemeliharaan yang terbaik untuk tujuan pengumpulan dan pameran koleksi barang-barang kraf tersebut yang hampir pupus dan membuat replika gantian dan memperkenalkan peranan dan matlamat jabatan dalam usaha menggalak pertumbuhan dan memajukan industri kraftangan tempatan untuk dijadikan sumber ekonomi dengan mendidik belia bagi menimbulkan minat dan tanggungjawab memelihara seni warisan bangsa.

Produk Kraf Sabah:

Tekstil

Keperbagaian etnik yang terdapat di Sabah telah menghasilkan keberbagaian produk kraftangan yang berasaskan tekstil. Pemakaian pakaian tradisional etnik memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan etnik itu sendiri. Suku kaum asli Sabah menggunakan artifak-artifak sebahagian daripada pakaian tradisi mereka dan menggunakan warna-warna yang terang. Keunikan yang terdapat di Sabah adalah peminjaman stail, pengolahan, dan penggunaan produk di antara kaum etnik itu sendiri menjadikan ianya sebagai tradisi sesuatu etnik. Antara hasil tekstil yang ada di Sabah adalah seperti berikutan

- Tenunan Dasar
- Tenunan Mugah
- Tenunan Rungus
- Sulaman kain Pis

Alat Muzik Tradisional Etnik Sabah

Masyarakat Sabah terdiri daripada masyarakat majmuk yang dikategorikan sebagai kaum asli dan bukan asli. Kita kaya dengan warisan budaya serta tradisi muzik. Di Sabah, muzik merupakan keperluan yang sangat mustahak sehingga ianya mengambil tempat penting dalam kehidupan sosial di peringkat kampung. Ini termasuk pesta-pesta menuai, hari jadi pertama anak, upacara keagamaan *animistic* dan lain-lain yang penting kepada masyarakat berkenaan.

Setiap daripada masyarakat Sabah mempunyai bentuk-bentuk muzik yang berbeza meskipun beberapa di antara alat ini adalah lazim kepada semua. Perbezaan sering ditemui dalam beberapa gabungan alat. Corak tarian, tempoh sehinggalah rentak lagu. Ada juga alat-alat yang hanya tertumpu kepada segolongan masyarakat dan tidak didapati di golongan yang lain.

Muzik selingan tempatan sering dikaitkan untuk mengiringi tarian. Ia juga berfungsi sebagai muzik latar belakang dalam keramaian tertentu dan sering juga digunakan oleh individu untuk tujuan laburan sendiri. Muzik tradisional di Sabah tidak mempunyai system simbol serta seni kata lagu yang bertulis. Semua muzik dan lagu-lagunya diperturunkan secara warisan dari generasi ke generasi. Lelaki atau perempuan turut mempersembahkan manamana alat muzik.

Dusun

Tanggapan bahawa bangsa Eropah yang mula-mula memberi gelaran 'Dusun' kepada segelintir penduduk asli di Borneo adalah tidak benar. Walaupun bangsa Eropah datang ke Borneo kira-kira 200 tahun yang lampau, kedatangan mereka tidak banyak merobah budaya masyarakat tempatan di Sabah. Pada masa itu, sedikit sahaja orang Eropah yang mempelajari bahasa masyarakat tempatan kerana mereka tinggal di kawasan kota yang terasing daripada masyarakat tempatan. Faktor ini mengekang interaksi sosial orang Eropah dengan masyarakat tempatan (Williams, 1965: 7).

Asal Usul Dusun

Mengikut Bali (1966: 17), istilah 'Dusun' dicipta oleh orang Brunei yang memerintah sebahagian daripada Sabah sebelum kedatangan orang Barat. Mereka menggunakan istilah 'Dusun' untuk merujuk kepada kelompok etnik yang suka hidup bersuku-suku (Appell, 1968: 13). Setiap kelompok etnik yang hidup bersuku-suku itu ditandai oleh perilaku sosiobudayanya yang tersendiri (Appell, 1976: 1). Berdasarkan maklumat ini, secara logik istilah 'Dusun' tidak bersinonim dengan kata Melayu, /dusun/, yang bermaksud, 'kebun buah-buahan' (Ahmad Ongohan, 1977: 8). Yap (1978: 60) pula mengemukakan pandangan yang berlainan, iaitu penduduk Dusun di Sabah ialah satu bangsa Indonesia yang berasal dari Tanah Besar Asia kerana keduanya menggunakan peralatan pertanian ladang yang sama, iaitu batu dan penugal.

Istilah 'Dusun' yang digunakan di Sabah meliputi kelompok suku Dusun dan Rungus yang menetap di Keningau, Tambunan, Ranau, Ulu Tuaran, Kota Belud, Penampang, dan Papar. Tetapi suku Dusun di Penampang dan Papar lebih selesa disebut sebagai 'Kadazan' (Arena Wati, 1978: X). Mengikut Gimfil (1983: 37-38), penduduk di Penampang dan Papar memilih nama 'Kadazan' untuk suku mereka, manakala penduduk di Keningau, Tambunan, Ranau, dan Kuala Penyu mengekalkan identiti 'Dusun'. Penghuni di lembangan sungai pula menggelarkan diri mereka sebagai 'Orang Sungai'. Penetapan identiti suku (sama ada 'Dusun' atau 'Kadazan') bukanlah sesuatu hal yang baru timbul di kalangan orang Dusun di Sabah.

Pada zaman pemerintahan Syarikat British Borneo Utara, penjajah Inggeris tidak berusaha untuk membetulkan keadaan tersebut kerana dasar 'pecah dan perintah' yang berdasarkan pengasingan kaum. Pada tahun 1950-an, Tun Fuad Stephens dan Dato' Peter Mojuntin berusaha untuk menyatukan berbagai-bagai kelompok etnik di Sabah di bawah satu nama, iaitu 'Kadazan'. Usaha kedua-dua pemimpin kaum Dusun tersebut gagal kerana istilah 'Kadazan' dianggap sebagai autonim yang digunakan oleh penerut dialek bahasa Dusun di Papar dan Penampang (Glyn-Jones, 1953: 6). Istilah 'Kadazan' sebagai autonim tersebar susulan daripada pendaftaran secara rasmi masyarakat Kadazan sebagai kaum yang sah pada tahun 1953 (Pugh-Kiritingan, 1989: 367).

Kebanyakan masyarakat Kadazan itu berasal dari Papar dan Penampang. Pendaftaran dilaksanakan

dengan tujuan untuk meningkatkan kebajikan dan taraf pendidikan kaum peribumi di Sabah (Malakun, 1981: 140). Namun, suku Rungus dan beberapa suku Dusun yang lain masih mahu mengekalkan identiti asal mereka, iaitu 'Dusun'. Bahkan sepanjang kajian Appell antara tahun 1959 hingga 1963, didapati bahawa kelompok suku Rungus tidak memahami bahasa Kadazan (Appell, 1991: 87).

Beberapa kaum di Sabah beranggapan bahawa istilah 'Kadazan' hanyalah tanda keterangan diri bagi satu kelompok etnik di Papar dan Penampang. Istilah 'Kadazan' yang diperkenalkan untuk menyatukan semua kelompok etnik di bawah satu payung dianggap memberi keistimewaan kepada kelompok yang mengakui dirinya sebagai 'Kadazan'. Ada juga kelompok yang beranggapan bahawa istilah 'Kadazan' membawa konotasi makna. Sebagai contoh, istilah 'Kadazan' di kalangan suku Rungus membawa makna 'musuh' pada zaman dahulu. Oleh itu, suku Rungus enggan bersatu dengan kelompok Kadazan. Di kawasan pedalaman Sabah, masyarakat Dusun masih beranggapan bahawa istilah 'Kadazan' membawa konotasi identiti etnik. Kelompok etnik yang mendiami kawasan bukit di belakang Tuaran dan kawasan yang menghala ke Kota Belud masih mengekalkan identiti 'Dusun'. Di Kudat sahaja, Appell (1991: 88) mengenal pasti 15 kelompok Dusun. Selanjutnya, Appell berpendapat bahawa penggunaan nama 'Dusun' mempunyai kaitan dengan hubungan antara kelompok Dusun di kawasan tersebut dengan orang Islam.

Menurut Prentice (1970: 2) pula, istilah 'Kadazan' pada asalnya dikaitkan dengan dialek bahasa Dusun di Penampang dan Papar. Dialek tersebut adalah yang terulung digunakan oleh mubaligh Kristian sebagai media pendidikan. Sebab itulah dialek tersebut mencapai martabat yang tinggi berbanding dengan dialek bahasa Dusun yang lain. Kekeliruan tentang penggunaan nama 'Dusun' atau 'Kadazan' turut melanda pengkaji linguistik di Sabah. Mereka menggunakan terminologi etnik dengan sewenang-wenangnya. Nama asal untuk kelompok etnik yang tertentu disalah tafsir dan digunakan di luar kawasan rujukan asalnya. Misalnya, ahli Summer Institute of Linguistics-Malaysian Branch (SIL-MB) melakukan beberapa kesalahan berhubung dengan istilah 'Kadazan' dalam kajian mereka.

Ada pengkaji yang menggunakan istilah 'Kadazan/Dusun', 'Dusun Pertengahan', 'Kadazan Pantai', 'Kadazan Sugut', 'Kadazan Tambanua',

'Kadazan Timuran', dan 'Kadazan Sungai Klias' (Spitzack, 1984: 193). Kajian SIL-MB, menyatakan perihal sebuah kampung tempat senarai asal perkataan bahasa Kadazan-Tambanua dikumpulkan. Namun, penutur bahasa itu kini sudah tidak berfungsi sebagai kelompok masyarakat bahasa kerana mereka tinggal berselerak di pelosok kampung (Moody, 1984: 330). Masyarakat tersebut menyesuaikan bahasanya dengan bahasa Paitanik yang lebih dominan di kawasan itu (Miller, 1984: 52). Di Pitas dan Labuk-Sugut, masyarakat Kadazan-Tambanua menggelarkan diri mereka sebagai 'Orang Sandayo'. Dengan alasan ini, Appell (1991: 89) mengandaikan bahawa Kadazan-Tambanua yang dikatakan telah lenyap bahasanya itu ialah penutur Sandayo, dan bahasa Sandayo merupakan evolusi daripada bahasa Dusun.

Mengikut Ave dan King (1986: 12), secara rasmi penutur Dusun masa kini dikenal sebagai Kadazan. Namun, kenyataan itu ditentang oleh Regis (1989: 415) yang mengatakan bahawa masih ada penutur Kadazan yang menamakan diri sebagai 'Orang Dusun'. Appell (1991: 90) tidak bersetuju dengan kedua-dua keterangan itu kerana baginya, pengkaji berkenaan tidak peka dengan kerencaman terminologi etnik di Sabah. Gimfil (1983: 37) berpendapat bahawa 'Dusun', iaitu nama asal satu kelompok etnik di Sabah, patut dipertahankan kerana kaum Dusun, Kadazan, Bisaya, Orang Sungai, Lotud, dan Murut berasal daripada bangsa yang serumpun. Pada hakikatnya, masyarakat Dusun membentuk satu pertiga daripada jumlah penduduk Sabah. Mereka tinggal di bahagian pantai barat Sabah, iaitu Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Tamparuli, Tuaran, Ranau, dan Papar; di bahagian pedalaman, iaitu Kuala Penyu, Tambunan, dan Keningau; dan di bahagian pantai timur, iaitu Sandakan dan Lahad Datu. Kelompok Dusun terdiri daripada 12 suku, iaitu Dusun Papar, Dusun Putatan, Dusun Penampang, Dusun Ranau, Dusun Lotud, Dusun Kiau, Dusun Rungus, Dusun Tagas, Dusun Tempasuk, Dusun Tambunan, Dusun Tatana, dan Dusun Tungku atau Begahak. Setiap nama suku Dusun dikaitkan dengan amalan lama masyarakat tersebut yang menamakan suku masing-masing mengikut keadaan tempat, nama batu, pokok, sungai, lembah, dan pahlawan di tempat tinggal mereka. Meskipun suku Dusun menggunakan dialek yang berlainan, kelainan yang wujud tidak menghalang komunikasi antara satu sama lain. Hal ini demikian

kerana masih ada unsur saling menterjemah, yakni ciri yang dikongsi berdasarkan warisan bersama (Clayre, 1965-1966: 8).

Bahasa Dusun

Bahasa Dusun mempunyai hubungan kekeluargaan dengan bahasa Melayu. Ada bukti yang menunjukkan bahasa kedua-dua bahasa itu berasal daripada satu rumpun bahasa yang sama, iaitu Austronesia. Mengikut Asmah Haji Omar (1991: 27), rumpun bahasa Austronesia di Malaysia merangkum bahasa Melayu, bahasa peribumi Sabah dan Sarawak, bahasa Jawa, bahasa Boyan, bahasa Aceh, dan sebagainya. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa bahasa Dusun sebagai salah satu bahasa peribumi Sabah berasal daripada rumpun bahasa Austronesia (Asmah Haji Omar, 1978: 161). Istilah 'Austronesia' dibentuk daripada unsur Latin *Austro*, yang bermakna 'Selatan' dan unsur Yunani *Nesos*, iaitu 'Pulau'. Austronesia bermakna 'pulau-pulau selatan'. Istilah tersebut digunakan julung-julung kalinya oleh sarjana linguistik bandingan yang bernama Wilhelm Schamidt. Pada abad ke-19, beliau meneliti bahasa dalam rumpun Austronesia dan yang terdapat di daratan Asia. Bahasa yang kawasan penyebarannya dari Formosa ke New Zealand dan Madagaskar ke Kepulauan Easter diletakkan dalam rumpun Austronesia. Jumlah bahasa yang termasuk dalam rumpun Austronesia tidak dapat dihitung dengan pasti.

Di Indonesia sahaja, ada lebih kurang 400 bahasa, di Filipina sebanyak 250 bahasa, dan di Malaysia kira-kira 50 bahasa (Asmah Haji Omar, 1985: 34-35). Dari segi pembahagiannya, rumpun Austronesia terdiri daripada empat keluarga, iaitu Indonesia, Melanesia, Mikronesia, dan Polinesia, yang menganggotai rumpun Austronesia berdasarkan ciri persamaan antara satu sama lain. Di samping persamaan, ada juga perbezaan yang meliputi sistem fonetik, pembentukan kata dan ayat, dan perbandingan kata. Keluarga bahasa yang paling besar ialah keluarga Indonesia. Kawasannya terbentang dari Formosa utara ke Kepulauan Filipina dan Maluku yang menjadi sempadan di timur, dan Pulau Timor di selatan, manakala di barat ialah Madagaskar. Kawasan bahasa Indonesia itu dianggap sebagai kawasan pusat bagi keseluruhan kawasan Austronesia (Asmah Haji Omar, 1985: 36-37).

Keluarga Indonesia dibahagikan kepada kelompok Filipina-Formosa dan kelompok Indonesia Pusat. Kelompok Filipina-Formosa terdiri

daripada bahasa di Filipina, Sabah, dan Brunei (kecuali bahasa Melayu dan Lun Dayeh). Kelompok Indonesia Pusat terdiri daripada bahasa Melayu serta bahasa di Sarawak, Kalimantan, dan pulau-pulau Indonesia. Melalui pengelompokan ini, bahasa Melayu termasuk dalam kelompok Indonesia. Bahasa Melayu dekat hubungannya dengan bahasa di Sarawak, Sumatera, Jawa, dan sebagainya. Bahasa peribumi Sabah, termasuk bahasa Dusun, mempunyai hubungan kekeluargaan yang jauh sedikit daripada bahasa Melayu jika dibandingkan dengan bahasa di Sarawak (Asmah Haji Omar, 1983: 37). Bahasa Melayu dan bahasa Dusun dipercayai berasal daripada satu rumpun bahasa (Austronesia) dan satu keluarga bahasa (Indonesia), tetapi berlainan kelompok. Bahasa Melayu tergolong dalam kelompok Indonesia Pusat sementara bahasa Dusun termasuk dalam kelompok Filipina-Formosa.

Orang Melayu dan yang seketurunannya, termasuk orang Dusun di seluruh Kepulauan Melayu, dikatakan berasal dari Tanah Besar Asia. Walau bagaimanapun, orang Negrito dan orang Sakai tidak tergolong dalam kumpulan ini meskipun tempat asal mereka sama (Iskandar Carey, 1970: 15). Perpindahan bangsa Melayu dari Tanah Besar Asia ke Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh gugusan pulau Melayu berlaku berperingkat-peringkat. Perpindahan mengambil masa yang panjang. H. Kern, sarjana Belanda, berpendapat bahawa perpindahan itu bermula kira-kira 1500 tahun Sebelum Masihi (Poerbatjaraka, 1951: 7).

Dalam proses itu, ada yang menetap di tempat persinggahan dan ada yang meneruskan perjalanan ke tempat baru. Alat yang digunakan, misalnya kapak dan gendang tembaga (yang dalam bahasa Dusun disebut sebagai tagung), seperti yang ditemui di dalam gua di Semenanjung dan Sungai Tembeling, memperlihatkan persamaan yang terdapat di Tonkin, Jawa, dan Bali (Winstedt, 1953: 7). Bukti inilah yang menjadi jawapan tentang dua bahasa yang serumpun tetapi terletak di tempat yang berjauhan. Sebagai contoh, bahasa Tagalog di Filipina lebih dekat kedudukan geografinya dengan bahasa Hiligaynon (salah satu bahasa di Filipina), tetapi persamaan bahasa Tagalog lebih banyak dengan bahasa Dusun di Sabah daripada bahasa Hiligaynon. Dyen (1965), ahli linguistik bandingan berbangsa Amerika, berpendapat bahawa orang Austronesia masuk ke Kepulauan Indonesia (termasuk Malaysia) melalui dua jalan.

Pertama, melalui Indonesia Timur dan sampai ke Flores. Kedua, melalui Palau dan/atau Guam, memasuki Sulawesi Utara, Kalimantan, dan Mindanao Selatan. Bahasa Gorontalo ialah hasil migrasi terakhir dari Filipina ke Sulawesi Utara; migrasi yang sama dari Filipina turut menduduki Kalimantan Utara yang menurunkan bahasa Dusun dan bahasa Murut (Keraf, 1984: 193). Berdasarkan kesinambungan geografi bahasa, bahasa Dusun memang hampir dengan bahasa di Filipina (Llamzon, 1978: 16).

Dari segi etnologi, tidak ada disebut tentang tempat asal orang Dusun. Orang Dusun di Sabah mendapat tahu, melalui penceritaan, bahawa keturunan mereka berasal dari Nunuk Ragang atau pohon ru merah (Woolley, 1962: 1). Orang Dusun banyak mempunyai persamaan dengan kaum Toraja di Sulawesi (Arena Wari, 1979: 9) kerana orang Dusun membawa amalan pertanian pindah yang menggunakan peralatan batu dan penugal bersama dengan mereka (Lee, 1970: 19). Daripada keterangan Dyen (1965), diandaikan bahawa kelompok bahasa Indonesia Pusat, termasuk bahasa Melayu, menyusup ke Kepulauan Indonesia dan Malaysia melalui Indonesia Timur sampai ke Flores. Kelompok bahasa Filipina-Formosa, termasuk bahasa Dusun, menyusup ke Kepulauan Indonesia dan Malaysia melalui Palau dan/atau Guam, dan menetap di Sulawesi Utara, Kalimantan, dan Mindanao Selatan. Selain bermastautin di Kalimantan, khususnya Sabah, ada orang Dusun di Brunei (Martin, 1994: 317). Hal ini menguatkan pendapat Asmah Haji Omar (1983: 37) bahawa bahasa Dusun terkelompok dalam bahasa Filipina-Formosa. Bahasa Dusun menganggotai keluarga bahasa Indonesia, begitu juga bahasa Melayu. Keluarga bahasa Indonesia adalah satu cabang keluarga bahasa dalam rumpun bahasa Austronesia. Perkaitan bahasa Dusun dengan bahasa Melayu agak jauh sedikit, tetapi kedua-duanya berasal daripada keluarga bahasa Indonesia dan rumpun bahasa Austronesia.

Bahasa yang dituturkan oleh suku Dusun di Sabah berlainan daripada bahasa Melayu sekarang, tetapi persamaan tetap ada, terutama dalam perbendaharaan kata. Persamaan pola tertentu yang berlaku secara teratur tidak mungkin terhasil daripada pinjaman. Tidak ada penjelasan lain tentang persamaan tersebut, selain bahasa itu berasal daripada sumber yang sama, iaitu bahasa Austronesia Purba. Mengikut Clayre (1970: 193), lebih kurang 20 peratus perben-

daharaan kata bahasa Dusun berkognat dengan bahasa Melayu. Kata kognat tersebut terdapat juga dalam bahasa Borneo yang lain dan bahasa di Filipina. Yang berikut ialah kata kognat yang dikekalkan oleh Keraf (1984: 66).

Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa semua kata tersebut berasal daripada bahasa yang serumpun, yang sama makna dan sama atau hampir sama bunyinya. Kata yang berkognat tidak perlu 100 peratus sama. Ada kata kognat, seperti yang dikekalkan, menunjukkan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Dusun mempunyai hubungan kekeluargaan. Bahasa Melayu dan bahasa Dusun diturunkan daripada sumber yang sama. Dalam ilmu bahasa, sumber yang sedemikian disebut sebagai bahasa purba (Asmah Haji Omar, 1991: 46). Penulis berpendapat bahawa kriteria antropologi lebih sesuai digunakan untuk merujuk kepada kelompok etnik di Sabah. Tambahan pula, majoriti pengkaji yang pernah melakukan penyelidikan tentang kelompok etnik yang dikatakan hidup bersuku-suku oleh orang Brunei menggunakan nama 'Dusun', iaitu nama asal kelompok etnik tersebut.

Tarian Peribumi Sabah

Tulisan ini merupakan tinjauan ringkas tentang perlembangan kebudayaan khususnya tarian tradisional suku kaum peribumi yang terdapat di daerah Keningau, Sabah. Antara tarian suku kaum yang begitu popular di daerah Keningau hingga hari ini ialah tarian Magunatip, Mansayau, Sumayau, Kumania, Magarang, Mangalang, Sumazau dan Minzuzu. Sabah yang meliputi keluasan kira-kira 29,388 batu persegi terletak di tanah besar kepulauan Borneo bersama-sama Brunei, Sarawak dan Kalimantan Indonesia. Penduduk Sabah terdiri daripada berbilang kaum, budaya dan agama dan dikatakan lebih dari 30 suku kaum terdapat di negeri ini. Suku kaum di Sabah mudah dikenali melalui kebudayaan dan cara hidup mereka. Salah satu cara untuk mengenali suku kaum di negeri ini ialah melalui tarian kebudayaan. Sebanyak kira-kira 8 buah jenis tarian yang terdapat di negeri ini dan ia sebagai identiti bagi setiap suku kaum. Setiap suku kaum memiliki beberapa jenis tarian kebudayaan yang diwarisi turun temurun. Banyak tarian yang masih popular sementara yang lain telah dilupakan begitu sahaja oleh sebab peredaran zaman serta tren hidup rakyat Sabah yang kian berubah. Generasi baru yang tidak berminat dengan tarian kebudayaan

adalah satu punca kepupusan

Suku kaum Kadazandusun adalah di antara suku kaum yang terbesar bilangannya diikuti oleh Bajau dan beberapa lagi suku kaum yang juga agak ramai seperti Murut, Rungus, Brunei, Bisaya, Iranun, Suluk, Idahan, Sungai, Kedayan, Bagahak, Lundayeh dan lain-lain. Suku kaum Kadazandusun mudah dikenali dengan tarian Sumazaunya dan beberapa lagi tarian yang lain namun Sumazau sudah menjadi identiti yang tersendiri kepada suku kaum itu.

Tarian Magunatip

Tarian ini popular di kalangan masyarakat suku kaum Dusun Gana yang banyak terdapat di kawasan Bingkor, Keningau. Magunatip berasal dari perkataan 'apit' di mana empat batang palu penumbuk padi digunakan dan dilagakan sehingga mengeluarkan bunyi 'apit-apit'. Ianya ditarikan dengan iringan pukulan gong oleh sepasang penari yang terdiri dari lelaki dan wanita, terlonjak-lonjak menari dengan pakaian yang penuh tradisi, sementara dua orang melagakan alu dan dua orang lagi rmemegang pangkal alu tersebut supaya tidak berganjak dari kedudukannya. Tarian ini sudah dijadikan satu upacara rasmi, terutama sekali semasa Majlis Jamuan Makan orang-orang kenamaan keturunan suku kaum Dusun Gana atau lebih dikenali sebagai 'Orang Kaya-kaya' atau O.K.K. di samping ditarikan dalam majlis-majlis menyambut perayaan Hari Magawou iaitu hari Pesta Menuai Padi,

Tarian Mansayau

Tarian suku kaum Murut di Limbawan ini sering ditarikan apabila seseorang pahlawan Murut kembali dari berperang atau mangayau (memburu kepala manusia). Satu upacara untuk menyambut kepulangannya dipanggil 'mansilad'. Biasanya tarian ritual ini dipersembahkan di majlis-majlis perkahwinan, hari-hari kelepasan am suku kaum Murut seperti hari Pesta Menuai Padi. Ianya diiringi dengan pukulan sembilan biji gong, sebuah gendang dan satu set bakakung atau kulintangan. Alat-alat tersebut dipalu mengikut rentak-rentak tertentu dan yang lazim dimainkan ialah pukulan bernama magadang. Ragam-ragam tarian ini tidak terhad kepada satu bentuk sahaja dan boleh ditarikan oleh sepasang penari (lelaki dan wanita) Pakaian penari lelaki dipanggil bangkad dan abag sementara pakaian wanita dipanggil linambongan dan pinangkit.

Tarian Sumayau

Tarian suku kaum Dusun Gana ini mengandungi penari-penari yang tidak tetap. Ia boleh ditarikan oleh enam orang atau lapan orang asalkan ianya genap dan berpasangan wanita dan lelaki. Tarian yang diiringi oleh pukulan gong termasuk kulintangan hampir-hampir serupa dengan tarian Mansayau suku kaum Murut Limbawan. Ianya merupakan hiburan semata-mata dan ditarikan di majlis-majlis perkahwinan dan hari Magawou atau Pesta Menuai Padi.

Tarian Kumanja

Tarian ini berasal dari suku kaum Murut Limbawan dan dalam tarian ini terdapat unsur-unsur pencak silat. Penarinya (hanya seorang lelaki) cuba menunjukkan kelincihannya dalam seni ini. Biasanya ditarikan dalam majlis-majlis minum tapai. Pukulan gong yang diberi nama taruntu akan mengiringi tarian ini yang mengandungi lima biji gong dan satu set bakakung atau kulintangan. Pakaian penarinya dipanggil bangkad dan abag. Penari memegang sebilah pailang (sejenis parang lama). Pailang inilah yang digunakan oleh pemburu-pemburu untuk menewaskan lawan mereka.

Tarian Magarang

Tarian ini biasanya dipertunjukkan pada musim perayaan atau hari perkahwinan dan Pesta Menuai Padi bagi suku kaum Dusun di Batu Lunguan Tulid di kawasan Sook, Keningau. Ianya hampir serupa dengan tarian Mansayau suku kaum Murut Baukan, yang menggunakan alat-alat muzik tagung (gong) atau canang. Ianya ditarikan oleh lima orang penari lelaki dengan memukul tagung sambil menari dalam rentak 'sumayau'. Sebanyak lima jenis tagung digunakan iaitu: gong sanang, gong baru, gong lama, gong tawak dan gong mangkasar. Pakaian penari lelaki disebut binduan perhiasan di kepala termasuk bunga dipanggil tundang, manakala seluar dipanggil salua atau elus.

Tarian Mangalang Ngajat

Tarian ini popular di kalangan suku kaum Murut dan berasal dari kawasan Pensiangan. Biasanya ditarikan dalam ruangan rumah panjang oleh seorang penari lelaki, sementara penari perempuan tidak terhad bilangannya asalkan berpasangan. Tarian ini merupakan satu tradisi suku kaum Murut Pensiangan, terutama sekali apabila menyambut kepulangan seorang pahlawan dari berperang dan juga ditarikan

pada musim menghantar berian perkahwinan.

Dalam satu upacara kaum lelaki menarik tarian ini dengan memakai sepulu sebagai perhiasan di kepala, baju yang biasanya berwarna hitam disebut sampoi dan memakai cawat yang diperbuat daripada kain putih, merah dan hitam, serta memegang sebilah pailang. Pakaian penari perempuan di bahagian kepala disebut salupa diperbuat daripada kain berwarna hitam yang diberi nama sampoi, manakala kain tepi pula disebut pinangkolog. Tarian ini serupa dengan tarian suku kaum Murut Kalimantan Timor Indonesia. Biasanya ditarikan dengan iringan pukulan lima biji gong.

Tarian Titikas

Tarian ini ditarikan oleh masyarakat suku kaum Dusun di Tulid dan juga suku kaum Murut Limbawan, Keningau. Pukulan gong dan tarian titikas akan mengiringi tamu ketika menghabiskan atau mengeringkan sukatan tapai yang diminum. Selalunya tetamu akan dijemput menarikan tarian ini menurut giliran tetamu itu minum. Penari-penari memegang sebiji gong yang dipanggil sansaring dan dipalu sesuai dengan ragam tarian. Tarian ini biasanya diketuai oleh seorang lelaki.

Tarian Sompoton

Sompoton adalah sejenis alat muzik yang diperbuat daripada buluh kecil, buah badas atau, tabarau, sejenis tumbuhan yang pahit isinya dan tidak boleh dimakan. Selain itu digunakan sapinit (sejenis gam pelekat) dan kelulut labah (sejenis lebah yang membuat sarangnya di batang kayu dan gemar menghisap peluh manusia). Alat muzik sompoton ini juga dijadikan, pengiring bagi sebuah tarian, dan sering dilakukan oleh masyarakat suku kaum Dusun Gana di kawasan Bingkor, Keningau.

Tarian sompoton ditarikan oleh penari-penari wanita yang tidak terhad banyaknya dan seorang penari lelaki. Seorang lelaki yang mengetahui tarian ini akan bermain sompoton dan menari bersama penari-penari wanita sambil bertepuk tangan, mengikut rentak dan irama lagu sompoton, tanpa disertai dengan alat-alat muzik lain. Tarian ini juga ditarikan di majlis-majlis minum tapai dan menyambut perayaan hari Magawou.

Tarian Mansayau Baukan

Tarian suku kaum Murut Baukan ini berasal dari Tulid dalam kawasan Sook Keningau. Ianya terdiri

dari enam orang penari wanita dengan memakai pakaian tradisional suku kaum Murut Baukan. Cara mereka menari agak berlainan sedikit, kerana penari-penarinya memukul canang sambil menari. Jenis pakaian mereka dipanggil sulaou untuk baju dan tapi untuk kain, sementara perhiasan dada pula dipanggil takin. Tarian ini tarikan semasa menyambut hari kebesaran suku kaum Murut Baukan di Tulid.

Tarian Mangalang Sumaluang

Tarian ini ditarikan oleh penari-penari wanita dan lelaki yang tidak terhad bilangannya asalkan sahaja berpasangan. Berasal daripada masyarakat suku kaum Murut di kawasan Pensiangan Sabah, ianya ditarikan dalam upacara-upacara menyambut tetamu dari jauh, pindah rumah, tinau, elou dan hari Monggotom (Hari Pesta Menuai Padi). Tarian ini ditarikan dengan iringan lima biji gong.

Tarian Sumazau

Tarian ini sebenarnya berasal dari daerah Tuaran, dan sering ditarikan oleh suku kaum Dusun di kampung Sinulihan, Tulid dalam kawasan Sook, Keningau. Penari-penarinya tidak terhad banyaknya asalkan sahaja berpasangan lelaki dan wanita. Pakaian penari wanita dipanggil rangkit, sementara pakaian kaum lelaki pula disebut Siniungan. Tarian ini diiringi oleh pukulan enam biji gong. Salah sebuah lagunya yang dimainkan dalam tarian ini ialah Pandai Ruhukon. Biasanya ditarikan semasa menyambut hari keramaian dan di majlis jamuan. Sumazau diiringi oleh pukulan 8 biji gong yang berbagai ukuran dan satu gendang dengan rentak yang khusus. Tempoh dan rentak pukulan gong Sumazau adalah berbeza-beza mengikut daerah dan desa. Tangan penari-penari Sumazau seolah-olah sayap burung terbang dengan langkah kaki yang khusus mengikut rentak pukulan gong. Tarian ini biasanya diadakan di majlis-majlis keramaian namun tujuan asal tarian ini ialah untuk menyambut kedatangan 'Bambazon' (semangat padi) yang biasa dilakukan pada selepas menuai padi.

Kini tarian Sumazau diadakan dalam banyak majlis keramaian seperti majlis-majlis perkahwinan, majlis-majlis keraian menyambut ketibaan orang-orang kenamaan namun kemuncak tarian sumazau ialah di perayaan Pesta Menuai yang dirayakan di negeri Sabah pada setiap bulan Mei. Penari-penari Sumazau yang terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan biasanya memakai pakaian serba hitam yang dihiasi dengan corak-corak menarik mengge-

nanak benang berwarna emas. Penari perempuan dihiasi dengan selendang serta tali pinggang (tangkong) yang diperbuat daripada duit syiling perak (*trade dollars*). Penari lelaki biasanya akan memakai tanjak di samping pakaian serba hitam serta menyendang daun silat kering. Di majlis-majlis tertentu sumazau juga ditarikan oleh semua yang hadir dengan tidak mengira suku kaum dan peringkat umur bagi memeriahkan majlis tersebut tanpa memakai pakaian tradisional hitam.

Tarian Minzuzu

Tarian Minzuzu atau Kaidan ialah tarian yang melibatkan pemujaan semangat padi. Tarian jenis ini boleh didapati di Batu Luncung Tulid dalam kawasan Sook Keningau. Minzuzu tidak memerlukan sebarang alat muzik, tetapi hanya menggunakan lagu yang dinyanyikan dengan mengikut rentak dan irama lagu tersebut. Para penarinya terdiri daripada wanita yang tidak terhad bilangannya. Tarian ini biasanya ditarikan di perayaan Pesta Menuai di majlis-majlis perkahwinan suku kaum ini.

Tarian Brunsai

Suku kaum Bajau boleh dikenali melalui tarian Brunsainya. Tarian Brunsai tidak diiringi dengan muzik ataupun bunyi-bunyian, ianya mengutamakan pada 'kalang' seperti berbalas pantun yang diiringi oleh hentakan kaki penari lelaki. Brunsai biasanya dilakukan pada waktu malam untuk merayakan majlis perkahwinan, merayakan kelahiran bayi, majlis kesyukuran dan bagi merayakan orang yang sudah bernazar. Penari Brunsai juga memakai pakaian yang berwarna-warni seperti seluar hitam, biru, merah dan baju serta tanjak yang mempunyai corak-corak menarik.

Tarian Brunsai biasanya dilakukan di atas lantai papan supaya hentakan kaki penari lelaki dapat mengeluarkan bunyi yang memberangsangkan. Penari membuat barisan sambil berpegangan tangan antara satu dengan yang lain diikuti oleh barisan penari wanita di belakang juga berpegangan tangan. Penari lelaki yang terakhir di belakang berpegangan selendang dengan penari wanita di belakangnya, mereka membuat bulatan kecil sambil berjalan perlahan ke hadapan dan ke belakang sambil mengalunkan 'kalang' dalam bahasa Bajau.

Alunan suara tinggi-rendah antara penari lelaki dan perempuan serta dengan hentakan kaki di atas lantai menyebabkan ahli penarinya menjadi begitu gusuk sehinggalah masa menari sudah begitu lama

dan tidak sedar malam akan berakhir. Brunsai biasanya diadakan pada waktu malam untuk merayakan majlis perkahwinan, merayakan kelahiran bayi, majlis kesyukuran dan bagi merayakan orang yang sudah bernazar. Penari Brunsai juga memakai pakaian khas yang berwarna-warni seperti seluar hitam, biru, merah dan baju serta tanjak yang berwarna-warni.

Tarian Adai-Adai

Tarian Adai-Adai pula ialah tarian bagi suku kaum Brunei yang berdasarkan pada kehidupan kaum nelayan. Tarian ini merupakan cerita kumpulan nelayan pergi menangkap ikan di laut manakala kaum wanita menunggu kepulangan mereka di kawasan pantai untuk membantu mengutip hasil tangkapan yang akan diperolehi. Tarian yang dilakukan oleh pasangan empat lelaki dan empat perempuan ini diiringi oleh pukulan rebana dan gampus serta nyanyian dengan rentak hampir sama dengan rentak tarian japin yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Tarian Adai-Adai biasanya diadakan semasa keramaian suku kaum Brunei ataupun menyambut ketibaan orang-orang kenamaan. Penari-penarinya juga memakai pakaian khas yang berwarna-warni.

Tarian Lansaran

Suku kaum Murut amat terkenal dengan tarian Lansaran. Tarian ini hanya dilakukan di lantai khas yang berukuran kira-kira 81 kaki persegi yang dibina di tengah-tengah rumah panjang yang diperbuat menggunakan kayu bulat. Kayu bulat dipasang berlapis-lapis secara khusus supaya boleh melantun seperti 'spring'. Di atasnya tarian Lansaran dilakukan oleh kumpulan penari lelaki dan perempuan dengan pakaian tradisional warna hitam dan hiasan manik-manik yang berwarna-warni, kaum lelaki memakai topi berbulu burung serta pakaian diperbuat daripada kulit kayu bercampur kain berwarna.

Penari tarian ini membuat bulatan sambil melonjak-lonjak di atas lantai lansaran dengan diiringi oleh bunyi hentakan susunan kayu bulat di bahagian bawah lantai lansaran, sambil itu penari lelaki akan melonjak ke atas untuk mencapai 'kinkilat' yang digantung di bahagian atas sambil bersorak tanda gajah. Kemuncak tarian ini ialah berbalas-balas pantun tanda mengeratkan lagi tali silaturahmi antara mereka. Pada masa lalu tarian itu diadakan bagi menyambut kepulangan para pahlawan yang telah mencapai kemenangan setelah bertarung di medan pertempuran.

Tarian Bolak-Bolak

Tarian Bolak-Bolak adalah tarian suku kaum Suluk yang diiringi dengan pukulan 'gabbang' yang sering diadakan di majlis-majlis perkahwinan dan majlis-majlis keramaian yang lain. Tarian ini dilakukan oleh kaum wanita dan lelaki yang memakai pakaian tradisional berwarna-warni. Penari menggunakan empat bilah kayu kecil jenis keras yang digenggam dengan tangan, dua bilah kayu dalam satu tangan ditepuk-tepuk sehingga mengeluarkan bunyi sama rentak dengan pukulan kulintangan.

Tarian Daling-Daling

Suku kaum Suluk juga amat terkenal dengan Tarian Daling-Dalingnya yang diiringi oleh pukulan 'gabbang' dan gesekan biola dan nyanyian, kuku tiruan yang panjang dan bengkok ke belakang disematkan di sepuluh jari penari wanitanya. Liuk-lintuk badan, kaki serta pergerakan kaki yang khusus penari-penarinya memperlihatkan keunikan tarian ini. Pada masa yang akan datang ruangan ini juga akan memperkenalkan beberapa lagi tarian tradisional yang telah menjadi identiti kepada beberapa suku kaum yang terdapat di Sabah.

Nota rujukan:

1. Konsep peribumi merujuk kepada kaum-kaum yang biasanya dinamakan Orang Asli di Semenanjung dan Orang Asal di Sabah dan Sarawak. Dalam penggubalan Dasar Warisan Peribumi, perhubungan dan sambungan di antara budaya-budaya Orang Asli dan Orang Asal serta Melayu diambil kira tetapi perhatian diberi kepada kaum-kaum Orang Asli dan Orang Asal yang mempunyai status kependudukan minoriti di Malaysia.
2. Konsep warisan merujuk kepada pembangunan budaya material yang mewujudkan industri-industri warisan; khususnya yang berkaitan dengan perkembangan ilmu tradisional, sosio-budaya, teknikal dan saintifik; kemahiran; pengalaman dan bakat. Konsep warisan mengambil kira perhubungan, tingkah laku, upacara amal, bahasa, pandangan dunia, pekerjaan dan segala kegiatan yang bernilai secara sejarah dan kontemporari dalam pembinaan identiti dan khazanah nasional Malaysia.
3. Konsep MAWAR, Masyarakat Madani Malaysia Berwarisan merujuk kepada sumbangan kaum-kaum peribumi dalam pembinaan Masyarakat Berwawasan iaitu sumbangan industri-industri warisan peribumi mengasaskan proses kemadani

dan kewarganegaraan yang jelita. Dalam konteks ini, Wawasan 2020 boleh dilihat sebagai matlamat alaf baru, Madani sebagai salah satu proses utama pencapaian wawasan dan warisan peribumi sebagai batu asas pengkonkritan perpaduan dan budaya negara. Justeru itu, MAWAR merujuk kepada bio dan budaya beraneka dalam konteks pembangunan persekitaran seimbang yang berjiwa masyarakat.

Sejarah Kereta Api Sabah

Sebagaimana diketahui umum, perkhidmatan kereta api yang terdapat di negeri Sabah telah memainkan peranan yang besar dalam bidang pengangkutan dan banyak membantu dalam memajukan kawasan sama ada tempat yang terletak di bandar atau pun luar bandar. Sejarah perkhidmatan kereta api di Sabah bermula sejak zaman British North Borneo Chartered Company Limited lagi. Perkhidmatan ini telah dicadangkan oleh William Clarke Cowie. Beliau ialah pengerusi dan pengarah urusan British North Borneo Chartered Company Limited.

Pembinaan landasan kereta api Sabah yang pertama adalah bermula dari Bukau pada tahun 1896 dan pembinaan ini telah diketuai oleh seorang jurutera Inggeris yang bernama Arthur J. West. Pembinaan landasan dimulakan ke arah utara ke Pekan Beaufort di tebing Sungai Padas dan kemudiannya ke arah selatan ke Pekan Weston. Nama Pekan Weston ini adalah mengambil nama sempena nama jurutera tersebut. Landasan sepanjang 32 kilometer ini telah siap pada tahun 1900. Walau bagaimanapun penumpang yang menaiki kereta api ini terpaksa menggunakan feri untuk membawa barang menyeberangi Sungai Padas pada waktu itu. Selepas itu, 90 kilometer lagi landasan kereta api dibina dari Beaufort ke arah utara pelabuhan Jesselton yang kini dikenali sebagai Kota Kinabalu. Pembinaan landasan ini telah diketuai oleh George Pauling and Company yakni sebuah firma dari Britain. Pada masa itu juga, Arthur J. Weston terus membina landasan kereta api dari Beaufort ke daerah Tenom sejauh 48 kilometer dalam tahun 1903 dan landasan tersebut telah siap dibina pada tahun 1905. Laluan landasan kereta api Tenom ke Melalap pula telah siap pada tahun 1906.

Pada awal landasan kereta api di negeri Sabah diperkenalkan, rel yang digunakan adalah rel dari jenis 30 lb dan 35 lb dan rel ini telah ditukar kerana dipati tidak sesuai mulai tahun 1912 kerana landasan tersebut telah dijadikan sebagai alat pengangkutan untuk mengangkut hasil getah yang pada masa itu

telah menjadi sumber utama negeri Sabah. Pada tahun 1952 pula, rel dari Tanjung Aru ke Tenom telah ditukar kepada rel jenis 60 lb kerana lebih kukuh, selamat dan tahan. Walaupun begitu, landasan kereta api Beaufort ke Weston dan Tenom ke Melalap telah ditutup. Antara faktor-faktor lain yang menyebabkan penutupan landasan ini adalah kerana terdapatnya persaingan yang kuat daripada jalan raya, kejatuhan industri getah dan kegagalan Pekan Weston dijadikan sebuah pelabuhan. Beberapa tahun kemudian pula, landasan kereta api yang menghubungkan Tanjung Aru-Jesselton juga telah ditutup.

Sebenarnya, cadangan asal untuk membuat landasan kereta api ini adalah dengan membina landasan yang merentasi kawasan Pedalaman dari Teluk Brunei, di pantai barat, ke Pelabuhan Cowie, Tawau, di pantai timur Sabah. Namun begitu, setelah landasan Beaufort-Weston siap, cadangan tersebut telah ditukar kerana Weston didapati tidak sesuai untuk dijadikan sebagai sebuah pelabuhan yang besar kerana perairannya terlalu cetek. Oleh itu landasan ke Jesselton telah dibina dan cadangan untuk membina landasan kereta api ke kawasan pantai timur Sabah telah dibatalkan dan ini telah menyebabkan pembangunan yang terdapat di kawasan pantai barat adalah lebih pesat membangun berbanding dengan kawasan lain yang terdapat di pantai timur Sabah. Landasan kereta api yang dibina ini telah menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi di negeri ini dan termasuklah pembangunan bandar-bandar baru serta pekan seperti Weston, Tenom, Papar, Beaufort, Putatan dan Jesselton pada waktu itu. Jesselton yang dihubungkan dengan kawasan pedalaman pada masa itu telah menjadi pelabuhan yang sangat penting untuk mengeksport getah dan hasil-hasil negeri Sabah. Industri getah pada masa itu sangat maju kerana adanya landasan kereta api tersebut dan ini secara langsung telah mempercepatkan pertumbuhan industri getah.

Selain itu juga, kereta api pada masa itu telah menjadi sistem perhubungan yang membolehkan masyarakat di kawasan pedalaman menjual hasil mereka ke pantai barat dengan lebih mudah. Selain getah, landasan kereta api ini juga digunakan untuk mengangkut kayu balak dan hasil pertanian yang lain di samping membawa penumpang-penumpang dari satu tempat ke tempat yang lain. Kereta api telah menjadi sistem pengangkutan yang utama di antara pantai barat dengan kawasan pedalaman sehinggalah berlakunya Perang Dunia Kedua yang telah menyak-

sikan sistem pengangkutan ini hampir lumpuh akibat kerosakan landasan, jambatan dan kereta api akibat perang. Pada masa itu, kereta api yang masih berfungsi adalah sebanyak 12 buah dan hanya tinggal 4 buah sahaja pada tahun 1949.

Sistem pengangkutan ini telah dipulihkan semula selepas perang dunia berakhir dan telah berkembang kembali pada tahun berikutnya. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970), pihak berkuasa kereta api negeri telah menghentikan perkhidmatan penumpang antara Tanjung Aru dan Kota Kinabalu dari pada masa yang sama pihak berkuasa kereta api cuba memikirkan langkah modenkan perkhidmatan ini dengan menukar enjin dari jenis yang sedia ada kepada enjin jenis yang menggunakan minyak diesel. Pada tempoh Rancangan Malaysia Ketiga pula (1976 – 1980), langkah pemodenan itu telah dapat dijalankan dan sistem jalan kereta api ini juga telah diperbaiki. Dalam tempoh itu juga, kereta api negeri Sabah juga mengalami peningkatan lalu lintasnya kerana adanya projek elektrik hidro di Pangi dan ini dapat mempercepatkan perjalanan pekerja dari Tenom ke kawasan projek tersebut.

Dari segi prospek dan masa depan, jalan kereta api ini masih lagi baik namun sistem pengangkutan ini sangat bergantung sepenuhnya kepada keupayaan bersaing dengan jalan darat yang lain. Sehingga kini, kereta api unik ini satu-satunya di Pulau Borneo yang masih lagi beroperasi di Sabah dan penumpang yang ada di hadapan seolah-olah turut mengendalikan kereta api ini. Perkhidmatan kereta api yang sebelum ini adalah merupakan salah satu pengangkutan yang penting tetapi dengan adanya jalan raya dan sistem pengangkutan yang lebih baik sekarang seperti kereta, bas dan sebagainya, kereta api kini semakin kurang sambutan. Ini dapat dilihat dengan semakin kurangnya penumpang pada setiap hari yang ingin menggunakan perkhidmatan ini.

Peralatan Tradisional

Bagi generasi terdahulu, lebih-lebih lagi penduduk tempatan yang bergantung hidup kepada hasil pertanian, terutama sekali tanaman padi bermusim dan hasil kebun buah-buahan maka beberapa peralatan kuno seperti basung, takiding, serauang dan sebagainya sememangnya tidak asing lagi bagi mereka. Tidak pada masa sekarang mungkin ramai yang tidak kenal dengan beberapa peralatan tradisional seperti tangkub, kikizipan, terendak, tasung dan sebagainya. Ini

mungkin disebabkan dengan peredaran zaman yang agak pesat. Tambahan pula peralatan tersebut sekarang ini tidak lagi digunakan, kecuali di luar-luar bandar, itu pun sudah amat berkurangan akibat pertukaran *trend* serta minat orang ramai yang lebih gemar menggunakan peralatan yang dibuat daripada bahan plastik dan kertas, berbanding dengan peralatan tradisional yang diperbuat daripada hasil hutan yang semakin pupus dan ditelan oleh arus pembangunan.

Kalau ada pun bentuknya lebih kecil dari ukuran sebenar, banyak yang dibuat hanya untuk tujuan perhiasan dan cenderamata dan cara pembuatannya juga menggunakan teknologi moden berbanding dengan cara pembuatannya pada masa lalu menggunakan tangan dan bahan-bahan tradisional yang hanya diperolehi dari hutan. Kalau ada yang masih ingat dengan tangkub yang diperbuat daripada kulit kayu, rotan dan bambu yang digunakan untuk menyimpan padi yang baru dituai sudah tentu ianya dapat mengamit perasaan masa silam. Tangkub terdapat dalam berbagai-bagai ukuran dan ketinggian mengikut ukuran bahan-bahan pembuatan yang digunakan.

Tangkub

Pada zaman dahulu padi disimpan dalam tangkub dan kadangkala sebuah tangkub boleh memuatkan hasil tuaian padi yang cukup menampung sara hidup sekeluarga untuk satu tahun. Biasanya satu tangkub untuk satu keluarga, malah ada juga keluarga yang mempunyai lebih dari satu tangkub bergantung kepada bilangan ahli keluarga. Sikap orang zaman dahulu tidak mahu menyimpan lebih banyak stok padi kerana dikhuatiri padi akan berlebihan dan rosak, tambahan pula padi jarang untuk dijual pada masa itu.

Tasung

Untuk menghasilkan beras, padi perlu dijemur di atas hamparan tikar yang juga dianyam menggunakan daun pandan, rotan ataupun belahan bambu, padi yang sudah cukup kering akan ditumbuk menggunakan tasung (lesung) yang diperbuat daripada kayu, penumbuknya juga diperbuat daripada kayu bulat jenis keras. Tasung ialah kayu yang telah direka khas dengan satu lubang atau dua lubang besar di bahagian tengah atasnya. Di dalam lubang itulah padi ditumbuk untuk memisahkan kulit padi dengan isinya. Padi yang telah ditumbuk akan ditampi menggunakan nyiru bagi memisahkan hampasnya (hampa) iaitu kulit padi untuk menghasilkan beras.

Kikizapan

Untuk membersihkan lagi beras daripada habuk padi ia dimasukkan ke dalam kikizapan yang mempunyai kipas yang boleh meniup keluar habuk padi bagi menghasilkan beras yang putih bersih. Kikizapan juga diperbuat daripada kayu, dipercayai peralatan ini diperkenalkan oleh masyarakat Cina.

Basung

Pesawah padi pada zaman dahulu mengangkat padi yang berjerami menggunakan wakid yang diperbuat daripada bambu dan rotan, sementara basung yang sama bentuknya seperti wakid digunakan untuk mengangkat padi yang tidak berjerami. Basung diperbuat daripada pelepah rumbia dan rotan. Kedua-dua peralatan tradisional ini juga dibuat dengan berbagai-bagai ukuran sesuai dengan ukuran tubuh penggunanya. Beras yang dihasil dengan padi baru dan cara tradisional itu kononnya sungguh berzat dan amat jelas beras yang dihasilkan dengan cara itu juga enak serta wangi apabila dimakan. Terdapat juga beberapa jenis bakul yang diperbuat daripada rotan ataupun bambu mahupun kulit pelepah pokok rumbia yang digunakan untuk menyimpan padi ataupun beras.

Bagi masyarakat di bandar-bandar besar peralatan-peralatan tradisional tersebut agak amat suka ditemui tambahan pula penggunaannya amat berkurangan pada masa sekarang ini, cuma ia mungkin terdapat di kedai-kedai kraftangan yang hanya sesuai sebagai cenderamata dan perhiasan. Walau bagaimanapun Jabatan Muzium Sabah sedang berusaha untuk mengumpul peralatan tradisional yang asli dan kini terdapat beberapa jenis peralatan tersebut sedang dipamerkan di Muzium Sabah untuk tatapan orang ramai.

Beduk

Pada masa lalu bila mana tidak ada alat siaraya, radio mahupun televisyen maka bagi umat Islam 'beduk' telah memainkan peranan penting. Beduk dipalu dengan rentak khas bagi menandakan waktu solat sudah tiba. Di sepanjang bulan Ramadhan, beduk terlalu penting bagi umat Islam pada zaman dahulu. Beduk juga dipalu bagi menandakan waktu berbela puasa sudah tiba, malah beduk juga digunakan sebagai alat untuk memberi makluman kepada orang ramai tentang sesuatu hal yang sedang terjadi dalam satu-satu kampung seperti ada kematian ataupun kesusahan yang sedang dihadapi. Pendek kata, beduk pada masa lalu adalah sebagai alat pengumuman.



Kemuncak Gunung Kinabalu




Taman Tunku Abdul Rahman



Pulau Layang-Layang



Bandar Kota Kinabalu



Pokok periuk kera

Bagi masyarakat Islam di Sabah dan Brunei Beduk mempunyai peranan yang sangat penting di surau ataupun masjid. Setiap surau ataupun masjid mesti mempunyai sebuah beduk, kalau di negeri Sabah pada masa lalu sekurang-kurangnya ada sebuah beduk tergantung berhampiran dengan rumah ketua kampung ataupun penghulu kampung. Ketua Kampung atau lebih dikenali sebagai Orang Tua Kampung (OT) di Sabah menggunakan beduk untuk menyebarkan berita ataupun maklumat kepada penduduk-penduduk kampung berkenaan. Setiap berita ataupun maklumat disampaikan oleh Orang Tua dengan memukul beduk dengan rentak khas sesuai dengan berita yang hendak disampaikan.

Setiap berita ataupun maklumat yang hendak disampaikan mempunyai rentak yang berbeza-beza. Rentak untuk orang meninggal dunia berbeza dengan rentak untuk menandakan waktu solat dan begitu juga untuk perkara-perkara yang lain adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Bagi masyarakat Islam di Sabah khususnya suku kaum Bajau biasanya kaum lelaki sahaja yang memalu beduk dan kadangkala kanak-kanak tidak dibenarkan memalu beduk kerana memalu beduk juga pada masa lalu mempunyai pantang larangnya.

Setiap orang yang hendak memalu beduk hendaklah dimulai dengan ucapan tertentu sebagai memberi salam atau sebagai syarat meminta izin kepada beduk untuk dipalu. Rentak permulaannya juga mempunyai cara yang khas, tidak dibenarkan memulakan paluan beduk dengan rentak yang tidak sesuai, inilah sebahagian daripada pantang larang yang perlu dipatuhi oleh si pemalu beduk. Beduk boleh sahaja dipalu oleh seorang hingga tiga orang mengikut rentak yang digunakan. Rentak paluan seorang biasanya dalam rentak perlahan manakala paluan oleh dua hingga tiga orang adalah rentak yang cepat. Biasanya beduk mula dipalu oleh orang dewasa dan dilarang dimulakan oleh kanak-kanak dan paluan penutup juga hendaklah dilakukan oleh orang dewasa, setelah paluan penutup dilakukan beduk tidak boleh lagi dipalu kemudiannya.

Bagaimanapun aktiviti memalu beduk secara berterusan hanya boleh dilakukan pada malam Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha, kalau di sepanjang bulan Ramadhan ianya hanya dipalu ketika waktu Maghrib sudah tiba bagi menandakan masa untuk berbuka puasa. Selepas solat Aidil Fitri beduk tidak boleh dipalu lagi kecuali semasa solat fardu sudah

tiba. Beduk juga dipalu sebelum solat Jumaat, orang yang pertama sampai ke masjid atau surau tempat solat hendaklah memalu beduk, kemudian paluan berikutnya oleh orang yang datang kemudian, ianya akan berterusan sehingga solat Jumaat dimulakan. Sekiranya kedengaran sepuluh kali beduk dipalu ini bererti sudah sepuluh jemaah tiba ke masjid. Selepas solat Jumaat beduk akan dipalu sekali sahaja lagi sebagai menandakan solat Jumaat sudah tamat.

Di antara rentak pukulan beduk yang biasa dimainkan oleh masyarakat Islam ialah seperti Tidung Berlari yang berentak perlahan yang biasanya dilakukan oleh seorang pemalu, Tidung Menunggal juga dilakukan oleh seorang pemalu, rentak paluan ini juga dikhususkan untuk solat Jumaat manakala Tidung Melompat atau juga dikenali sebagai Serapat dengan rentak cepat dilakukan oleh lebih dari dua orang pemalu, sementara Pukulan Sungkai digunakan bagi menandakan waktu berbuka puasa sudah tiba, rentak Alu-Alu digunakan bagi orang yang meninggal dunia.

Beduk diperbuat daripada kayu ataupun turas nibung. Kalau di Sabah jenis tumbuhan yang biasa digunakan membuat beduk ialah pokok serdang. Ianya dibuat dengan berbagai-bagai saiz dan panjang sehingga 7 kaki. Kulit muka beduk diperbuat daripada kulit kerbau, lembu dan pada masa lalu kulit rusa adalah sangat digemari kerana ia boleh mengeluarkan bunyi yang nyaring. Membuat beduk memakan masa kira-kira satu (1) hingga dua (2) bulan untuk disiapkan. Mula-mula kayu besar atau pokok serdang yang sudah cukup tua ditebang untuk membuat badan beduk. Bahagian tengah kayu ataupun pokok serdang dikorek dengan meninggalkan bahagian luarnya setebal kira-kira 2 inci. Kulit kerbau, lembu ataupun rusa yang kering direndamkan ke dalam air yang bercampur dengan garam selama satu malam.

Kulit binatang yang sudah lembut akan disemarkan di hujung kayu turas yang sedia dipasang dengan gelang rotan yang dikencangkan dengan menggunakan kayu baji. Setelah itu beduk yang sudah dipasangkan kulit binatang itu akan dijemur sehingga kulit binatang yang telah dipasang cukup tegang dan boleh dipalu. Bulu kulit binatang yang telah dipasang akan dibiarkan begitu sahaja dan ianya akan tanggal apabila aktiviti memalu dilakukan, namun kadangkala bulu kulit binatang tersebut akan dicukur habis setelah proses pengeringan dilakukan.

SARAWAK

Yang Dipertua Negeri - TYT Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng.
Tarikh Pelantikan: 21 Februari 2001.

Ketua Menteri - YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud, DP, PSM, SPMJ, SSDK, DGSM, SSAP, SSSA, PGDK, KT WE (Thailand), KEPN (Indonesia), SPMB (Brunei), KOU (Korea)
Tarikh Pelantikan: 26 Mac 1981.
Tarikh Pelantikan Terbaru (Penggagal ke-5): 28 September 2001

Keluasan - 124 449 km persegi

Ibu Negeri - Kuching

Bahagian - 9 (Kuching, Kora Samarahan, Sri Aman, Sarikei, Sibiu, Bintulu, Kapit, Miri, Limbang)

Duaah - 28 (Bau, Belaga, Betong, Bintulu, Dalat, Daro, Julau, Kanowit, Kapit, Kuching, Lawas, Limbang, Lubok Antu, Lundu, Maradong, Marudi, Matu, Miri, Mukah, Samarahan, Saratok, Sarikei, Serian, Sibiu, Simunjan, Song, Sri Aman, Tatau).

Penduduk - 2 119 000

Komposisi Kaum

- Melayu: 450 500
- Iban: 606 700
- Bidayu: 171 500
- Melanau: 118 200
- Bumiputera lain: 127 000
- Cina: 559 600
- Lain-lain: 19 400

Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) Mengikut Sektor (RM juta)

- Pembuatan: RM 2,47
- Perbinaan: RM 0.949
- Perlombongan dan Kuari: RM 2,949
- Pertanian, Penternakan dan Perikanan: RM 0.843
- Perhutanan: RM 0.877
- Pengangkutan, Pergudangan dan Komunikasi: RM 0.607
- Jualn Borong dan Runcit: RM 0.906
- Kewangan, Insuran, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan: RM 0.516
- Perkhidmatan Kerajaan: RM 0.826
- Lain-lain perkhidmatan: RM 0.251

KDNK Perkapita: RM 14 070

Sejarah

Kehidupan manusia terawal di Sarawak dipercayai telah pun wujud lebih kurang 40 000 tahun dahulu. Penemuan arkeologi di Gua Niah membuktikan wujudnya kumpulan-kumpulan manusia yang mendirikan penempatan di gua tersebut. Sehingga kurun ke-16, sistem politik di Sarawak adalah terdiri daripada unit-unit kecil yang berkuasa pada satu-satu kaum sahaja. Penguasaan kerajaan Kesultanan Brunei di bawah kepimpinan Sultan Bolikiah pada kurun ke-16 di Sarawak telah mewujudkan satu sistem pemerintahan di bawah jajahan Brunei. Kerajaan Brunei menyusun semula sistem pemerintahan dengan memecahkan Sarawak kepada unit-unit jajahan di bawah jagaan pembesar-pembesar tempatan. Mereka kemudiannya akan menyerahkan hasil ekonomi Sarawak kepada wakil Sultan Brunei yang dipanggil Pangeran.

Penguasaan Brunei ke atas Sarawak akhirnya telah mencetuskan satu pemberontakan akibat rasa tidak puas hati pada sistem pemerintahan dan cukai yang menindas rakyat jelata. Pemberontakan pada kurun ke-17 menyaksikan penentangan terhadap Pangeran Mahkota, wakil Sultan Brunei di Sarawak. Sultan Brunei segera menghantar Pangeran Muda Hashim untuk menangani masalah ini. Pangeran Muda Hashim yang berusaha meredakan pemberontakan telah meminta pertolongan James Brooke, seorang Inggeris, dan jika beliau (James Brooke) berjaya memadamkan api pemberontakan tersebut, beliau akan dilantik menjadi Gabenor Sarawak.

Kejayaan James Brooke menewaskan pemberontak-pemberontak tersebut menyaksikan beliau (James Brooke) dilantik sebagai Gabenor Sarawak pada 24 September 1841. Beliau kemudiannya berusaha mengeluarkan Sarawak daripada naungan Brunei dan pada tahun 1846, James Brooke menjadi Raja Putih Sarawak yang pertama (1846-1868). Beliau kemudiannya memperkenalkan sistem pemerintahan ala-British dan melantik pembesar-pembesar tempatan menjadi penasihat beliau. Pada tahun 1868, James Brooke digantikan oleh Charles Brooke dan beliau (Charles Brooke) telah membahagikan Sarawak kepada lima bahagian. Di bawah pemerintahannya, Sarawak telah menjadi negeri naungan British dan seorang penasihat British telah dilantik pada tahun 1888.

Pada tahun 1917, Charles Vyner Brooke telah

dilantik sebagai Raja Sarawak menggantikan Charles Brooke. Beliau tidak begitu berminat untuk memerintah Sarawak dan telah menyerahkan pemerintahan negeri itu kepada pegawai-pegawainya serta pembesar-pembesar tempatan semasa beliau berada di England. Bersempena pemerintahan keluarga Brooke yang ke-100 tahun, Charles Vyner Brooke telah mengisytiharkan perlembagaan baru di Sarawak pada tahun 1941. Namun, tidak dapat dijalankan kerana Jepun menduduki Sarawak pada tahun tersebut. Setelah tentera Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua, Sarawak diletakkan di bawah pemerintahan British Military Administration (BMA) sehingga tahun 1946. Pada April 1946, Charles Vyner Brooke telah mengambil keputusan menyerahkan Sarawak kepada pihak British. Walaupun wujud penentangan di atas keputusan itu, Sarawak secara rasmi menjadi tanah jajahan British pada 1 Julai 1946. Sir Charles Arden dilantik sebagai Gabenor British Sarawak yang pertama. Satu perlembagaan baru telah diluluskan pada 1 April 1957 yang membolehkan pilihan raya diadakan di negeri itu.

Pada 27 Mei 1961, cadangan gagasan Malaysia di antara Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei telah diumumkan. Pada awalnya pemimpin parti politik Sarawak tidak bersetuju dengan gabungan ini kerana takut kuasa hal-ehwal dalam negeri diambil alih dan juga kerana memikirkan ia mungkin satu rancangan British untuk menghalang kemerdekaan Sarawak secara bersendirinya. Untuk memberikan penjelasan yang sebenar, Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, telah mengadakan lawatan ke Sarawak dan Sabah pada Jun 1961. Pihak British pula menjemput pemimpin-pemimpin politik Sarawak menyertai Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) di Singapura yang telah mewujudkan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (MSCC) yang berfungsi sebagai badan yang menerangkan kepada orang ramai tentang Malaysia. Wakil-wakil Suruhanjaya Cobbold membuat lawatan ke Sarawak dan Sabah dari Februari hingga April 1962 yang bertujuan untuk mengetahui pandangan penduduk-penduduk di kedua-dua negeri itu mengenai cadangan penubuhan Malaysia.

Hasil laporan suruhanjaya tersebut diterbitkan pada 1 Ogos 1962 dan telah didapati lebih 70% rakyat Sarawak dan Sabah bersetuju dengan cadangan gagasan itu. Ini mendorong pihak British untuk

mengisytiharkan penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Dalam masa yang sama, Indonesia dan Filipina menentang hebat gagasan ini yang akhirnya membawa kepada pelancaran konfrontasi oleh Indonesia. Penentangan ini membawa kepada campur tangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang membuat tinjauan di Sarawak dan Sabah. Suruhanjaya ini melaporkan bahawa rata-rata penduduk Sarawak dan Sabah bersetuju menyertai Malaysia. Laporan ini yang dikenali sebagai Laporan Michael Mare telah diumumkan secara rasminya pada 14 September 1963. Walaupun mendapat tentangan daripada Indonesia dan Filipina, penubuhan Malaysia telah diisytiharkan secara rasmi pada 16 September 1963 dan Sarawak kekal di bawah Malaysia sehingga kini.

Sarawak terkenal dengan burung kenyalang yang jarang ditemui di negara-negara lain. Selain itu, Sungai Rajang (563 km) yang merupakan sungai terpanjang di Malaysia juga menjadi tarikan para pelancong. Tempat-tempat lain yang turut menjadi daya tarikan pelancong ialah Taman Negara, air terjun, gua-gua dan kampung-kampung bumiputera.

Tempat Menarik:

Alam Semula Jadi

- ✱ Taman Negara Mulu
- ✱ Taman Negara Bako
- ✱ Taman Negara Niah
- ✱ Taman Negara Kubah
- ✱ Taman Negara Loagan Bunut
- ✱ Taman Negara Bukit Lambir
- ✱ Taman Negara Gunung Gading
- ✱ Taman Negara Similajau
- ✱ Taman Negara Tanjung Datu
- ✱ Taman Negara Batang Ai
- ✱ The Skrang River Safari
- ✱ Taman Rekreasi Bintawa
- ✱ Pusat Hidupan Liar Semenggoh
- ✱ Gua Niah
- ✱ Air Terjun Kg. Jepak
- ✱ Lubang Angin Bau
- ✱ Gua Lang
- ✱ Ladang Lada Hitam

Bandar dan Infrastruktur

- ✱ Bandar Raya Kuching
- ✱ Muzium Sarawak
- ✱ Astana
- ✱ The Pavillion

- Mahkamah
- Muzium Islam Sarawak
- Muzium Kucing
- Kota Margherita
- Kuil Tua Pek Kong
- Kuil Hong San
- Muzium Negeri
- Kampung Budaya Sarawak
- Kg. Air Santubong
- Pasar Tamu
- Pelabuhan Marudi
- Perbadanan Kraf Tangan, Kuching
- Dewan Bandar Raya Kuching Utara

Taman Negara Bako

Bako salah satu taman negara terkecil di Asia Tenggara namun ia juga merupakan sebuah taman yang menarik dan mudah dikunjungi. Dengan jarak yang hanya 37 km dari Kuching, taman ini memperkenalkan pengunjung dengan pemandangan yang unggul tentang hutan semula jadi Sarawak dan hidupan liar di Borneo. Daya tarikan utama yang memashyurkan Bako adalah kepelbagaian spesies tumbuhan dan haiwan yang terkandung di dalamnya. Taman ini yang termasuk bahagian hujung Muara Tebas, dilitupi oleh hutan *dimerorp*, hutan bakau, tumbuhan *scrub-like* padang, tumbuhan halus di tebing tinggi dan banyak lagi. Hampir semua jenis tumbuhan yang terdapat di Borneo boleh ditemui di sini.

Bagi peminat hidupan liar, Bako adalah unik bagi mereka. Taman ini merupakan taman tertua di Sarawak dan menjadi tempat terkawal semenjak tahun 1957. Oleh sebab itu, haiwan di taman ini amat banyak dan kurang waspada terhadap manusia. Para pengunjung sudah pasti berpeluang melihat dan boleh mengambil gambar pelbagai spesies haiwan dalam suasana semula jadi. Monyet *long-tailed macaque*, *silver leaf monkeys*, cicak besar dan tupai sering dijumpai meronda di kawasan Ibu Pejabat Taman. Manakala di sebelah malam, babi hutan suka mengeledah di sekitar chalet dan rumah rehat. Hutan bakau Bako campuran tempat tinggal kepada *proboscis monkey*, spesies yang boleh ditemui di pulau Borneo. Selain daripada itu, hutan bakau ini juga merupakan tempat yang paling sesuai untuk melihat berbagai jenis burung. Lebih daripada 150 spesies burung ada direkod di sini, termasuk beberapa jenis yang luar biasa.

Bako merupakan sebuah taman rakan pelawat yang lengkap dengan berbagai kemudahan yang menarik. Ianya direka bentuk bagi membolehkan pengunjung menikmati sepenuhnya keindahan alam semula jadi tanpa kesan yang sebahiknya. Kawasan HQ dibekalkan dengan kemudahan elektrik 24 jam, bekalan air yang dilirikan dari sungai-sungai yang segar, rumah rehat, chalet, hostel, kantin yang menyediakan makanan dan minuman ringan, pusat pendidikan, bilik video dan juga pusat penerangan. Banjaran di taman ini memelihara sistem denai pejalan kaki yang luas merintang seluruh Bako. Sejumlah 16 denai dikodwarnakan bagi menawarkan pilihan-pilihan pengembaraan yang mudah sehinggalah kepada yang sukar. Denai Lintang yang melintasi semua jenis tumbuhan di Bako jadi pilihan yang diminati oleh pengembara. Manakala Denai Telok Delima dan Telok Paku merupakan tempat yang paling sesuai untuk memerhati monyet *proboscis* terutamanya pada awal pagi atau petang.

Garis pantai Bako dilitupi oleh telok dan telok kecil, banjaran yang curam dan pantai. Banjaran batu kapur dan batu pasir menyempadankan pantai-pantainya. Contoh yang paling menarik ialah Telok Pandan Kecil. Laluan ke telok ini melintasi tanaman padang seakan landscape Australia. Di sebelah denai perpasir dan perpapan pula, tumbuhan karnivor *pitcher plant* boleh ditemui. Pemandangan paling menarik di Bako ialah himpunan lautan yang dihasilkan melalui tindakan arus boleh dilihat dari pantai Pandan Kecil. Perjalanan 20 minit dengan bot ke Bako hampir sama seronoknya dengan kunjungan ke taman itu sendiri. Pelawat akan melihat kepadatan hutan bakau, buluh tradisional sebagai *platform* memancing dan berbagai bentuk batu-batan yang menarik di pantai dan burung-burung berterbangan sepanjang perjalanan.



Pemandangan di Taman Negara Bako sangat mengagumkan.

Walaupun melalui kunjungan sehari pelawat boleh melihat berbagai keindahan Bako. Namun kunjungan yang lebih lama adalah disarankan.

Taman Negara Kubah

Taman ini terbina terutamanya daripada batu pasir, batu mendak dan batu-batan. Pembentukan dataran tinggi batu pasir telah mewujudkan banjaran batu pasir yang dibatasi oleh jurang yang dalam seperti Gunung Serapi, Gunung Selang dan Gunung Sendok. Kewujudan tiga rumpun batu pasir yang keras di antara garisan kontor 150 m dan 400 m telah menghasilkan puncak atau hulu kepada hampir keseluruhan sungai yang jernih dan air terjunnya. Terdapat sekurang-kurangnya tujuh jeram air terjun di tiga kawasan boleh ditemui. Ada di antaranya memiliki sehingga 10 m. Hutan di sini secara amnya adalah hutan campur *dipterocarp* yang mengandungi beberapa spesies pokok buah-buahan yang bersewang-seli dengan kawasan hutan semak atau kerangas. Kerangas di sini lebih lebat daripada yang biasa ditemui, mungkin disebabkan letaknya di kawasan topografi yang rendah dan batu igneus yang membentuk puncak bukit. Hutannya yang kaya, berhampiran dengan pokok bakau dan kawasan dan kawasan yang lapang menjadikannya tempat untuk berbagai spesies amfibia dan reptilia. Kubah juga kaya dengan pokok palma dan orkid. Spesies yang ada di sini termasuklah daripada spesies *liuala*, *rotan*, *pantu*, *pinanga*, *appendicula*, *dipodium* dan *eria*. Taman ini terletak 20 km melalui jalan raya dari Kuching. Oleh itu ia mudah didatangi oleh pengunjung harian. Bagi pelawat yang ingin meneroka menawarkan beberapa pengalaman tentang khazanah tempatan. Permohonan permit dan tempahan tempat tinggal boleh dibuat di Pejabat Tempahan Taman Negara, Kuching.

Pusat Pemulihan Hidupan Liar Semengkok

Pusat ini merupakan tempat tinggal sementara bagi berbagai hidupan liar Sarawak yang hampir pupus, terutama sekali orang utan yang telah diselamatkan daripada tertangkap. Di sini, binatang tersebut dilatih untuk mempelajari semula naluri semula jadi untuk hidup bebas dalam persekitaran asli mereka. Bagaimanapun, ada di antara mereka terlalu tua untuk dibebaskan, maka disimpan untuk tujuan pembelajaran. Pusat ini merupakan sebahagian daripada Pusat Kajian Alam Semulajadi (Nature Study Centre) yang terdiri daripada Botanical Research Centre,

Forest Nursery, Arboretum and Mixed Forest, Orkid, Ethnobotany, Fern, Palm, Bamboo dan Wildfruit Gardens. Perjalanan ke pusat ini mengambil masa setengah jam dengan kereta dari Kuching. Orang awam yang ingin mengunjungi pusat ini boleh mendapat permit dari kaunter tempahan Taman Negara di Kuching.

Samarahan

Pada awalnya, Daerah Samarahan bermula sebagai daerah kecil yang terletak di bawah Daerah Kuching. Kemudiannya, Majlis Daerah Samarahan (MDS) diwartakan sebagai salah sebuah Majlis Tempatan di Sarawak di bawah peruntukan Local Authorities Ordinance Cap. 117 pada 1 Januari 1985. MDS merupakan satu badan yang digelar Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan Negara dan Kerajaan Tempatan. MDS melaksanakan kuasa yang diberikan dibawah Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan dan berkuasa untuk menggubal undang-undang (Local Authority By-Law) di bawah kawasan jaguannya. Penduduk tempatan adalah tertakluk dibawah jajaan Pihak Berkuasa Tempatan. MDS terletak di Daerah Samarahan yang terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar raya Kuching.

Majlis Daerah Samarahan telah diwartakan pada 27 Disember 1984 dan melaksanakan kuasa untuk mentadbir kawasan-kawasan di bawah jajaannya bermula pada 1 January 1985. Kawasan yang terletak di bawah kawalan MDS termasuklah Daerah Kecil Asajaya dan Daerah Muara Tuang. Dalam tempoh kira-kira 10 tahun sahaja, banyak pembangunan dan kemajuan yang telah dapat dicapai kesan daripada usaha daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi-agensi Kerajaan dan penglibatan masyarakat setempat dalam melakukan perubahan sedemikian rupa. Kini, wawasan kerajaan ialah supaya Bahagian Samarahan menjadi pusat penyelidikan dan pengajian di negeri ini yang seterusnya menjadi pusat pendidikan yang bertaraf antarabangsa. Ini dapat dilihat melalui beberapa jenis pembinaan pusat pendidikan, latihan dan penyelidikan seperti (Kampus Tetap) Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Teknologi Mara (UITM), Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Sekolah Khas, Institut Latihan Perindustrian Samarahan (ILP), Taman Teknologi Sarawak, Pusat Perubatan Antarabangsa Sarawak (SIMC), dan Sekolah Kebangsaan Dato' Traoh yang berkonsep-

kan Sekolah Bestari. Kesemuanya ini pada suatu hari nanti akan menjadikan Samarahan sebagai salah satu pusat kecemerlangan dalam bidang pendidikan, latihan dan penyelidikan yang pesat di Malaysia.

Majlis Daerah Samarahan terletak di daerah Samarahan yang kira-kira 40 kilometer dari bandar Kuching. Majlis Daerah Samarahan telah diwartakan pada 27 Disember 1984 dan melaksanakan kuasa untuk mentadbir kawasan-kawasan di bawah jagaannya bermula 1 Januari 1985. Kawasan-kawasan yang terletak di bawah kawalan Majlis Daerah Samarahan termasuk daerah kecil Asajaya dan daerah kecil Muara Tuang. Pengerusi Majlis atau lebih dikenali sebagai Wali Kota, mengetuai Majlis Daerah Samarahan berdasarkan peruntukan di bawah Ordinan kuasa-kuasa Tempatan (The Local Authority Ordinance).

Daerah Samarahan mempunyai keluasan 593.9 kilometer persegi dengan bilangan penduduk sejumlah 63581 orang (Banci Penduduk Tahun 2000). Jumlah penduduk ini termasuklah daripada Samarahan dan Asajaya. Rupa bentuk muka bumi di Daerah Samarahan adalah rata dan kebanyakannya terdiri dari tanah pamah atau gambut. Keadaan tanah seperti inilah yang sesuai untuk menjalankan kegiatan pertanian dan di sinilah projek IADP dijalankan. Antara komoditi yang dihasilkan ialah tanaman limau manis, kelapa, kelapa sawit dan nanas. Terdapat juga tanaman kontan yang popular iaitu padi sawah, tembikai, jagung manis dan sayur-sayuran. Namun begitu terdapat juga kawasan perindustrian (Samarahan Industrial Zone) yang terletak bersebelahan Kampung Tanjung Bundong. Keluasan Zon Perindustrian Samarahan ialah seluas 62.213 hektar.

Suku Kaum Melanau

Bumi Kenyalang sememangnya kaya dengan pelbagai hasil bumi, kehijauan dan masyarakat penduduknya yang pelbagai suku dan etnik. Setiap suku mempunyai keistimewaan dan warisan budaya masing-masing yang unik. Dan setiap suku kaum mempunyai tanggapan kepada kefahaman keagamaan yang berbeza di antara satu sama lain. Sebahagian daripada mereka telah pun mendapat petunjuk daripada Tuhan Yang Maha Esa dan sebahagian lagi masih kekal dengan fahaman animisme yang diwarisi sejak turun temurun. Pengaruh Kristian juga agak hebat merebak di kalangan mereka. Di antara suku kaum yang agak penting ialah suku kaum Melanau yang

merupakan komoniti penting dalam kemasyarakatan Borneo. Menurut bancian pada tahun 1960, suku kaum Melanau yang menetap di Sarawak berjumlah 44,661 orang.

Fahaman Keagamaan

Suku kaum ini juga tidak terlepas daripada menerima pengaruh daripada agama Islam. Malah Islam adalah agama utama masyarakat Melanau. Daripada sejumlah 44,661 penduduk menurut bancian 1960; 31,770 daripadanya adalah beragama Islam. Ini bererti sejumlah 71 peratus adalah Islam. Satu jumlah yang besar. Manakala sejumlah 10,841 daripadanya masih lagi menganut fahaman tradisional yang berbentuk penyembahan roh, semangat dan sebagainya. Jumlah penduduk Melanau yang menganut Kristian pula berjumlah 2,050 orang. Kadar kelahiran yang tinggi di kalangan masyarakat ini menyaksikan pertambahan penduduk yang agak pesat. Contohnya; menurut bancian pada tahun 1992, jumlah suku kaum Melanau adalah seramai 96,000 orang; pertambahan lebih daripada sekali ganda dalam jangka masa tiga puluh tahun. Jumlah ini mewakili 5.8 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Sarawak. Tetapi perangkaan penduduk berdasarkan klasifikasi agama yang terkini tidak dapat dikesan.

Penempatan

Penempatan utama masyarakat Melanau tertumpu di kawasan muara sungai dan juga di kawasan persisiran pantai. Ini kerana mereka agak bergantung hidup dengan bertani dan menangkap ikan. Mereka juga adalah penanam utama rumbia di Sarawak dan mempunyai kebolehan yang tiada tandingannya dalam penyediaan makanan berasaskan rumbia seperti sagu dan biskut. Kawasan penempatan mereka boleh dibahagikan dua seperti berikut;

1. kawasan berhampiran laut: Rajang, Paloh, Bebau, Daro, Matu, Igon, Oya, Mukah dan Bintulu
2. kawasan pedalaman: Dalat, Medong, Kut. Norub, Balingian dan Tatau. Keadaan muka bumi yang berbukit-bukau, paya dan hubungan yang sukar di antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain menyebabkan wujudnya perbezaan yang ketara di dalam dialek pertuturan mereka. Walaupun ada perbezaan dialek sesama mereka tetapi mereka masih lagi boleh dikelaskan di dalam satu kumpulan budaya dengan watak sosiobudaya tertentu.

Masyarakat Bidayuh

Kaum Bidayuh merupakan golongan minoriti di Sarawak. Pada tahun 1998 lebih kurang 167,000 kaum Bidayuh terdapat di Sarawak. Jumlah ini merupakan 8.5 peratus dari jumlah penduduk penduduk Sarawak yang dianggarkan berjumlah lebih kurang dua juta orang. Dari segi demografi kebanyakan kaum Bidayuh tinggal di Daerah Serian dalam Bahagian Samarahan, di kawasan-kawasan Padawan, Siburan dan Penrissen di Daerah Kuching/Bahagian Kuching dan Kawasan Jagoi, Krokong, Serapi, Serumbu di Daerah Bau, dan sebilangan kecil tinggal di Daerah Lundu. Kaum Bidayuh boleh dibahagikan kepada empat suku kaum yang utama mengikut loghat yang mereka gunakan iaitu, Bukar-Sadong di Daerah Serian, Biatah bagi mereka yang tinggal di kawasan Padawan, Siburan dan Penrissen, Bau-Jagoi di Daerah Bau dan Lundu, dan Salako-Lara bagi kumpulan yang tinggal di daerah Lundu dan Sematan. Sejak merdeka hingga sekarang, kaum Bidayuh di Sarawak masih ketinggalan di dalam banyak aspek khususnya dalam bidang ekonomi dan perniagaan.

Terdapat terlalu kecil bilangan kaum Bidayuh yang terlibat dalam bidang perniagaan sungguhpun peluang terbuka luas untuk membuat demikian seperti yang terdapat di dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) Dasar Penwastanaan, Dasar Pertanian Ketiga (NAP 3). Manakala lebih banyak lagi yang perlu dilakukan agar kaum Bidayuh tidak terus ketinggalan dalam bidang pendidikan. Daripada tinjauan yang dilakukan pada awal tahun ini terdapat hanya lebih kurang 600 orang Bidayuh yang merupakan lepasan Diploma dan mendapat Ijazah Sarjana Muda. Bilangan ini sungguh kecil jika dibandingkan dengan masyarakat peribumi yang lain di Sarawak.

Organisasi Sosial

Suatu masa dahulu, klasifikasi masyarakat berdasarkan pangkat dan kedudukan wujud dalam kehidupan seharian masyarakat Melanau. Kedudukan seseorang di rumah panjang menentukan pangkatnya. Contohnya golongan atasan akan tinggal di bahagian tengah rumah panjang; sementara golongan yang lebih rendah akan tinggal di bahagian yang agak kepenghujung rumah. Masyarakat bawahan akan tinggal di penghujung rumah panjang dan bertindak sebagai pengawal. Secara amnya pengkelasan

masyarakat yang pernah wujud suatu ketika dahulu adalah berdasarkan turutan berikut;

- bangsa Pengeran: pangkat tertinggi dan merupakan bangsawan Brunei yang mewakili sultan Brunei dan bertugas mengumpul cukai.
- bangsa sembilan Pikul (A-Metahei) pangkat tertinggi Melanau
- bangsa Tuju* Pikul : bangsa kelas pertengahan
- bangsa Tuju* Betirih: orang tahanan dan hamba
- Dipen : golongan hamba abdi

Akan tetapi sistem pengkelasan berdasarkan pangkat ini hampir tidak wujud lagi sekarang. Lebih-lebih lagi mereka sekarang menghuni di rumah-rumah berasingan dan bukan lagi rumah panjang.

Adat dan Kepercayaan

Seperti mana kebanyakan masyarakat peribumi setempat lainnya, masyarakat Melanau tidak terlepas daripada mewarisi adat istiadat dan kepercayaan yang bercorak animisme. Terutamanya mereka yang masih lagi menganut agama tradisional. Menurut kepercayaan mereka, makhluk halus biasanya menetap di anak sungai, pokok, batu dan sebagainya. Bagi makhluk halus yang lebih tinggi, ia akan tinggal di kawasan yang lebih strategik dan luas seperti muara sungai, laut dan hutan. Ianya dikenali sebagai ipok dan dipuja setiap tahun dalam

Perayaan Kaul

Kepercayaan seperti ini membawa kepada pemujaan makhluk-makhluk halus tersebut untuk menghindari pengaruh kuasa ghaib. Di sinilah munculnya peranan bomoh sebagai perantara dalam sistem kepercayaan masyarakat ini. Suatu yang menarik mengenai kepercayaan animisme Melanau ialah; tuhan yang menguasai segala aspek kehidupan dikenali sebagai Allah atau Allah Taala. Tetapi perlu diingat, hanya istilah yang dipinjam bukan isinya. Ini dengan jelas menunjukkan pengaruh agama Islam yang telah pun sampai ke Nusantara sejak berdekad lamanya. Beberapa perayaan utama masyarakat Melanau ialah:

- Perayaan Kaul: dirayakan setiap tahun dengan tujuan memuja semangat laut (ipok kala) supaya mewujudkan kedamaian dan menambahkan hasil tangkapan.
- Permainan Tibow: merupakan upacara kesuburan. Semasa memainkan permainan itu, mereka akan menyanyikan pantun-pantun tertentu mengharapkan agar pokok dan tumbuhan berbuah lebat dan

ikan banyak membiak.

Selain itu, tahyul dan pantang larang merupakan antara asas dalam kepercayaan animisme. Hampir semua kegiatan harian mereka mempunyai larangan dan pantang yang perlu dijaui. Sebagai contoh; sekiranya seseorang itu hendak pergi menebang dan terserempak dengan tikus di pertengahan jalan, maka dia perlu berpatah balik kerana bagi mereka tikus adalah jelmaan iblis atau amow. Pantang larang ini juga melibatkan semua peringkat umur seseorang. Bermula daripada ibu mengandung, selepas bersalin, zaman kanak-kanak, cukur rambut, zaman bujang, selepas berkahwin dan mati semuanya dipenuhi dengan pantang larang yang perlu dipatuhi. Sekiranya dilanggar pantang larang tersebut maka tulah akan mengenai orang tersebut.

Itulah secara sepintas lalu mengenai kaum Melanau yang merupakan komoditi keempat terbesar di Sarawak selepas kaum Iban, Cina dan Bidayuh. Secara amnya; kita bersyukur kerana majoriti masyarakat ini mempunyai iktikad yang sama dengan kita. Kebanyakan mereka adalah Islam dan kebanyakan mereka beriman dengan keesaan Allah. Cuma yang menjadi kebimbangan kepada kita ialah usaha yang semakin hebat daripada golongan Kristian dalam usaha mereka melebarkan golongan Kristian di kalangan masyarakat pribumi Borneo. Justeru itu prihatin dan tumpuan yang lebih serius daripada semua pihak yang bertanggungjawab amatlah diharapkan semoga Islam terus subur di sana dan berkembang.

Bibliografi, rujukan dan sumber:

1. Nizamuddin Sulaiman: *Integrasi Kaum Di Sarawak*
2. Yassir Abd Rahman: Melanau Mukah: 11-15, 19
3. Pantang larang tersebut boleh didapati dalam 'Yassir Abd Rahman: *Melanau Mukah*': 35-52.

Muzium Sarawak

Muzium Sarawak merupakan satu-satunya muzium di Sarawak semenjak penubuhannya dalam tahun 1891 sehinggalah tahun 1964. Oleh kerana ketiadaan kakitangan profesional dalam kajian arkeologi, penyelidikan pertama hanya dilakukan dalam tahun 1948. Hasil cari gali memberikan pulangan yang besar dan mengagumkan. Semenjak itu, kerja-kerja catigali intensif telah dijalankan lebih daripada 50 tapak di seluruh Sarawak. Hasil daripada cari gali tersebut telah membongkar misteri sejarah, kekayaan seni dan warisan penduduk tempatan negeri Sarawak.

Pelbagai artifak prasejarah telah dijumpai. Bahagian barat Gua Niah adalah kawasan yang sungguh kaya dengan kesan sejarah yang bukan sahaja amat penting kepada sejarah Borneo tetapi juga terhadap tamadun manusia sejagat.

Pada kedalaman 90 inci, satu daripada tengkorak manusia tertua di dunia telah dijumpai dan dikelilingi oleh arang yang berusia 40,000 tahun menurut pakar. Ia merupakan penemuan terawal dan merupakan homo sapiens pertama dijumpai di Selatan Asia. Jauh di bahagian dalam mulut gua tersebut adalah tempat pengebumian Neolitik yang menampakkan 166 tapak pengebumian.

Pada bahagian lain batu kapur yang berdekatan dengan Gua Niah, lukisan dinding sepanjang 200 kaki juga telah dijumpai. Garisan-garisan pada lukisan tersebut adalah tebal dan menggambarkan sebuah bot panjang dan susunan manusia yang menari. Turut dijumpai di gua Kain Hitam tersebut adalah bot-bot lama, tembikar China dan manik kaca. Santubong merupakan kawasan arkeologi yang terbesar di Malaysia berbanding dengan Lembah Bujang di Semenanjung Malaysia. Kurator Tom Harrison (1947-1966) yang menyelia kerja-kerja cari gali dalam tahun 1949, telah menjumpai beribu-ribu serpihan seramik. Selain daripada seramik China, lebih kurang 40,000 tan sanga besi telah ditemui dan merupakan penemuan yang begitu menonjol. Adalah dipercayai bahawa tempat ini dahulunya merupakan pusat penting untuk para pedagang dan juga lombong bijih besi di antara kurun ke 11 Masehi sehingga ke kurun 13 Masehi. Pada akhir tahun 1974 satu penemuan penting telah terjadi di mana 79 peralatan batu, manik purba dan barang tembikar diperolehi di kawasan pedalaman Ulu Baleh, Kapit. Ia merupakan kawasan purba terbuka pertama pernah dijumpai di Sarawak dan juga di kepulauan Borneo.

Tapak Arkeologi Utama:

Sungai Ja'ong Lembah Sungai Sarawak

Terdapat ukiran-ukiran pada batu (*petroglyphs*) yang berkaitan dengan objek-objek emas dan seramik (Dinasti T'ang)

Bongkissam di Lembah Sungai Sarawak

Objek-objek emas dan batu separa berharga terdapat pada dataran (bahan purba dalam upacara agama Buddha). Seramik-seramik yang telah ditemui adalah dari Dinasti T'ang dan Sung.

Bukit Maras di Santubong

Patung purba Gautama Buddha yang dikaitkan dengan kepala dan batu gajah serta kepingan pasu-pasu lembut yang mungkin dibuat oleh orang tempatan untuk kegunaan domestik atau upacara keagamaan, tetapi barangan yang agak sempurna atau yang berbagai bentuk mempunyai reka bentuk India.

Gua Sireh di Daerah Bau

Gua ini pernah digunakan sebagai tempat pengkebumian, terdapat lukisan zaman batu neolitik pada dinding batu Neolitik, tembikar yang diperbuat dalam kurun ke-18 dan 19 dan bekas-bekas makanan.

Gua Bungoh di Daerah Bau

Tempayan Cina berwarna biru dan putih serta tembikar-tembikar buatan tempatan. Kawasan Gedong di Daerah Simunjan berkemungkinan menempatkan kubur. Walaupun tiada rangka-rangka manusia, namun banyak seramik berukuran 6' dan 24' yang berkeadaan baik dari Dinasti T'ang dan Sung telah ditemui.

Tanjung Sangidam Hilir di Daerah Serian

Seramik-seramik berwarna putih dan biru dari Dinasti Sung serta tembikar-tembikar buatan tempatan telah ditemui.

Gua Kedadum di Daerah Serian

Berkaitan dengan ukiran pada batu Neolitik.

Gua Langup di Daerah Serian

Berkaitan dengan ukiran pada batu Neolithic.

Ensika di Ulu Sebangon

Penemuan seramik Dinasti Sung dan pelbagai tembikar buatan tempatan.

Bukit Sandong di Daerah Serian

Seramik-seramik berwarna putih dan biru dari Dinasti Sung serta tembikar-tembikar buatan tempatan.

Saratok

Terdapat penemuan seramik-seramik dari Dinasti T'ang dan Sung (ada yang masih berkeadaan baik) di permukaan puncak bukit.

Kelaka di Daerah Kabong

Seramik biru putih dari Dinasti Sung, perkakasan Annamease dan Sawankhalok ditemui di tempat terbuka.

Sekadang Linggai

Penemuan seramik-seramik dari Dinasti Sung dan tembikar-tembikar buatan tempatan.



Bandar Kuching

Sekolah Kanowit

Seramik-seramik dari abad 18 dan 19 yang ditemui di kawasan perkuburan terbuka.

Song

Tempayan pengkebumian sekunder dari seramik Ming dan manik-manik kaca.

Lubang Kuala di Niah

Penemuan tapak tamadun Zaman Batu yang terpen-ting di Borneo. Kajian dengan menggunakan Pentarikhan Karbon menunjukkan batu arang berusia kira-kira 1,000 tahun ($100' \approx 39,600$ Bp). Tengkorak berusia pada tahap $96' \approx 39,000$ tahun. Penemuan lain adalah seperti ukiran pada batu-batu dan bekas-bekas makanan. Di kawasan permukaan dalam gua terdapat lebih dari 166 kubur Neolitik di samping ukiran-ukiran pada batu dan pasu-pasu tanah. Dua daripada kubur tersebut mengandungi perkakas yang diperbuat daripada logam

Kain Hitam ('The Painted Cave')

Di dalam gua batu kapur yang berasingan, terdapat lukisan-lukisan pada kira-kira 200 kaki di dinding gua tersebut dan 'death ship' atau keranda berbentuk perahu yang mengandungi tulang-tulang manusia dan manik-manik yang berselerakan di lantai gua.

Lubang Angin ('Wind Mouth')

Dataran kira-kira 400 kaki persegi di atas lereng gua pernah didiami pada Akhir Zaman Batu dan zaman-zaman sebelum Palaeolitik.

Gun Kira ('Traders Cave')

Dataran batu kecil pada paras laut yang menunjukkan tempat tersebut pernah menjadi tapak perdagangan, juga tempat berlakunya pembunuhan kerana terdapat rangka-rangka manusia yang terbenam berselerakan (ada kepala yang telah dipenggal). Kerja-kerja cari gali dijalankan sehingga pada dasar batu kapur (*Fossil tiram O. gigas*).

Lubang Tulang ('Caves of Bones')

Penemuan pelbagai jenis dan saiz tempayan yang berisi tulang-tulang manusia yang disusun pada lereng dinding gua. Penemuan lain termasuklah barangan yang diperbuat dari tembaga dan sebagainya yang menunjukkan adanya perhubungan perdagangan dengan Negara China pada tahun 900 hingga 1200 Masihi.

Samti

Pada penjuru gua besar terdapat 'death ships' atau keranda berbentuk perahu.

Juragan

Tinggi di atas lereng bukit, kira-kira 600 kaki persegi terdapat tulang-tulang dari golongan dewasa, bayi dan wanita. Adalah dipercayai masyarakat primitif ini mempunyai peralatan budaya yang ringkas (Punan?) tetapi mungkin pernah mengadakan hubungan perdagangan dengan masyarakat yang tinggal di Gua Besar. Peninggalan sejarah ini telah dipindahkan disebabkan kesukaran untuk mengawal daripada kerosakan oleh kerja-kerja mengambil tahi burung.

Upuising di Niah

Gua ini pernah digunakan tidak lama dahulu sebagai tempat pengkebumian berdasarkan penemuan barangan seperti bekas-bekas yang diperbuat daripada tanah, seramik-seramik, manik-manik kaca, objek-objek logam dan bekas-bekas makanan.

Sekaloh di Niah

Kubur lama masyarakat Melanau yang mengandungi barangan tembikar yang menarik dan bekas-bekas makanan.

Gua di Kakus, Ulu Tatau

Tempat perkuburan primer dan sekunder sebelum penemuan barangan yang diperbuat dari logam, kaca dan pinggan mangkuk.

Gua-Gua Sorang

(Batu Puteh dan Lotong Ringen)

Tempat ini terletak pada anak bukit berdekatan dengan Tatau, kira-kira 50 batu di Barat Niah. Lukisan-lukisan pada dinding gua (berlainan dengan Gua Kain Hitam dan Gua Sireh) ada kaitan dengan peralatan batu pada Zaman Pra-Neolitik.

Lubang Kudih di Bekong

Gua kubur yang ada kaitan dengan seramik-seramik Ming dan manik-manik.

Sungei Baya

Tempayan jenis Ming yang mengandungi ukiran-ukiran naga, tembikar dalam kurun 18 dan 19 yang mempunyai penutup, manik-manik serta sebiji bekas tempayan besar Yi Hsing

Batu Malong-along, di Ulu Sungai Limbang

Tapak pengkebumian yang mengandungi pinggan mangkuk dari jenis Annamese dan kotak China yang mempunyai penutup.

Long Semadoh

Terdapat lima tempat perkuburan lama di Long Semadoh. Masing-masing mengandungi seramik-seramik Ming serta tempayan yang mempunyai penutup dari kurun 18 dan 19. Terdapat juga empat batu di Daerah Long Semadoh, satu di Long Rapuak dan tiga di Long Lapukan. Batu-baru ini dipercayai digunakan untuk menanam barangan berharga.

Sungai Putai Baleh

Sebanyak 79 beliung zaman Neolitik yang berkaitan dengan objek-objek logam dan pasu tempatan ditemui pada tapak terbuka.

Penentangan Terhadap Penjajah:

Rentap

Nama sebenar beliau ialah Libau. Beliau dilahirkan sekitar tahun 1800. Beliau menetap di Hulu Sungai Sekrang. Beliau telah memegang jawatan sebagai ketua orang Iban di penempatannya. Rentap bermaksud 'Penggoncang Dunia'. Beliau digelar sebagai Rentap kerana keberanian menentang pentadbiran Brooke di Sarawak. Beliau juga seorang pahlawan Iban yang membawa gelaran 'Raja Darat'. Akibat keberaniannya beliau cuba menentang pentadbiran Brooke, beliau telah dianggap sebagai lanun. Antara kejayaan yang pernah dicapai oleh beliau ialah berjaya membunuh seorang pegawai Brooke. Selain itu juga, beliau telah membina sebuah kubu di Bukit Sadok di Hulu Sekrang dengan dikelengkapi meriam besi besar dan menggelarkan dirinya sebagai Raja Dart Sarawak. Beliau telah meninggal dunia di Entabai.

Apabila berjaya menguasai Kuching pada tahun 1841, James Brooke telah menjalankan dasar perluasan kuasa. Tindakan James Brooke menyerang dan mencabar kewibawaan dan kekuasaan Rentap sebagai pemimpin Iban Saribas. Tindakan James Brooke itu mendapat tindak balas daripada pemimpin-pemimpin tersebut. Pada tahun 1853, Rentap, Ketua Suku Dayak Laut yang terkenal, telah menyerang sebuah kubu Kerajaan James Brooke di Naga Skrang, Sarawak. Dalam serangan ini Rentap dan pengikut-pengikutnya telah berjaya membunuh Alan Lee, seorang pegawai kulit putih.



Gua Niah

Oleh kerana kegagahannya beliau telah diberi nama Rentap yang bermaksud 'penggoncang dunia'. Sejak dari penukaran nama ini, Rentap menjadi pemimpin yang terkenal dan disegani. Seperti Sharip Mashor, Rentap juga menentang penjajahan James Brooke yang bergelar 'Raja Sarawak'. Rentap menentang pemerintahan James Brooke kerana adat resam suku kaum Iban telah dicabuli oleh pemerintah bangsa Inggeris itu. Di samping itu juga pemerintahan Brooke telah melarang suku kaum Iban berdagang di persisir pantai bersama-sama orang-orang Melayu. Tujuan James Brooke ialah untuk memisahkan suku kaum Iban daripada bergaul dengan orang-orang Melayu.

Ketewasan pegawai-pegawai James Brooke di Kubu Naga Skrang telah menyemarakkan lagi perjuangan Rentap. Beliau telah membina sebuah kubu di atas Gunung Sadok dan menggelarkan dirinya sebagai 'Raja Darat Sarawak'. Gelaran ini telah menggugat kedudukan James Brooke. Pada bulan Jun 1857 James Brooke telah mengerahkan seramai 3,000 orang Than dan 500 orang Melayu untuk menyerang Rentap. Serangan tersebut gagal dan pada tahun 1858 mereka sekali lagi cuba menyerang Rentap. Tetapi mereka telah tewas lagi. Hanya dalam serangan yang ketiga pada bulan September 1861, James Brooke berjaya memusnahkan kubu di Gunung Sadok dan menghapuskan Rentap di situ. Pada 28 Oktober 1861 kubu Rentap dan perkampungannya di Gunung Sadok telah dibakar oleh pengikut-pengikut James Brooke. Bagaimanapun Rentap telah dapat melarikan diri ke Entabai, dekat dengan Sungai Kanowit.

Tinggalan Sejarah:

Bangunan Court House

Bangunan Court House, Kuching mula digunakan dari 17 November 1941. Pada mulanya Dewan hanya membincangkan perkara-perkara mengenai tanah,

gerombolan lanun dan sebagainya. Di peringkat awal tidak ada soal-an boleh dikemukakan oleh ahli-ahli. Tidak lama kemudian, Dewan membenarkan ahli-ahlinya mengemukakan soal-an-soal-an mereka untuk dijawab oleh pihak kerajaan.

Di antara rang undang-undang yang dibentangkan, dibahas dan diluluskan di dalam Dewan pada masa lalu ialah Rang Undang-Undang Penyerahan (Cession Bill). Rang Undang-Undang ini adalah yang paling banyak disentuh oleh sejarawan atau pengkaji sejarah Sarawak kerana ia mempunyai kaitan dengan kebangkitan perasaan kebangsaan di kalangan penduduk peribuminya. Rang Undang-Undang itu dibahaskan dalam Sidang Dewan pada bulan Mei 1946. Ia diluluskan dengan kelebihan undi yang kecil. Pada hakikatnya, rang undang-undang itu telah berjaya diluluskan dengan kelebihan undi yang tipis yang diberikan oleh pegawai-pegawai Eropah yang bukan rakyat Sarawak. Maka mulai 1 Julai 1946, Sarawak menjadi sebuah tanah jajahan British.

Dari 1946 hingga saat-saat sebelum merdeka, Dewan terus bergerak menempuh arus-arus perubahan yang banyak seiring dengan kedudukan negeri ditadbirkan oleh pejabat tanah jajahan yang berpusat di London melalui wakil-wakilnya di Sarawak. Zaman gemilangnya mulai berputik pada 16 September 1963 apabila Sarawak mencapai kemerdekaan melalui Malaysia. Dewan Undangan Negeri turut berubah wajah dengan ahli-ahlinya dipilih melalui pilihan raya. Ahli-ahli Dewan kini dipilih oleh rakyat melalui amalan demokrasi pilihan raya secara langsung. Sebagai mengenang jasa Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama yang menghasilkan cadangan pembentukan Malaysia dengan Sarawak memperolehi kemerdekaan melaluinya, Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 26 Mei 1971 telah meluluskan usul menyam-paikan ucapan terima kasih kepada YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Maktab Perguruan Sarawak

Maktab Perguruan Sarawak ditubuhkan dengan hanya dua buah bilik kuliah, sebuah dewan, asrama lelaki dan asrama perempuan di Sibul pada bulan April 1957 adalah hasil perakuan Laporan Woodhead yang ditugaskan untuk mengkaji perkembangan pendidikan di Sarawak dan Sabah pada waktu itu. Bermula dengan pengambilan yang terdiri daripada bahasa Cina, ia mula membuka pintunya kepada

peserta aliran Bahasa Inggeris pada tahun 1961 dan seterusnya menawarkan kursus pengajaran Bahasa Malaysia pada tahun 1977. Setelah 25 tahun menetap di Sibul, Maktab Perguruan Sarawak berpindah pula ke kampus barunya di Miri dengan menghadap Laut China Selatan, biayaan dari pinjaman Bank Dunia.

Jumlah kursus juga ditambah dengan memperkenalkan Kursus Pengajian Sekolah Menengah (PSM Sejarah dan PSM Geografi) pada tahun 1983 dan Kursus Pendidikan Sekolah Rendah Kanak-kanak (Pra-Sekolah) pada tahun 1991. Kursus Pengajian Matematik, Pengajian Agama Islam dan Pengajian Sains juga telah diperkenalkan pada tahun berikutnya. Dengan pelaksanaan KBSR, peranan guru kini bukan lagi sebagai pemberi maklumat semata-mata, malah juga berperanan sebagai fasilitator, perancang, insan contoh serta tenaga resos yang amat penting dalam menggerakkan masyarakat ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020. Wawasan 2020 dengan misi dan visinya, telah mendorong maktab ini merangka Program Lima Tahunnya dengan harapan dapat melahirkan insan guru yang lebih komited dan peka terhadap arus perkembangan pendidikan dan pembangunan negara yang bersepadu, di samping mengamalkan budaya ilmu yang tinggi.

Jabatan Laut Sarawak

Jabatan Laut Sarawak telah wujud semenjak pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak. Pada masa itu ia dikenali dengan nama 'The Shipping Office' dan ditadbir oleh seorang 'Shipping Master' atau dikenali juga sebagai 'The Harbour Master'. Beliau bertanggungjawab dalam hal ehwal kapal-kapal Kerajaan dan sedikit sebanyak dalam hal ehwal kapal perdagangan. Satu peraturan telah dibuat pada tahun 1872 di mana setiap kapal yang keluar masuk ke Sarawak perlu diperiksa dan mendapat kebenaran untuk berbuat demikian. Bilangan petugas pada tahun 1873 hanya 10 orang sahaja. Pada tahun 1874 'The Shipping Office' ditempatkan bersama-sama dengan pejabat-pejabat kerajaan lain di bangunan 'The Public Office', berhadapan dengan Pengkalan Batu sekarang. Pada masa tersebut bangunan ini telah menjadi Bangunan Mahkamah Tinggi (Lama).

Seluruh penubuhan 'The Sarawak Steamship Company' pada 1hb Julai 1875, bidang kuasa seorang 'Harbour Master' telah bertambah dan tugasnya meliputi hal ehwal keselamatan kapal-kapal tempatan, bot-bot kecil, perahu penambang, dan keba-

jikan anak-anak kapal tempatan. Pada tahun 1920, satu peraturan yang dinamakan 'Aturan 1920' telah diperkenalkan. Menurut peraturan tersebut, satu sijil kebenaran perlu didapati daripada 'The Shipping Office' dan pihak 'Trades and Customs Department' sebelum sesebuah kapal itu dibenarkan keluar atau masuk ke pelabuhan di negeri Sarawak. Pelepasan pelabuhan yang pernah digunakan pada tahun-tahun tersebut telah menggunakan tulisan jawi kerana kebanyakan pelaut adalah terdiri daripada anak-anak tempatan. Mereka merupakan pelaut-pelaut tempatan yang berpengalaman dan terbaik di rantau ini pada ketika itu.

Selepas tahun 1922, satu perintah baru telah dikeluarkan di mana 'The Shipping Office' bekerjasama dengan 'The Trade and Customs Department of Sarawak' bagi mengendalikan hal ehwal perdagangan kerana perdagangan pada masa itu dikendalikan melalui jalan laut. Melalui perintah yang sama juga, 'The Shipping Office' turut dikenali sebagai 'The Marine Department of Sarawak'. Walaupun begitu, nama tersebut jarang digunakan. Pada masa yang sama pejabatnya telah berpindah ke 'Godown No. 6' di Main Bazaar, Kuching. Di sini jugalah terletakinya jeti bagi kapal-kapal kerajaan. Tidak lama selepas siap pembinaan 'The Customs House' di Main Bazaar pada bulan Oktober 1930, 'The Marine Department of Sarawak' berpindah ke bangunan tersebut.

Setelah tamat Perang Dunia Kedua, barulah nama 'The Marine Department of Sarawak' digunakan secara rasmi dan ia diterajui oleh seorang pegawai yang bergelar 'Marine Director of Sarawak' atau 'Pengarah Laut Sarawak'. Beliau bukan sahaja bertanggungjawab ke atas kapal-kapal tetapi juga ke atas setiap perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kelautan. Walaupun begitu, kuasa ke atas bot-bot nelayan telah diserahkan kepada Jabatan Perikanan Laut Sarawak pada tahun 1988. Oleh kerana perairan Sarawak sangat luas iaitu kira-kira 800 kilometer panjangnya, maka tugas-tugas mengawasi kapal-kapal yang keluar masuk ke pelabuhan-pelabuhan kecil sudah tentu tidak terkawal. Justeru itu Pengarah Laut Sarawak telah memberi kuasa kepada Pegawai Daerah atau Pegawai Kastam bagi menjalankan tugas-tugas tersebut.

Setelah Sarawak bersama-sama dengan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, dan Singapura menubuhkan Malaysia pada tahun 1963, maka 'The Marine Department of Sarawak' telah diubah

namanya kepada Jabatan Laut Sarawak. Ia diletakkan di bawah agensi persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. Pada awal tahun 1988, Jabatan Laut Sarawak telah berpindah pejabat ke Bangunan Lembaga Pelabuhan Kuching, Jalan Pelabuhan, Pending kerana Kerajaan Negeri ingin membangunkan kawasan pejabat lama ini dengan Projek Tebingan Sungai Sarawak. Pada 31 Januari 1995, Jabatan Laut Sarawak berpindah ke kompleksnya sendiri di Lot 683, Seksyen 66, Jalan Utama, Tanah Puteh, Kuching, Sarawak. Sejak berdekad-dekad lamanya Jabatan Laut Sarawak ditadbirkan oleh pegawai-pegawai luar negara sama ada dari Britain ataupun dari Australia. Hanya pada tahun 1979, barulah anak tempatan dilantik untuk mentadbir jabatan ini. Pada akhir tahun 1995 setelah penyusunan semula dibuat bilangan jawatan pegawai dan kakitangan ialah seramai 554.

Mahkamah Syariah Sarawak

Sebelum Mahkamah Syariah Sarawak dirubuhkan, segala urusan berhubung dengan perkahwinan, perselisihan faham suami isteri, perceraian, nafkah anak, hak jagaan anak dan lain-lain lagi ditadbir dan dibicara oleh Mahkamah Melayu Sarawak. Undang-Undang yang dikuatkuasakan ialah Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak yang digubal pada tahun 1915 dan sedikit pindaan dibuat pada tahun 1956. Memandangkan terdapatnya kelemahan dalam undang-undang tersebut maka kerajaan negeri Sarawak telah mengambil inisiatif menubuhkan Mahkamah Syariah pada tahun 1978 di bawah Undang-Undang (Pemerbadanan) Majlis Islam Sarawak.

Namun demikian, kakitangannya masih bergantung dengan kakitangan Majlis Islam. Manakala undang-undangnya pula masih menerima pakai Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak. Pada 1hb. Mac, 1985, baharulah Mahkamah Syariah mempunyai undang-undangnya sendiri, yang diberi nama Undang-Undang Mahkamah Syariah, Order 1985, yang mana sebahagian besar peruntukan di dalamnya diambil dari peruntukan undang-undang di negeri Johor dan Wilayah Persekutuan serta mengekalkan beberapa peruntukan yang ada dalam Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak.

Perkembangan Islam di seluruh dunia pada dekad ini menyaksikan beberapa perubahan telah berlaku dalam pentadbiran agama Islam dan undang-

undang berkaitan. Negara Malaysia tidak ketinggalan dalam melalui perubahan ini dengan penubuhan beberapa jawatan kuasa yang khusus untuk menilai semula kedudukan dan taraf undang-undang Islam terutama Mahkamah Syariah di seluruh negeri.

Jawatankuasa tersebut dengan didokong oleh pimpinan negara sentiasa berusaha untuk mencari kaedah yang sesuai bagi meningkatkan imej dan kedudukan Mahkamah Syariah walaupun mereka menyedari soal agama Islam dan perkara berkaitan adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Mereka berharap perubahan peringkat globalisasi dan nasional akan turut mempengaruhi negeri-negeri di Malaysia dan seterusnya langkah untuk menubuhkan sebuah jabatan baru khusus untuk Mahkamah Syariah dapat dilaksanakan dengan segera.

Negeri Sarawak merupakan antara negeri yang berkembang dengan pesat bukan sahaja dari segi ekonomi malah dari segi pentadbiran agama Islam. Sarawak, negeri pertama yang menyahut seruan kerajaan agar mempertingkatkan kedudukan dan taraf Mahkamah Syariah demi meninggikan martabat masyarakat Islam dan agama Islam itu sendiri dengan membuat kajian dan beberapa perbincangan bagi membolehkan sebuah jabatan baru untuk Mahkamah Syariah dapat diadakan.

Selepas dibuat perbincangan dan kajian yang mendalam dan teliti, maka pada 17hb. Ogos, 1990 Mahkamah Syariah Sarawak telah dipisahkan pentadbirannya dari Majlis Islam Sarawak dan Jabatan Agama Islam Sarawak dengan penubuhan sebuah

jabatan baru yang diberi nama Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS). Mulai dari tarikh tersebut, maka JKSS merupakan sebuah jabatan baru di negeri ini yang antara lain tujuannya ialah untuk menegakkan keadilan. Fungsinya sama seperti jabatan-jabatan lain di Sarawak.

Visi Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak ialah berusaha menjadi sebuah organisasi yang berwibawa dalam menegakkan keadilan dan kesaksamaan berteraskan Hukum Syarak. Sementara misi Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak pula adalah sebagai sebuah organisasi yang komited dan penggerak utama dalam merealisasikan pentadbiran perundangan syariah yang cekap dan berkesan berasaskan kecemerlangan ilmu dan ketinggian sahsiah. Objektifnya ialah untuk memartabatkan perundangan syariah memberi kefahaman perundangan syariah kepada masyarakat, melaksanakan perundangan syariah, dengan adil dan saksama, menimbulkan kesedaran dan keinsafan dalam masyarakat tentang peranan dan tanggungjawab diri di sisi undang-undang. Manakala fungsinya sebagai mendaftar, mendengar, membicara dan memutuskan kes-kes mal dan jenayah di peringkat Mahkamah Tinggi, Rendah dan Rayuan, menerbitkan bahan-bahan maklumat melalui media massa, memberi taklimat dan penerangan mengenai perundangan syariah, menganjurkan kursus, seminar, muzakarah dan bengkel untuk kakitangan, menyertai kursus, seminar, muzakarah dan bengkel yang dianjurkan oleh agensi lain, mengemaskinikan prosedur-prosedur pentadbiran perundangan syariah dari masa ke semasa, mengendalikankan urusan personel, mengurus dan mentadbir hal ehwal pejabat dan mengurus hal ehwal kewangan pejabat.



Tenunan merupakan antara produk utama anak tempatan Sarawak.

Sumber, rujukan dan bibliografi:

1. J.M. Gullick, Kuala Lumpur 1880-1895: *A City in The Making*.
2. Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, halaman 11-12.
3. KL Memorial Library
4. Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995
5. Syed Husin Ali, *Nilai Sosial Politik Asas Kebudayaan Kebangsaan*, Kuala Lumpur, 1973, halaman 126
6. Ismail Hamid, op.cit, halaman 12, 49-60, 63, 64, 125, 126
7. Ibid, halaman 29, 54, 63, 116, 121, 122-124, 127
8. Muhammad Yusof Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, halaman 141.
9. Akhbar Ali, *Putrajaya 'bandar firdaus'*
10. Mohd. Taib Osman dan Wan Kadir Yusof, *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, halaman 113
11. Aziz Deraman, *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*, KKBS, Kuala Lumpur, 1975, halaman 51
12. H. M. Sidin, *Asal Usul Adat Resam Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, halaman 91
13. Zainal Abidin Abdul Wahid, *Malaysia Warisan Dan Perkembangan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, halaman 43
14. Akhbar *Utusan Malaysia* 30 Julai, 1999
15. Zainal Abidin Abdul Wahid, *Malaysia Warisan Dan Perkembangan* (edisi kedua), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996
16. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Penikiran Umat Islam Di Nusantara Sejarah dan Perkembangan Hingga Abad ke-19*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, halaman 52
17. Mat Zahari Ali, *Industri Timah Negara: Layu Ketika Berkembang*
18. Laman Web: maklumat@islam.gov.my
19. *Warisan Sabah: Pengenalan Ringkas Sejarah dan Warisan Sabah*, Jabatan Muzium Sabah, Kota Kinabalu, 1992.
20. *Asal Usul Negeri-Negeri Di Malaysia*, Zakiah Hanum
21. Bahan Pameran Pejuangku, Pembela Maruah Bangsa Daro Bahaman Dan Mat Kilau, Unit Koleksi Negeri Pahang Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.
22. Abdullah Amirah, *Ringyat Hidip Tok Janggut Dan Peperangan Di Kelantan*, Sinaran Bros Ltd, Pulau Pinang, 1957
23. Abdullah Zakaria Ghazali, *Peribumi Dan Penjajahan: Gerakan Tentangan Di Malaysia*, Jurnal Sejarah, Persatuan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Bil 23, 1995.
24. Berita Minggu, 22 September 1996
25. Nik Annuar Nik Mahmud, *Sejarah Jeram Dan Kebangkitan Tok Janggut* (1915), Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972.
26. W. R. Roff (Ed), *Kelantan Religion, Society And Politic In A Malay State*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1974
27. Yahya Abdullah, *Peperangan Tok Janggut Atas Balasan Derbaka*, The Muslim Printing Press, Kota Bharu, 1955
28. *New Straits Times*, Monday, 28 February 1994
29. Ahmad Sayuthi, *Tuk Janggut Ditudubi Suluh Sendiri*
30. *Siri Sejarah Malaysia - Datuk Maharaja Lela*, Penerbit Delta, 1982.
31. Zainal Abidin Abdul Wahid, *Malaysia Warisan Dan Perkembangan*, Edisi Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, halaman 96
32. Buyung Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15 Hingga 19*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983, halaman 78
33. Ibid, halaman 50, 51, 79, 82, 83, 86, 87, 93, 112, 134, 135, 136, 139, 140, 141, 142

34. Andaya, Barbaya W. E., Andaya Leonard Yang, *Sejarah Malaysia*, Macmillan Press, London, 1982, halaman 14, 70
35. Barbara, Watson Andaya, *Perak: The Abode Of Grace A Study Of An Eighteenth Century Malay State*, 16, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1979, halaman 46
36. Andaya, Op.cit, halaman 70, 79
37. Barbara, Op.cit, halaman 49
38. Buyung Adi, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971, halaman 133
39. Op.cit, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*, halaman 110
40. Koleksi Terengganu PPAT. Berita Darul Iman: Mei - Ogos 1994, Syed Mohamad Bin Syed Abdullah
41. Ismail Hussein, etc., *Tamaddun Melayu*, Jilid 3, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, halaman 1063.
42. Aziz Deraman, *Matyarakat dan Kebudayaan Malaysia*, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1975, halaman 5
43. Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, halaman 333
44. Andaya, Barbara W.E. Andaya, Leonard Y, *Sejarah Malaysia*, Macmillan Press, London, 1982, halaman 11
45. Ibid, halaman 11, 12, 13, 14, 15, 20, 21, 27, 60, 96, 131
46. Zainal Abidin Abdul Wahid, *Malaysia Warisan dan Perkembangan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, halaman 70
47. Harun Daud, *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Pengkajian Budaya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1989, halaman 189
48. Andaya, Op. Cit, halaman 14
49. Aziz Deraman, Op.cit, halaman 20, 59, 60, 99
50. Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, halaman 15-22.
51. Ismail Hamid, Op.cit, hlm 55
52. Shellabear, W.G. (Diusahakan), *Sejarah Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Peraling Jaya, 1975, halaman 129.
53. Muhammad Yusoff Hashim, Op.cit, halaman 235
54. Tan Teng Hong
55. Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad di Persidangan UMNO, PWTC 2002
56. Satu Kajian Menentukan Tapak Pendaratan Parameswara. (Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka)
57. O.W Wolters, *Studying Srivijaya*, JMBRAS, LXII, ii, 1944, hlm 1-32 Wang Gungwu, *The First Three Rulers Of Melaka*, JMBRAS, XLI, 1968, halaman 11-22
58. Meilink Roelofs, *Asian Trade and European Influence in the Indonesia Archipelago Between 1500 and About 1630*, the Hague, 1962, halaman 36-40
59. Armando Cortesao (ed) *The Suma Oriental of Tome Pres*, jil 11, Hakluyt Society, London 1944, halaman 254-255
60. R.O Winstedt, *History Of Malaya*, JMBRAS, XIII, I, 1935, halaman 42, W.W. Rockhill, Notes on the relations, Toung Pao, XVI, 1915, 117. Hal ini diterangkan dengan jelas dalam fasal 10, Undang-Undang Laut Melaka Winstedt dan De Jong (eds) Maritime Laws, halaman 39
61. Ibid, halaman 276-277, C.R. Boxer, *Fidalgos In The Far East*, 1550-1770
62. Syed Muhammad Naquib al-Attas, Preliminary statement on the general theory of the Islamization on the Malay, Indonesian Archipelago, Kuala Lumpur, 1969, halaman 5-6.
63. Barbara Wantos Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Publishers Macmillan Sdn. Bhd. terbitan pertama edisi BM 1983
64. Khoo Kay Kim, Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman, Muhd. Yusuf Ibrahim, Amin Hassan dan Zainal Abidin Abdul Wahid, *Malaysia Warisan dan Perkembangannya*, DBP, Kuala Lumpur, 1992

65. Muhd Yusof Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, DBP, Kuala Lumpur 1990 cetakan ke-2
66. W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, Fajar Bakti, 1975
67. *Analisis K-Ekonomi Tonggak Masa Depan Negara*, Nazar Abdul
68. *K-Ekonomi Tidak Terhad Penggunaannya*, Ramlan Abd Wahab
69. *Utusan Malaysia*, 29 Mac 2000
70. *Utusan Malaysia Online*
71. *K-Ekonomi dari Katamata Islam*, Maarop Md Noh
72. *Berita Harian*, Isnin 19 Jun 2000
73. *Arab Tuju K-Ekonomi Masib Samar*, Ismail Hashim
74. *Berita Minggu Online*, Ahad, 4 Jun 2000
75. *Debaran Menanti Oktober 2003*, Lukman Ismail
76. Jabatan Muzium Sabah, Kompleks Muzium Sabah, Jalan Muzium, 88300 Kota Kinabalu, Sabah, Ismail Hj. Mansor, New Sabah Times, Ahad 18 Februari 2001
77. Jabatan Muzium Sabah, Kompleks Muzium Sabah, Jalan Muzium, 88300 Kota Kinabalu, Sabah, Doutis Goukit, New Sabah Times, Ahad 12 Mac 2000
78. Jabatan Muzium Sabah, Kompleks Muzium Sabah, Jalan Muzium, 88300 Kota Kinabalu, Sabah, Ismail Hj. Mansor & Baslee Nurajim, New Sabah Times, Ahad 2 April 2000 Jabatan Muzium Sabah, Kompleks Muzium Sabah, Jalan Muzium, 88300 Kota Kinabalu, Sabah
79. Baslee Nurajim, *New Sabah Times*, Ahad 7 Januari 2001
80. Ucapan Dasar YB Datin Paduka Zaleha Ismail Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Malaysia di Bengkel dan Mesyuarat Pakar Nasional yang bertema 'Ekonomi Persekitaran dan Transformasi Teknologi Masyarakat Peribumi Di Malaysia pada 8 Ogos 1997, di Pulau Pinang
81. Dewan Budaya, Disember 1980, ms 36-38
82. Arena Wati. 1978. *Peribumi Sabah (Kadazan, Dusun)*. Yayasan Sabah, Kota Kinabalu.
83. Dentan, R.K. 1979. *The Semai: A nonviolent people of Malaya*. New York: Holt, Rinehart and Winston Evans, I.N.H. 1924. *Among Primitive Peoples in Borneo*, London.
84. Hose, C. dan McDougall, W. 1996. *The Pagan of Borneo*. Frank Cass and Company, Ltd.
85. Hood Salleh, Kamaruddin M. Said dan Awan Hasmadi Mois (eds). 1993. *Mereka yang Terpinggir*. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Intan. 1991. *Malaysia Kita*, Kuala Lumpur.
86. Jensen, E. 1974. *The Iban and Their Religion*. Oxford: Clarendon Press. Juli Edo. 1990. *Tradisi Lisan Masyarakat Semai*. Monograf No.1 Fakulti Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
87. Williams, T.R. 1965. *The Dusun: A north Borneo Society*. New York: Holt, Rinehart and Winston
88. Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Peribumi Sabah 1881-1941*. UKM-Yayasan Sabah.